KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

2021

LAPORAN TAHUNAN

LAPORAN TAHUNAN

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

2024

ISI KANDUNGAN

Nota Ilham oleh YBM KPT ii

Perutusan Ketua Setiausaha KPT iii

Maklumat Korporat
Visi & Misi 8
Carta Organisasi 8

BAHAGIAN

1. **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** 12
2. **Bahagian Kewangan dan Akaun** 27
3. **Bahagian Pembangunan** 35
4. **Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar** 45
5. **Bahagian Hubungan Antarabangsa** 89
6. **Bahagian Khidmat Pengurusan** 111
7. **Bahagian Biasiswa** 129
8. **Bahagian Pengurusan Maklumat** 137
9. **Unit Undang-Undang** 152
10. **Unit Audit Dalam** 154
11. **Unit Komunikasi Korporat** 159
12. **Unit Integriti** 164

JABATAN

1. **Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)** 170
2. **Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)** 189

AGENSI

1. **Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)** 204
2. **Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)** 224
3. **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** 243
4. ***Education Malaysia Global Services* (EMGS)** 249
5. **Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)** 269

NOTA **ILHAM**

Menteri Pengajian Tinggi

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya zahirkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dapat menempuh tahun 2021 dengan kejayaan yang cemerlang. Pencapaian pelaksanaan program dan aktiviti yang diadakan dicatatkan dalam Laporan Tahunan KPT 2021, untuk dikongsikan dan dijadikan sumber rujukan oleh pelbagai pihak.

Sesungguhnya, Laporan Tahunan KPT 2021 merupakan satu penerbitan yang sangat signifikan bagi KPT kerana, laporan bercetak ini bukan sahaja menjadi bukti kejayaan dan pencapaian KPT sepanjang tahun 2021, tetapi juga menyingkap perjalanan Kementerian dalam mendepani persekitaran pascapandemik. Ini lebih-lebih lagi dalam upaya kita untuk memastikan keseimbangan antara kebajikan para pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan visi utama Kementerian.

Antaranya termasuklah kejayaan memastikan kira-kira 1.1 juta orang warga IPT menerima vaksin COVID-19 melalui Program VACC2CAMPUS, pembekalan 1.2 juta unit kit ujian pantas (*Rapid Test Kit – RTK*) kepada pelajar IPT yang kini masih diteruskan, penempatan pekerjaan dan penjanaan pendapatan kepada seramai 13,610 pelajar warga Malaysia menerusi Program GETHIRED@KPT, penyediaan sebanyak 470,444 baucar makanan kepada pelajar B40 secara bersasar melalui Program FOOD@CAMPUS, serta banyak lagi inisiatif lain yang cemerlang.

Semuanya hasil usaha, kerjasama dan komitmen daripada seluruh warga kerja KPT serta juga Jabatan dan Agensi di bawahnya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga atas komitmen padu menjayakan setiap inisiatif yang dirancang.

Sekalung penghargaan juga dizahirkan kepada barisan sidang redaksi dan semua yang terlibat dalam merealisasikan pembukuan lakaran pencapaian KPT ini.

Menjadi harapan saya agar penyampaian perkhidmatan KPT kepada rakyat terus dipergiat dan dipertingkatkan lagi. Saya juga berharap agar keluarga besar KPT akan sentiasa sama-sama menggembleng tenaga memastikan kualiti perkhidmatan KPT tidak terjejas, malah bersifat lebih proaktif, kreatif dan berpaksikan rakyat.

#KeluargaMalaysia
#KPTPrihatin

YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD

KATA **ALU-ALUAN**

Ketua Setiausaha KPT

Alhamdulillah, titipan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, KPT telah berjaya melaksanakan tugasan dan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2021 dengan penuh dedikasi dan cemerlang.

Laporan Tahunan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2021 ini menjadi dokumen yang signifikan kepada semua pihak dalam mewacanakan refleksi pencapaian, aktiviti, sumbangan dan kejayaan KPT. Pengalaman melakar kanvas keemasan sudah tentu menjadikan warga kerja KPT lebih matang, cekal dan berpandangan jauh dalam berkhidmat.

Menyoroti perjalanan tahun 2021, KPT bukan sahaja unggul menterjemah semangat 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia kepada bentuk pelaksanaan. Malah, catatan kecemerlangan KPT turut disaksikan melalui pencapaian di peringkat global 22 buah universiti di Malaysia yang telah menunjukkan peningkatan kedudukan dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings: Asia 2022. Kadar kebolehpasaran graduan turut meningkat sebanyak 1.1%, iaitu 85.5% berbanding 84.4% pada tahun 2020. Ini menandakan perkembangan yang positif terhadap usaha-usaha intervensi kebolehpasaran graduan yang telah dilaksanakan.

YBHG. DATO' SERI ABDUL RAZAK JAAFAR

MAKLUMAT KORPORAT

1 VISI & MISI

2 CARTA ORGANISASI

VISI & MISI

VISI

Pendidikan Tinggi Berkualiti, Insan Cemerlang, Negara Sejahtera.

MISI

Melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara.

CARTA ORGANISASI

TKSU (Dasar)
PTD Gred Utama B

- **Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar** — PTD Gred Utama C
- **Bahagian Hubungan Antarabangsa** — PTD Gred Utama C
- **Bahagian Biasiswa** — PTD Gred M54
- **Bahagian Khidmat Pengurusan** — PTD Gred M54

TKSU (Pengurusan dan Pembangunan)
PTD Gred Utama B

- **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** — PTD Gred Utama C
- **Bahagian Pembangunan** — PTD Gred Utama C
- **Bahagian Kewangan** — PTD Gred Utama C
- **Bahagian Akaun** — Akauntan Gred WA54 (KUP Gred Utama C)
- **Bahagian Pengurusan Maklumat** — PTM Gred F54


Menteri
Timbalan Menteri
Ketua Setiausaha
PTD Gred Utama Turus III
Unit di Bawah Ketua Setiausaha
Unit Undang-undang
PUU Gred L54
Unit Audit Dalam
Juruaudit Gred W54
Unit Komunikasi Korporat
Gred 54 (Terbuka)
Unit Integriti
Pegawai Siasatan Gred P48
Jabatan Pendidikan Tinggi
Gred Utama A (Terbuka)
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
PPPT Gred Utama B (KUP Gred Utama C)
Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi
Gred Utama B (Terbuka)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Gred Utama B (Terbuka)
Agensi Kelayakan Malaysia
Gred Utama A (Terbuka)
Education Malaysia Global Services
Yayasan Sukarelawan Siswa
Yayasan Tunku Abdul Rahman
20 Universiti Awam

BAHAGIAN

1 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

2 Bahagian Kewangan dan Akaun

3 Bahagian Pembangunan

4 Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar

5 Bahagian Hubungan Antarabangsa

6 Bahagian Khidmat Pengurusan

7 Bahagian Biasiswa

8 Bahagian Pengurusan Maklumat

9 Unit Undang-Undang

10 Unit Audit Dalam

11 Unit Komunikasi Korporat

12 Unit Integriti

BAHAGIAN **PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Latar Belakang

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) berperanan dalam menguruskan sumber manusia dan melaksanakan dasar perkhidmatan dengan cekap dan berkesan. BPSM turut bertanggungjawab dalam aspek perancangan dan pembangunan sumber manusia di samping melahirkan modal insan yang berpengetahuan, mahir dan kompeten dalam melaksanakan tugas.

BPSM adalah terdiri daripada enam (6) unit yang melaksanakan urusan berkaitan sumber manusia seperti berikut:

i. Unit Pembangunan Organisasi

ii. Unit Pengurusan Perkhidmatan dan Prestasi

iii. Unit Strategik dan HRMIS

iv. Unit Pengurusan Latihan

v. Unit Pentadbiran dan Pingat

vi. Unit Pengurusan Psikologi

Visi dan Misi

VISI

Menjadi peneraju pengurusan sumber manusia Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

MISI

Menyediakan struktur organisasi yang mantap, modal insan yang kompeten dan berkeperibadian mulia serta mengurus sumber manusia dengan cekap dan berkesan seiring dengan aspirasi KPT.

Objektif

Menghasilkan warga kerja yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti melalui perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara cekap dan berkesan bagi mencapai objektif organisasi.

Program dan Aktiviti Utama

Unit Pembangunan Organisasi

Sesi Runding Cara Keperluan Perjawatan melalui Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Tahun 2022 bagi Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar (HP)

Sesi runding cara dan libat urus bagi membincangkan keperluan perjawatan di bawah ABM Tahun 2022 bagi semua UA dan HP telah diadakan bermula pada bulan April 2021 sehingga Mei 2021. Menerusi sesi runding cara ini, BPSM meneliti dan mengkaji permohonan keperluan dan pengukuhan perjawatan tahun 2022 bagi setiap UA dan HP dengan menyemak struktur organisasi keseluruhan agensi, carta fungsi, deskripsi tugas dan isu-isu semasa yang dihadapi agensi.

Sesi runding cara bagi UiTM dan HUiTM dapat dijalankan secara bersemuka pada 4 Mei 2021 di HUiTM dengan mematuhi *standard operating procedure (SOP)* yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Setelah sesi runding cara selesai, BPSM dibawa untuk melawat fasiliti yang disediakan oleh HUiTM. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan kes pada tahun 2021, sesi runding cara bagi UA dan HP yang lain dilaksanakan secara dalam talian.

Selepas selesai kesemua sesi runding cara bersama UA dan HP, BPSM kemudiannya menyediakan kertas permohonan keperluan perjawatan di bawah ABM tahun 2022 bagi semua UA serta HP untuk dikemukakan bagi pertimbangan dan kelulusan Agensi Pusat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO).

Permohonan Perjawatan melalui Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Tahun 2022 bagi Universiti Awam dan Hospital Pengajar (HP)

Cadangan permohonan perjawatan UA dan HP telah dibentangkan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) (TKSU [PP]) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO) Bilangan 6 Tahun 2021 yang diadakan pada 26 Ogos 2021. Berikut adalah perjawatan yang telah diluluskan:

a. Pewujudan 406 jawatan dan pemansuhan 416 jawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan di 20 Universiti Awam (UA).

b. Pewujudan 897 jawatan dan pemansuhan 4 jawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan di 9 Hospital Pengajar (HP).

c. Menaik taraf 25 jawatan di UA dan 3 jawatan di HP.

Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2020 berhubung dengan Dasar Hubungan Majikan-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam – Majlis Bersama Jabatan (MBJ), setiap MBJ hendaklah mengadakan Mesyuarat MBJ sekurang-kurangnya sebanyak tiga (3) kali setahun, iaitu sekali dalam tempoh empat (4) bulan.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat MBJ Bilangan 1 Tahun 2021 telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 31 Mei 2021 secara dalam talian. Sebanyak empat (4) usul telah dikemukakan oleh Pihak Pekerja yang merangkumi tiga (3) isu pentadbiran dan satu (1) isu kebajikan.

Berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2021, peranan keurusetiaan MBJ telah dikembalikan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) seperti pelaksanaan sebelum Julai 2019. Justeru, Mesyuarat MBJ KPT Bilangan 2 dan 3 bagi tahun 2021 telah diurusetiakan oleh BKP selaku Sekretariat MBJ KPT yang baharu.



Bengkel Transformasi Skim Perkhidmatan di Universiti Awam (UA)

Bengkel Transformasi Skim Perkhidmatan di UA telah diadakan pada 30 Ogos 2021 bagi meneliti cadangan Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) untuk mengadakan transformasi skim perkhidmatan di UA. Bengkel tersebut telah diadakan secara dalam talian dan turut dihadiri oleh wakil 20 UA dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Unit Pengurusan Perkhidmatan dan Prestasi (UPPP)

Majlis Apresiasi Kecemerlangan Tahun 2020

Majlis Apresiasi Kecemerlangan Tahun 2020 meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dalam kalangan pegawai perkhidmatan awam KPT yang telah mempamerkan prestasi kecemerlangan pada tahun 2020. Pemberian APC diberi kepada 8% daripada pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian bagi setiap agensi. Demi mematuhi SOP ke arah mengekang penularan wabak COVID-19 dan selaras dengan keputusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bilangan 1 Tahun 2021, maka penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 diadakan secara berasingan mengikut agensi.

Justeru, majlis yang diadakan pada 22 Juali 2021 berfokuskan kepada penerima yang bertugas di Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, serta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (peringkat ibu pejabat) yang melibatkan seramai 116 penerima sahaja. Perkara ini turut mengambil kira pelaksanaan majlis fizikal masih belum dibenarkan oleh pihak Kerajaanketika itu. Penyampaian APC kepada penerima dilaksanakan secara dalam talian menerusi platform Webex dan disempurnakan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi.

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian Pengajian Tinggi Bilangan 1 Tahun 2021

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian Pengajian Tinggi Bilangan 1 Tahun 2021 telah diadakan pada 24 Mac 2021 (Rabu) pada pukul 8.15 malam di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina aras 17. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua Ahli PPSM KPT yang terdiri daripada Pengerusi iaitu KSU KPT dan ahli-ahli PPSM, iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan).

Pingat Perkhidmatan Cemerlangan (PPC) tahun 2021

Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam pelbagai bidang sama ada dalam melaksanakan tugas rasmi yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelawanan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan Negara. KPT telah mengemukakan 13 pencalonan kepada JPA dan tiga (3) orang pegawai berjaya dalam Penganugerahan P.P.C. ini seperti senarai nama berikut:

Penerima Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) Kementerian Pengajian Tinggi Bagi Tahun 2020

(i) Puan Siti Nurbaya binti Ismail
Timbalan Bendahari Kanan Gred W52
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

(ii) Encik Ismail bin Ahmed
Pegawai Kebudayaan Gred B48
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

(iii) Encik Yusri bin Shamsudin
Penolong Arkitek Landskap JA29
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

- Urusan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Guna sama dan Bukan Guna sama Tahun 2021

  Pelaksanaan urusan pertimbangan pemangkuan/ kenaikan pangkat berdasarkan Skim Pelaksanaan Guna Sama dan Bukan Guna Sama bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Bilangan Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama Tahun 2021.

Bil.	Perkara	Bilangan Urusan	Bilangan Permohonan
	A. Urusan Pemangkuan		
1.	Urusan Pertimbangan Pemangkuan Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama	12	47
2.	Urusan Pertimbangan Pemangkuan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama	13	259
	JUMLAH	**25**	**306**
	B. Urusan Kenaikan Pangkat		
1.	Urusan Pertimbangan Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama	14	29
2.	Urusan Pertimbangan Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama	17	23
3.	Urusan Pertimbangan Kenaikan Pangkat secara *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK) Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama	26	83
	JUMLAH	**57**	**135**

- Urusan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat/ Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT)

  Pelaksanaan urusan pemangkuan/ kenaikan pangkat PPPT bagi tahun 2021 adalah seperti jadual berikut:

Jadual 2 : Bilangan Pegawai Terlibat Dalam Urusan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat/ Rayuan PPPT Tahun 2021.

Bil.	Urusan	Bilangan Urusan	Bilangan Permohonan (orang)	Bilangan Diluluskan (orang)
	A. Urusan Pemangkuan			
1.	Gred DH52 ke Gred DH54	1	42	42
2.	Gred DH48 ke Gred DH52	1	506	469
	JUMLAH	**2**	**548**	511
	B. Urusan Kenaikan Pangkat			
1.	Gred DH52 ke Gred DH54	1	28	* Lembaga di JPA Dijangka Bulan Februari 2022*
2.	Gred DH48 ke Gred DH52	1	85	* Lembaga di JPA Dijangka Bulan Februari 2022*
3.	Gred DH44 ke Gred DH48	2	18	18
4.	Gred DH41/42 ke Gred DH44	3	402	10
5.	Gred DH29/32/34 ke Gred DH42	1	64	64
6.	Gred DH29 ke Gred DH32	1	1	1
	JUMLAH	**9**	**598**	**93**

Urusan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat Pegawai Pengurusan Tertinggi Skim Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama Tahun 2021

Pelaksanaan urusan pertimbangan pemangkuan/ kenaikan pangkat bagi Pegawai Pengurusan Tertinggi berdasarkan Skim Pelaksanaan Guna Sama dan Bukan Guna Sama tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jadual 3 : Bilangan Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat bagi Pegawai Pengurusan Tertinggi Skim Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama Tahun 2021.

Bil.	Perkara	Bilangan Urusan
	A. Urusan Pemangkuan	
1.	Urusan Pertimbangan Pemangkuan Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama	3
	JUMLAH	**3**
	B. Urusan Kenaikan Pangkat	
1.	Urusan Pertimbangan Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama	3
2.	Urusan Pertimbangan Kenaikan Pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) Bagi Perkhidmatan Guna Sama dan Bukan Guna Sama	6
	JUMLAH	**12**

Sesi bersama Politeknik Banting, Selangor.

Sesi Pemantauan dan Konsultansi Pengurusan Sumber Manusia (Zon Selatan dan Zon Tengah)

Sesi Pemantauan dan Konsultansi Pengurusan Sumber Manusia bagi Politeknik telah diadakan pada 16 November 2021 dan 18 November 2021 melibatkan Politeknik Port Dickson dan Politeknik Banting. Sesi ini bertujuan untuk pemantauan dan konsultansi terhadap pengurusan sumber manusia di Politeknik yang melibatkan semakan terhadap urusan-urusan perkhidmatan seperti cuti, elaun, kemudahan perubatan, opsyen pertukaran pelantikan, opsyen pesaraan, pengekalan perjawatan serta semakan terhadap rekod maklumat perkhidmatan pegawai di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK).

Sesi Pemantauan dan Konsultansi Pengurusan Sumber Manusia (Zon Timur)

Sesi Pemantauan dan Konsultansi Pengurusan Sumber Manusia di Universiti Malaysia Pahang telah diadakan pada 11 November 2021 dan 12 November 2021. Sesi Pemantauan dan Konsultansi ini dilaksanakan untuk memastikan urusan berkaitan pelantikan secara kontrak di Universiti Awam dilaksanakan selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 (SPP 3/2008) – Penurunan Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak oleh IPTA dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 (SPP 1 /2011) – Penurunan Kuasa Melulus Kelonggaran Syarat Umur Maksimum Bagi Pelantikan Secara Kontrak di IPTA.

Sesi bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Unit Strategik dan HRMIS

Cadangan Kenaikan Kadar Elaun Tugas Khas Pentadbiran (ETK) dan Elaun Pengetua Asrama (EPA) di Universiti Awam (UA)

Mesyuarat Penyelarasan Pemberian Elaun di Universiti Awam (UA) Malaysia Bil. 2 Tahun 2021 yang dipengerusikan oleh Encik Mansor bin Ibrahim Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah diadakan pada 15 September 2021 melalui platform mesyuarat dalam talian bersama-sama dengan 37 wakil daripada UA dan Hospital Pengajar (HP). Mesyuarat ini telah membincangkan mengenai semakan semula kadar yang berkuat kuasa Cadangan Kenaikan Elaun Tugas Khas Pentadbiran (ETK) dan Elaun Pengetua Asrama (EPA) di Universiti Awam (UA).

Mesyuarat ini juga disusuli dengan Mesyuarat Penyelarasan Pemberian Elaun di Universiti Awam (UA) Malaysia Bil. 3 Tahun 2021 pada 26 Oktober 2021 bagi memuktamadkan hasil dapatan BPSM sebelum kertas cadangan Kementerian dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk penelitian dan pertimbangan.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Tahun 2021.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) Kementerian Pengajian Tinggi yang dipengerusikan oleh Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diadakan pada 3 November 2021 melalui platform dalam talian bersama-sama dengan 65 orang wakil daripada Jabatan, Agensi di KPT, Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar. Mesyuarat telah membincangkan mengenai pencapaian KPI HRMIS pada tahun 2020 dan 2021, pelaksanaan KPI HRMIS yang baharu pada tahun 2022, hala tuju Kementerian dalam pelaksanaan KPI HRMIS serta isu-isu berbangkit di peringkat Jabatan/agensi.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Tahun 2021

Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Tahun 2021 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diadakan pada 23 Disember 2021 melalui platform dalam talian dan dihadiri oleh seramai 52 orang wakil daripada Jabatan, Agensi di KPT, Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar (HP). Mesyuarat ini membincangkan mengenai pencapaian semasa HRMIS dan isu-isu berbangkit di jabatan/agensi masing-masing.

Mesyuarat Pelaksanaan Projek Integrasi HRMIS Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar (HP) Bagi Submodul Pengisytiharan Harta

Meyuarat ini dipengerusikan oleh Puan Shahah binti Ahmad Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) melalui platform dalam talian dan dihadiri oleh seramai 60 orang wakil daripada Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar (HP) pada 21 September 2021, 16 November 2021 dan 21 Disember 2021. Mesyuarat telah membincangkan mengenai perancangan dan pelaksanaan projek integrasi Submodul Perisytiharan Harta serta menyelesaikan isu-isu berbangkit di peringkat UA.

Unit Pengurusan Latihan

Unit Pengurusan Latihan telah diwujudkan hasil penstrukturan semula Bahagian Pengurusan Sumber Manusia ekoran pewujudan Kementerian Pengajian Tinggi pada Mac 2020. Fokus utama unit ini adalah melaksanakan program latihan berpandukan Pelan Operasi Latihan Tahun 2021 dan memantau prestasi HRMIS terutamanya enam (6) *Key Performance Index* (KPI) HRMIS Ketua Setiausaha Kementerian.

Berikutan wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh negara, pelaksanaan program yang dirangka oleh Unit Pengurusan Latihan adalah terjejas. Sepanjang tempoh Tahun 2021, dengan peruntukan sebanyak RM375,145.00, Unit Pengurusan Latihan telah berjaya melaksanakan program-program latihan seperti berikut:

Empat Siri Program Mandatori

Program Transformasi Minda (PTM) merupakan program wajib untuk pengesahan jawatan bagi kakitangan baharu Kementerian. Program PTM telah dilaksanakan sebanyak empat (4) siri pada tahun 2021.

Objektif program ini secara asasnya adalah untuk menerapkan integriti dan sahsiah yang baik dalam diri peserta di samping memupuk kemahiran kepimpinan dan kreativiti melalui kelas-kelas yang diadakan sepanjang program.

22 Program Fungsional

Sebanyak 22 program fungsional telah dilaksanakan pada tahun 2022. Kebanyakan program telah berlangsung semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan ada sebahagian program turut dijalankan secara dalam talian.

28 Program Generik

28 program latihan yang diadakan pada tahun 2021 adalah berbentuk generik. Program latihan ini menyasarkan peserta secara terbuka, iaitu boleh disertai oleh semua warga Kementerian di pelbagai peringkat.

Antara program latihan yang dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Latihan adalah seperti berikut:

Bengkel Penulisan Kertas Cadangan Penyelidikan

Nama Penceramah
Dr. Rina Haiges & Dr. Suzianah Nhazzla Ismail, INTAN, Bukit Kiara

27 Oktober 2021 (Rabu), 9.00 pagi - 4.30 petang

Dalam talian

Objektif / Tujuan
Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada para peserta yang berhasrat untuk memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Ceramah Pengukuhan Kerja Berpasukan

Nama Penceramah
Encik Mohamad Hasbullah bin Mustafa, Politeknik Merlimau

20 Oktober 2021 (Rabu), 9.00 pagi - 4.30 petang

Dalam talian

Objektif / Tujuan
Membantu pegawai untuk memperbaiki sikap dan meningkatkan jati diri, disiplin, keyakinan diri serta semangat dedikasi ke arah budaya kerja cemerlang.

Kursus Pengurusan Cuti

Nama PenceramaH
Puan Nurhazwani binti Md Ali, Bahagian Saraan, JPA

30 September 2021 (Khamis) 9.00 pagi - 4.30 petang

Dalam talian

Objektif / Tujuan
Memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai pengurusan cuti yang teratur.

Kursus Pra-Persaraan

Nama Penceramah
Encik Mohamad Hasbullah bin Mustafa, Politeknik Merlimau

6 Oktober 2021 (Rabu),
9.00 pagi - 4.30 petang

Dalam talian

Objektif / Tujuan
Memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai persediaan dari segi mental dan fizikal bagi menghadapi perubahan yang akan dilalui setelah bersara daripada perkhidmatan awam.

Ihya Ramadan 1, 2 & 3

Nama Penceramah
Ustaz Amran Yusoff Bollywood, Ustaz Haslin Baharin Bollywood & Ustazah Nik Salida Suhaila

21 April 2021 (Rabu), 5 Mei 2021 (Rabu) dan 6 Mei 2021 (Khamis)

9.30 pagi - 11.30 pagi

Dewan Jamuan Aras 1, Kementerian Pengajian Tinggi

Objektif / Tujuan
Menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dan integriti dalam Perkhidmatan Awam

Unit Pentadbiran dan Pingat

Pengurusan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP)

Sepanjang tahun 2021, Kementerian telah menerima pelawaan pencalonan DKBP dari sembilan (9) negeri dan satu (1) pelawaan dari peringkat persekutuan. Sejumlah 255 pencalonan telah dikemukakan sepanjang tahun 2021 seperti Jadual 5:

Bil.	Negeri	Bil. Pencalonan
1.	Wilayah Persekutuan	29
2.	Persekutuan	57
3.	Terengganu	17
4.	Perlis	7
5.	Pulau Pinang	41
6.	Kedah	3
7.	Pahang	1
8.	Melaka	2
9.	Perak	69
10.	Selangor	29
Jumlah Keseluruhan		**255**

Jadual 5: Senarai pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat bagi Tahun 2021.

Jadual 6 yang berikut ialah pecahan pencalonan yang membawa gelaran dan tidak membawa gelaran:

Senarai pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat bagi Tahun 2021 mengikut pecahan pencalonan membawa gelaran dan tidak membawa gelaran

Bil.	Negeri	Pencalonan		Jumlah Pencalonan	Jumlah Penerima DKBP 2021	
		Membawa Gelaran	Tidak Membawa Gelaran			
1.	Wilayah Persekutuan	4	25	29	Tiada	Tiada
2.	Persekutuan	2	55	57	9	J.M.N. : 1 J.S.M. : 2 K.M.N. : 1 A.M.N. : 3 P.P.N. : 2
3.	Terengganu	1	16	17	Tiada	Tiada
4.	Perlis	1	6	7	Tiada	Tiada
5.	Pulau Pinang	6	35	41	6	D.M.P.N. : 1 P.K.T. : 3 P.J.M. : 1 P.B.S. : 1
6.	Kedah	1	2	3	Tiada	Tiada
7.	Pahang	1	Tiada	1	Tiada	Tiada
8.	Melaka	1	1	2	Tiada	Tiada
9.	Perak	17	52	69	7	D.P.M.P. : 1 P.C.M.: 2 P.M.P. : 2 A.M.P. : 1 P.P.T. : 1
10.	Selangor	10	19	29	Tiada	Tiada
	Jumlah Keseluruhan	**44**	**211**	**255**	**22**	

BAHAGIAN **KEWANGAN DAN AKAUN**

Latar Belakang

Bahagian Kewangan atau Bahagian Kewangan dan Alam, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berperanan dalam merancang, memantau, mengawal dan memperakaunkan perbelanjaan mengurus bagi Jabatan / Bahagian / Agensi di bawah Kementerian mewujudkan satu sistem pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan.

Dalam pewujudan semula Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 10 Mac 2020, Bahagian Kewangan atau Bahagian Kewangan dan Alam terdiri daripada enam (6) seksyen yang melaksanakan urusan berkaitan kewangan seperti berikut:

- Seksyen Pentadbiran dan Keurusetiaan;
- Seksyen Pengurusan Geran dan Badan Berkanun;
- Seksyen Belanjawan;
- Seksyen Kewangan dan Hasil;
- Seksye Pengurusan Akaun; dan
- Seksyen Perolehan.

Visi, Misi dan Objektif

VISI

Memantapkan Pengurusan Kewangan dan Perolehan Bagi Memperkasa Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kementerian Pengajian Tinggi

MISI

Peneraju Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Kementerian Pengajian Tinggi

OBJEKTIF

Memastikan Pengurusan Kewangan dan Perolehan yang efisien dan teratur serta patuh kepada tatacara kewangan, peraturan dan pekeliling semasa.

Fungsi dan Peranan

1. Merancang dan menyediakan sumber kewangan mengikut keperluan Bahagian dan Jabatan bagi menjalankan fungsi masing-masing dengan berkesan.
2. Mengurus, menyelaras dan mengawal sumber kewangan dengan cekap dan teratur mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
3. Memberikan perkhidmatan Pengurusan Kewangan dan Perolehan yang berkualiti kepada pelanggan.
4. Memberi khidmat nasihat kepada Jabatan/ Bahagian dalam soal-soal yang berkaitan dengan Pengurusan Kewangan dan Perolehan.

Tatacara Pengurusan Kewangan Kementerian Pengajian Tinggi

Pada tahun 2021, Bahagian Kewangan telah mengemas kini Jadual Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal Kementerian Pengajian Tinggi Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 11 (AP 11) berikutan pelantikan Ketua Setiausaha yang baharu mulai 25 November 2021.

Program/Aktiviti Sepanjang Tahun 2020

1) Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Peringkat Kementerian dan Universiti Awam, Hopsital Pengajar dan Badan Berkanun, Kementerian Pengajian Tinggi

a) Bahagian Kewangan merupakan urus setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) peringkat Kementerian, Peringkat Universiti Awam (UA), Hospital Pengajar (HP) dan Badan Berkanun (BB);

b) Mesyuarat ini merupakan satu platform bagi Kementerian untuk memantau dan melihat prestasi belanja mengurus di peringkat Kementerian, UA, HPU dan BB; dan

c) Pelaksanaannya adalah pada setiap suku tahun iaitu sebanyak empat (4) kali setahun seperti berikut:

- Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Peringkat Kementerian, Kementerian Pengajian Tinggi



MESYUARAT JPKA PERINGKAT KEMENTERIAN SUKUAN KEEMPAT TAHUN 2020

Bilik *Video Conference*, Kementerian Pengajian Tinggi
10 Februari 2021 (Rabu)

*Mesyuarat dibuat secara dalam talian

MESYUARAT JPKA PERINGKAT KEMENTERIAN SUKUAN PERTAMA TAHUN 2021

Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Kementerian Pengajian Tinggi
20 April 2021 (Selasa)

*Mesyuarat dibuat secara dalam talian



MESYUARAT JPKA PERINGKAT KEMENTERIAN SUKUAN KEDUA TAHUN 2021

Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Kementerian Pengajian Tinggi
28 Julai 2021 (Rabu)

*Mesyuarat dibuat secara dalam talian

MESYUARAT JPKA PERINGKAT KEMENTERIAN SUKUAN KETIGA TAHUN 2021

Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Kementerian Pengajian Tinggi
11 November 2021 (Khamis)

*Mesyuarat dibuat secara dalam talian

- Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Peringkat Universiti Awam (UA), Hospital Pengajar dan Badan Berkanun (BB), Kementerian Pengajian Tinggi

MESYUARAT JPKA, UA, HPU DAN BB SUKU KEEMPAT 2020

11 Februari 2021
Bilik *Video Conference*,
Kementerian Pengajian Tinggi

* Mesyuarat dibuat secara dalam talian



MESYUARAT JPKA, UA, HPU DAN BB SUKU KEEMPAT SUKU PERTAMA TAHUN 2021

22 April 2021
Bilik *Teleconference*, Kementerian Pengajian Tinggi

* Mesyuarat dibuat secara dalam talian

MESYUARAT JPKA, UA, HPU DAN BB SUKU KEEMPAT SUKU KEDUA 2021

5 Ogos 2021
Bilik Mesyuarat Ibnu Batutta,
Kementerian Pengajian Tinggi

* Mesyuarat dibuat secara dalam talian

MESYUARAT JPKA, UA, HPU DAN BB SUKU KEEMPAT SUKU KETIGA 2021

28 Oktober 2021
Bilik Mesyuarat Ibnu Batutta,
Kementerian Pengajian Tinggi

* Mesyuarat dibuat secara dalam talian

Laporan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus B.64 Tahun 2021

di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

i. Peruntukan Asal Belanja Mengurus B.64 bagi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah sebanyak RM11,584,000,000.

ii. Pada 29 Julai 2021, Kementerian Kewangan telah mengenakan sekatan peruntukan sebanyak RM770,000,000 ke atas geran mengurus Universiti Awam menjadikan peruntukan dipinda KPT sebanyak RM10,814,000,000.

iii. Walau bagaimanapun, pada 14 Januari 2022, Kementerian Kewangan telah memberi pelepasan sekatan sebanyak RM75,000,000 kepada enam (6) buah Universiti Awam dan menjadikan peruntukan dipinda keseluruhan adalah sebanyak RM10,889,000,000.

iv. Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan bagi Kementerian Pengajian Tinggi tahun 2021 adalah berjumlah RM10,88,164,149.71 atau 99.92%. Perincian Prestasi Perbelanjaan Mengurus Kementerian Pengajian Tinggi mengikut Objek Am (OA) bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

OBJEK AM	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN %
OA10000	1,182,263,020.00	1,179,224,721.87	99.74%
OA20000	417,192,343.00	412,337,533.28	98.84%
OA30000	23,843,520.00	23,752,211.83	99.62%
0A40000	9,262,520,557.00	9,261,719,225.58	99.99%
OA50000	3,180,560.00	3,130,457.15	98.42%
JUMLAH	**10,889,000,000.00**	**10,880,164,149.71**	**99.92%**

Laporan Agihan Peruntukan Mengurus Tahun 2021 bagi Universiti Awam dan Badan Berkanun

di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

i. Universiti Awam (UA), Hospital Pengajar (HPU) dan Badan Berkanun (BB) menerima Peruntukan Mengurus daripada Kerajaan Persekutuan pada setiap suku tahun, iaitu sebanyak empat (4) kali setahun.

ii. Sejumlah RM8,284,158,000 (tidak termasuk peruntukan tambahan) telah disalurkan kepada 20 buah UA, sembilan (9) buah Hospital Pengajar dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi menampung keperluan emolumen dan sebahagian perbelanjaan non-emolumen UA, HPU dan BB seperti pecahan di Rajah 2:



Rajah 2: Peruntukan Mengurus Bagi Universiti Awam, Hospital Pengajar dan Agensi Kelayakan Malaysia Tahun 2021.

Laporan Pengauditan Geran Mengurus Ubat-ubatan dan Peralatan (APPL) Tahun 2021 bagi Hospital Pengajar

i. Pengauditan ini merupakan satu platform bagi Kementerian dalam menilai sama ada Pengurusan Geran Ubat-ubatan dan Peralatan Hopital Pengajar Universiti Awam (APPL) telah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu:

   a) Menampung perbelanjaan perkhidmatan pembekalan ubatan dan peralatan perubatan yang disenaraikan di bawah APPL di bawah kontrak KKM;

   b) Membolehkan HPU menikmati harga yang lebih rendah; dan

   c) Memastikan perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan di HPU tidak terjejas.

ii. Mesyuarat pengauditan telah dilaksanakan seperti berikut:

MESYUARAT PENGAUDITAN PENGURUSAN GERAN MENGURUS UBAT-UBATAN DAN PERALATAN HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI 2021

29 November 2021
Bilik Mesyuarat Ibnu Batutta, Kementerian Pengajian Tinggi

* Mesyuarat dibuat secara dalam talian

BAHAGIAN **PEMBANGUNAN**

Latar Belakang

i) Merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti pengurusan projek pembangunan bagi sector pengajian tinggi;

ii) Memberi nasihat teknikal bagi projek fizikal (pembinaan bangunan, ubah suai bangunan dan perolehan peralatan) dan projek bukan fizikal (pembangunan penyelidikan dan biasiswa) untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Politeknik, Kolej Komuniti dan semua agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi; dan

iii) Menyelaras projek Kerjasama Awam Swasta atau *Public Private Partnership* (PPP) di bawah KPT.

Misi dan Visi

VISI

Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi menyasarkan untuk menjadi sebuah Bahagian yang cemerlang dalam pengurusan projek dan kemudahan infrastruktur di semua UA, Politeknik dan Kolej Komuniti seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang 2030 melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dengan hasil bajet yang telah diperuntukkan.

MISI

Bahagian Pembangunan komited ke arah menyediakan kemudahan fizikal yang mencukupi berdasarkan bajet yang telah diluluskan ke arah membangun dan mewujudkan persekitaran pembelajaran tinggi yang baik ke arah menghasilkan pusat ilmu yang unggul. Berdasarkan pembangunan dan pengurusan projek terbaik yang disediakan, hasrat Kementerian adalah untuk mewujudkan individu yang unggul dan berwibawa serta berinovasi dan berakhlak mulia bagi memenuhi keperluan negara dan juga di ufuk antarabangsa.

Fungsi

Peruntukan Pembangunan dan Pemantauan Projek

a) Universiti Awam

Menyelaras perancangan permohonan dan pelaksanaan projek pembangunan rancangan Malaysia untuk Universiti Awam, Biasiswa dan JPT

b) Politeknik, Kolej Komuniti

Menyelaras perancangan aplikasi dan pelaksanaan projek pembangunan rancangan Malaysia untuk Politeknik dan Kolej Komuniti

c) Projek Perkongsian Awam Swasta (PPP)

Menyelaras perancangan aplikasi dan pelaksanaan projek pembangunan rancangan Malaysia untuk projek PPP

Pengurusan Tanah & Pengurusan Aset

- Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan permohonan pengambilan tanah, pajakan tanah, kepada Ketua Pengarah tanah dan lombong.
- Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program/aktiviti/ peyelenggaraan aset mudah alih dan agensi serta jabatan di bawah KPT.

Pencapaian Utama Bahagian Pembangunan Tahun 2021

i). Penyerahan Projek Pembinaan Akademia Siber Teknopolis (AST) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Projek pembinaan Akademia Siber Teknopolis (AST) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas, Tahun 2016 dengan kos keseluruhan berjumlah RM45 juta.

Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia secara perunding konvensional dan mengguna pakai sistem *Industrialised Building System* (IBS) serta dibina berdasarkan konsep *industrial look*. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 10 Februari 2021.

Majlis Penyerahan projek telah berlangsung pada 22 Mac 2021 bertempat di Auditorium AST, UKM, Bangi yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Mohd Ekhwan bin Hj. Toriman selaku Naib Canselor UKM, YBrs. Encik Megat Azlani bin Megat Ramli, Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi, YBrs. Ir. Mohd Sharil bin Mohd Said, Jurutera Daerah JKR Hulu Langat selaku Wakil Pegawai Penguasa (Utama) dan YBrs. Ir. Zulkhairi bin Abdul Aziz, Jurutera Awam Bangunan mewakili Pegawai Penguasa JKR Negeri Selangor.

Pembinaan bangunan AST ini bertujuan untuk menyediakan prasarana yang kondusif dan holistik bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi (R&D&C&I) yang dapat memberikan impak kepada masyarakat, industri, agensi kerajaan dan negara selaras dengan status UKM sebagai Universiti Penyelidikan Malaysia.

Bangunan AST ini menempatkan makmal-makmal penyelidikan, makmal kolaborasi industri, bilik tutorial, bilik mesyuarat serta bilik pensyarah dan felo penyelidikan untuk Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) serta Institut IR4.0.

Majlis penyerahan projek pembinaan Akademia Siber Teknopolis (AST) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

ii). Penyiapan Projek Pembangunan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Projek Pembangunan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kesepuluh, Tahun 2013 dengan kos keseluruhan berjumlah RM345 juta. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia secara Reka dan Bina. Hospital ini terletak di daerah Kuala Nerus, Terengganu di atas tanah seluas 30 ekar. Pembinaan HPUniSZA bermula pada tahun 2016 dan telah siap sepenuhnya pada 10 Disember 2021.

Bangunan HPUniSZA berkapasiti 200 katil dengan keluasan lantai berjumlah 49,361.46 meter persegi.

HPUniSZA menawarkan perkhidmatan klinikal seperti perkhidmatan kesihatan dan perawatan pesakit.

Hospital juga menjadi pusat pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar Fakulti Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Farmasi serta fakulti lain yang menawarkan bidang berkaitan.

Lakaran artis Hospital Pengajar UniSZA.

Hospital Pengajar UniSZA.

HPUnisZA menyediakan perkhidmatan Klinik Pakar merangkumi Perubatan Dalaman, Pembedahan Am, Obstetrik dan Ginekologi (O&G), Pediatrik/ NICU, Oftalmologi, Otorinolaringologi (ORL-HNS), Ortopedik dan Psikologi.

Antara kemudahan yang terdapat di HPUniSZA ialah lapan (8) wad termasuk *Special Care Units* (ICU/HDU/PICU/CCU) 12 buah bilik bedah utama, dua (2) buah bilik bedah kecemasan, dua (2) buah bilik bedah obstetrik dan 10 buah bilik bersalin.

Dengan adanya HPUniSZA ini, mutu kesihatan masyarakat di Terengganu khasnya dan Pantai Timur amnya akan dapat ditambah baik lebih-lebih lagi dengan pensyarah perubatan, pakar-pakar perubatan serta doktor di HPUniSZA ini.

iii) Projek Pembangunan Hospital Pakar Kanak-Kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia (HPKK, UKM)

Projek Cadangan Pembangunan Hospital Pakar Kanak-Kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia (HPKK, UKM) Secara *Public Private Partnership* telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 8 September 2010 untuk dilaksanakan secara *Private Finance Initiative* (PFI) melalui *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT). Perjanjian Konsesi ini telah ditandatangani oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada ketika itu, UKM dan Syarikat Konsesi Zecon Medicare Sdn Bhd (ZMSB) pada 22 Ogos 2013 dengan kos keseluruhan pembinaan sebanyak RM606 juta.

Tujuan pembinaan hospital ini adalah untuk menjadi pusat rujukan dalam bidang kepakaran kanak-kanak dan peneraju kesejahteraan kesihatan kanak-kanak. Hospital ini terdiri daripada satu (1) blok hospital sembilan (9) tingkat yang dilengkapi 243 katil, 54 unit pangsapuri untuk kegunaan pesakit dan pelawat hospital dan tempat letak kereta enam (6) tingkat. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh HPKK antaranya ialah pusat jagaan *pediatrics, neonatology, child and adolescent gynaecology, pathology pediatrics, diagnostic and interventional radiology, pediatrics medical specialities* dan *pediatrics surgical specialities intensive.*

Lawatan YAB Perdana Menteri semasa pengambilalihan HPKK, UKM oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Hospital COVID dan pengoperasian sebagai PPV secara pandu lalu pada 11 Jun 2021.

Lawatan YB Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi ke HPKK, UKM pada 19 Disember 2020.

HPKK, UKM telah diserahkan secara rasmi pada 30 Disember 2020 setelah pengeluaran *Certificate of Acceptance* (CoAC). HPKK, UKM juga telah diambil alih secara sementara oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Seksyen 3 dan 4 Ordinan Darurat 2021 untuk dijadikan sebagai Hospital COVID mulai 4 Jun 2021 hingga 15 Oktober 2021 dengan jumlah keseluruhan pesakit yang dirawat seramai 842 pesakit. HPKK, UKM memulakan pengoperasian semula pada 5 Januari 2022 setelah tamat tempoh pengambilalihan oleh KKM.

iv) Projek Pembangunan Hospital Pengajar Universiti Teknologi Mara (HUiTM)

Projek Cadangan Pembangunan Hospital Pengajar Universiti Teknologi MARA (HUiTM) Secara *Public Private Partnership* telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2008 untuk dilaksanakan secara *Private Finance Initiative* (PFI) melalui *Build-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT). Perjanjian Konsesi ini telah ditandatangani oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), UiTM dan Syarikat Konsesi TRIplc Medical Sdn. Bhd. pada 18 Februari 2016 dengan kos keseluruhan pembinaan sebanyak RM599.0 juta.

Tujuan pembinaan hospital ini adalah untuk memberikan akses secara kepada pelajar UiTM dengan pembelajaran di Hospital UiTM, meningkatkan usaha penyelidikan bidang kesihatan dan memberikan perkhidmatan kesihatan bertaraf global untuk warga Selangor khususnya penduduk di Kuala Selangor dan sekitarnya.

Hospital ini mempunyai 10 tingkat dengan kapasiti 400 katil, Bangunan Akademik Perubatan untuk 750 pelajar, Bangunan Penginapan untuk *housemen* dan jururawat, surau berkapasiti 180 orang, Balai Pengawal, Dewan Kuliah dan bangunan sokongan seperti *chiller plant* dan *Sub Station Elektrik*.

Majlis Penyerahan Hospital UiTM Puncak Alam yang dirasmikan oleh YBM pada 23 Mac 2021.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh HUiTM antaranya ialah perkhidmatan perubatan, pediatrik, onkologi, rehabilitasi, psikiatri, anestasia, pembedahan kardiotorasik, perubatan kecemasan otorinolaringologi, oftalmologi, ortopedik dan pembedahan plastik.

HUiTM telah diserahkan secara rasmi pada 1 Februari 2021 setelah pengeluaran *Certificate of Acceptance* (CoAC).

v) Sesi Lawatan Kerja Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke *International Institute Of Islamic Thought and Civilization* (ISTAC)

Sesi lawatan kerja ini telah diadakan pada 25 Mac 2021 dan diketuai oleh Puan Azlinda binti Azman, SUB Bahagian Pembangunan KPT. Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau keadaan dan bangunan ISTAC yang terlibat dengan isu pertikaian pemilikan tanah. Mesyuarat turut diadakan bagi memperhalus isu-isu berbangkit untuk mencari jalan penyelesaian selanjutnya.

SUB Pembangunan KPT menandatangani Buku Kehadiran Pelawat.

Ketibaan YB Menteri Kewangan.

Kehadiran TKSU Pengurusan dan Pembangunan, SUB Pembangunan, dan Pengarah BPPI JPPKK.

Pembentangan cadangan lokasi tapak pembangunan KK Jelai kepada YB Menteri Kewangan dan YAB Menteri Besar Pahang.

vi) Sesi Lawatan Kerja YB Menteri Kewangan dan YAB Menteri Besar Pahang ke Daerah Lipis (Tapak Cadangan Pembangunan Kolej Komuniti Jelai, Pahang)

Sesi Lawatan Kerja YB Menteri Kewangan dan YAB Menteri Besar Pahang ke Daerah Lipis ini telah diadakan pada 2 Oktober 2021 dan dihadiri oleh YBhg. Datuk Rosli bin Yaakub (Timbalan Ketua Setiausaha, Pengurusan dan Pembangunan KPT), Puan Azlinda binti Azman (SUB Pembangunan KPT), Dr. Zubaidah binti Aman (Timbalan Ketua Pengarah, Sektor Pembangunan, JPPKK) dan Ts. Hj. Muhamad Rumzi bin Mamat (Pengarah Bahagian Perancangan Program dan Institusi, JPPKK).

Sesi berkenaan antara lain bertujuan untuk membentangkan cadangan pembangunan Kolej Komuniti Jelai, Daerah Lipis, Pahang kepada YB Menteri Kewangan dan YAB Menteri Besar Pahang untuk mendapatkan pertimbangan peruntukan dan cadangan lokasi tapak yang bersesuaian. Lawatan ke tapak cadangan turut diadakan bagi mendapatkan gambaran sebenar keadaan persekitaran.

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR

Latar Belakang

1. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD) telah ditubuhkan selaras dengan perpisahan semula Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi pada 10 Mac 2020 yang lalu.
2. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah meluluskan cadangan penstrukturan semula Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD) pada April 2022. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan Waran Perjawatan Bil. S56 Tahun 2022 bertarikh 27 April 2022 melibatkan penstrukturan semula BPPD kepada dua (2) bahagian baharu iaitu: Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) dan Bahagian Perancangan Strategik (BPS) berkuatkuasa mulai 1 Mei 2022.
3. Penjenamaan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD) kepada Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) dan Bahagian Perancangan Strategik (BPS) bertujuan memastikan pembahagian tugas yang lebih berfokus dan efektif. Keadaan ini disebabkan oleh terdapatnya tambahan fungsi dan peranan dalam memastikan pembangunan, pelaksanaan dan pemantuan dasar pendidikan tinggi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
4. Sekretariat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional Negara telah dipindahkan kepada BDP bermula 18 Julai 2022 dan Pemindahan perjawatannya telah diperakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 8 Ogos 2022.
5. Bahagian Dasar dan Penyelidikan merangkumi Seksyen berikut:
   - Seksyen Pengurusan Penyampaian;
   - Seksyen Perancangan Strategik;
   - Seksyen Modal Insan;
   - Seksyen Penyelidikan dan PPRN; dan
   - Sekretarit Majlis TVET Negara

Visi dan Misi

VISI

Menjadi Pusat Pemerkasaan Dasar dan Penyelidikan Pengajian Tinggi bertaraf dunia.

MISI

Menerajui agenda pemerkasaan dasar dan penyelidikan pengajian tinggi ke arah memenuhi aspirasi pembangunan modal insan negara.

Fungsi

Seksyen Pengurusan Penyampaian

1. Unit Pemantauan PPPM(PT)

i. Merancang, memudahcara, memantau, menilai dan melapor pencapaian prestasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) - PPPM (PT).

ii. Memudahcara, memantau dan melapor pelaksanaan University Transformation Programme (UniTP).

2. Unit Pengurusan Prestasi Organisasi

i. Merancang, memudahcara, memantau, menilai dan melapor pencapaian serta pelaksanaan Belanjawan Berasaskan Keberhasilan (Outcome Based Budgeting – OBB).

ii. Merancang, memudahcara, memantau, menilai dan melapor pencapaian prestasi KPI Aspirasi Keluarga Malaysia.

iii. Merancang, memudahcara, memantau, menilai dan melapor pencapaian prestasi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1, Tier 2, Tier 3 dan Tier 4.

iv. Menyemak dan mengemukakan maklum balas berhubung pencapaian KPI Universiti Awam (UA) dalam penyediaan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) dan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (LTPK) UA.

3 . Unit Pentadbiran

Merancang, memantau dan melaksana hal-hal berkaitan Pengurusan BDP seperti berikut:

a. Pentadbiran Am;
b. Pengurusan Kewangan;
c. Pengurusan Aset dan Stor; dan
d. Pengurusan Sumber Manusia

Seksyen Perancangan Strategik

1. Unit Perancangan Pendidikan Tinggi

i. Merancang, menggubal, mengurus dan menyelaras aktiviti perancangan dan penggubalan dasar/akta baharu pendidikan tinggi melalui sesi libat urus dengan pemegang taruh dan penyediaan kertas dasar/ Memorandum Jemaah Menteri (MJM)/ Nota Jemaah Menteri (NJM).

ii. Merancang, menggubal, mengurus dan menyelaras aktiviti penambahbaikan dasar/akta sedia ada pendidikan tinggi melalui sesi libat urus dengan pemegang taruh dan penyediaan kertas dasar/Memorandum Jemaah Menteri (MJM)/Nota Jemaah Menteri (NJM).

iii. Menyediakan ulasan terhadap kertas dasar/MJM/NJM oleh Bahagian/Jabatan/ Agensi di peringkat KPT berdasarkan akta dan peraturan serta dasar dan pelan tindakan yang berkuat kuasa Menyediakan input di peringkat KPT bagi pelaporan dan kerjasama badan antarabangsa berdasarkan dasar dan pelan tindakan yang berkuat kuasa.

iv. Memantau, menyelaras dan melaporkan pelaksanaan/pencapaian aktiviti berkaitan TVET di peringkat KPT.

2. Unit Penyelarasan dan Pemantauan.

i. Mengurus setia, memantau serta melaporkan pelaksanaan aktiviti Jawatankuasa-Jawatankuasa berhubung penggubalan dasar/akta baharu atau penambahbaikan dasar/ akta sedia ada yang ditubuhkan di peringkat Kementerian

ii. Menyediakan input bagi penyediaan ulasan ke atas kertas dasar/ MJM/ NJM daripada Kementerian/Agensi Luar yang berkaitan dengan bidang pengajian tinggi supaya selaras dengan akta dan peraturan serta dasar dan pelan tindakan yang berkuat kuasa

iii. Memberi khidmat nasihat dan rundingan berkaitan dasar pendidikan tinggi kepada Bahagian/Jabatan/Agensi.

iv. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa berkaitan dasar pendidikan tinggi negara.

Seksyen Modal Insan

1. Unit Pembangunan Insan

i. Merancang, menyelaras, memantau dan menyediakan maklum balas yang berkaitan selaku Sekretariat Induk Peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi semua bidang keutamaan, strategi dan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

ii. Merancang, menyelaras dan menyediakan maklum balas yang berkaitan selaku Sekretariat Nasional Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) selaras dengan Lonjakan 3 yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), 2015-2025 [PPPM (PT)].

iii. Merancang, menyelaras dan menyediakan maklum balas yang berkaitan selaku Urus Setia Bersama Jawatankuasa Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) selaras dengan Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat, 2017- 2025.

iv. Menyelaras, memantau dan menyediakan maklum balas yang berkaitan selaku Sekretariat Induk Peringkat KPT bagi semua bidang keutamaan, strategi dan inisiatif di bawah Agenda 2030, Sustainable Development Goals (SDG).

v. Menyediakan dan menyelaras input serta maklum balas berkaitan sektor pendidikan tinggi bagi Strategi Nasional untuk Literasi Kewangan, 2019-2023 selaku Sekretariat Induk Financial Education Network (FEN) Peringkat KPT.

vi. Memantau pelaksanaan Strategi B: Menubuhkan Struktur Pentadbiran (Malaysia Centere for e-Learning - MyCeL) bagi Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (GOL) di bawah Lonjakan 9 yang digariskan dalam PPPM (PT) 2015-2025.

vii. Bertindak sebagai Sekretariat bagi Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera Peringkat KPT.

b. Unit Kordinasi Dasar

i. Mewakili Kementerian Pengajian Tinggi untuk menghadiri mesyuarat/ jawatankuasa di kementerian/agensi lain dan menyelaras maklum balas mesyuarat/ jawatankuasa yang mempunyai kaitan dengan pendidikan tinggi.

ii. Mengurusetiakan Sesi Kunjungan Hormat oleh EXCO Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap portfolio pendidikan tinggi kepada YB Menteri Pengajian Tinggi bagi isu-isu umum berkaitan pendidikan tinggi negara.

iii. Menyelaras hal-hal berkaitan dengan penggubalan dasar dan akta baharu serta pindaan terhadap dasar dan akta sedia ada yang dilaksanakan oleh kementerian/agensi lain (termasuk kajian, pelan tindakan dan program) yang mempunyai hubung kait dengan pendidikan tinggi.

iv. Menyelaras penyediaan input bagi mesyuarat majlis/jawatankuasa yang melibatkan YB Menteri Pengajian Tinggi sebagai ahli.

v. Menyelaras penyediaan input bagi mesyuarat majlis/ jawatankuasa yang melibatkan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi sebagai ahli.

vi. Menyelaras persediaan Majlis Menghadap/Kunjungan Hormat YB Menteri Pengajian Tinggi ke atas Canselor Universiti Awam.

vii. Menyelaras penyediaan surat sokongan cadangan kajian (research proposal) bagi permohonan oleh pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) yang menuntut di Malaysia dan penyelidik IPT/ Kementerian lain untuk menjalankan kajian di IPT di bawah KPT (Universiti Awam/IPTS/Politeknik/Kolej Komuniti).

viii. Menyelaras penyediaan ulasan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri terhadap cadangan kajian (research proposal) pelajar pasca siswazah (warga tempatan/asing) yang menuntut di luar negara untuk menjalankan kajian di IPT di bawah KPT (Universiti Awam/ IPTS/Politeknik/Kolej Komuniti).

ix. Menyelaras permohonan pengecualian cukai daripada Yayasan/Pertubuhan yang melibatkan sumbangan pendidikan tinggi berdasarkan Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Seksyen Penyelidikan & PPRN

1. Unit PPRN

i. Merancang, melaksanakan dan mengurus setia mesyuarat peringkat teknikal dan pemandu bagi dana.

ii. Merancang, melaksanakan dan mengurus hal-hal berkaitan pemadanan projek PPRN yang melibatkan penyaringan permohonan daripada Pusat Pengurusan Projek (PPP) melalui sistem oleh Sekretariat dan panel penilai pakar dan mengurus setia Bengkel Pembentangan Projek.

iii. Merancang, melaksanakan dan mengurus hal-hal berkaitan sistem PPRN dari segi teknikal serta penilaian permohonan.

iv. Merancang dan melaksanakan pemantauan projek PPRN melalui Bengkel Pemantauan, mengadakan lawatan tapak projek di premis syarikat / penyelidik bagi kategori projek peringkat pertengahan, projek sakit dan projek siap.

v. Menyelaras dan menguruskan penyaluran peruntukan projek yang mendapat geran PPRN serta penyaluran peruntukan untuk bayaran panel penilai pakar.

vi. Menyedia dan menguruskan portal serta laman Facebook PPRN yang melibatkan hebahan pembukaan fasa permohonan projek serta promosi PPRN.

vii. Menyedia dan menyelaras hal-hal berkaitan penawaran projek PPRN yang melibatkan surat makluman kelulusan, penerimaan MoA projek dan surat tawaran projek.

viii. Membantu dalam menyedia dan menyelaraskan pelbagai input kepada Mesyuarat Pasca Kabinet, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT), Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri (MSJM), Mesyuarat Majlis Ketua Setiausaha (MMKSU) dan pertanyaan soalan-soalan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

ix. Membantu dalam menyediakan input berkaitan PPRN kepada Kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, MOSTI dan lain-lain.

b. Unit Penyelidikan

Merancang, melaksanakan dan mengurus setia mesyuarat peringkat teknikal dan pemandu bagi dana seperti berikut:

i. Merancang dan melaksanakan pemantauan bagi kajian-kajian di bawah Education Policy Studies (EPS) yang merangkumi Inception report, Interim report, Deraf Laporan Akhir dan Laporan Akhir.

ii. Menilai keupayaan hasil-hasil kajian dasar pendidikan tinggi untuk tujuan penterjemahan kepada dasar / penambahbaikan dasar sedia ada / garis panduan / pelan tindakan.

iii. Membantu dalam menyedia dan menyelaraskan pelbagai input kepada Mesyuarat Pasca Kabinet, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT), Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri (MSJM), Mesyuarat Majlis Ketua Setiausaha (MMKSU) dan pertanyaan soalan-soalan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Majlis TVET Negara

i. Merancang dan menyelia gerak kerja keurusetiaan di peringkat Majlis TVET Negara, Jawatankuasa Eksekutif MTVET dan Kumpulan Fokus berkaitan

ii. Menyelaras dan menyediakan bahan pembentangan, laporan, minit mesyuarat dan maklum balas.

iii. Menyelaras dan menyedia laporan status gerak kerja MTVET kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Kumpulan Fokus MTVET.

iv. Melaksana arahan-arahan yang diputuskan dan melaporkan status gerak kerja kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Kumpulan Fokus MTVET dari semasa ke semasa.

v. Menyediakan dan melaksanakan aktiviti atau bengkel berkaitan semakan semula Pemurnian Proses Kerja di peringkat keurusetiaan.

vi. Memastikan pelaksanaan aktiviti berkaitan semakan semula dan pemurnian proses kerja keurusetiaan seperti yang dirancang.

Program dan Aktiviti Utama

Seksyen Data

Sesi Latihan Pengguna Sistem Analitik Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)

21 April 2021 (Rabu)

Bilik Mesyuarat Ibnu Baitar 1, Aras 13, KPT

Sesi latihan ini diadakan khusus kepada pengguna dan pemegang taruh KPT yang terlibat secara langsung dengan data dan pelaporan kebolehpasaran graduan.

Objektif

1. Memberikan latihan secara terus kepada pengguna dan pemegang taruh yang terlibat secara langsung dengan data kebolehpasaran graduan;
2. Memudah cara setiap agensi mengenai tatacara mendapatkan data berkaitan Graduate Employability (GE) dengan mengekstrak sendiri data tersebut mengikut keperluan; dan
3. Memudahkan pengguna dan pemegang taruh yang telah diberikan akses untuk mendapatkan statistik serta membuat analisis pada bila-bila masa tanpa perlu melalui KPT.

Bengkel Semakan Draf Penerbitan *National Education Code* 2020 (NEC-2020)

19 Ogos 2021 (Khamis)

Secara Dalam Talian (Microsoft Teams)

Sesi bengkel ini telah dihadiri oleh ahli Jawatankuasa Pelaksanaan NEC-2020 dan semakan draf NEC-2020 dibahagikan kepada lima (5) kumpulan berdasarkan bidang pengajian utama NEC-2020.

Objektif

1. Melaksanakan semakan ke atas kandungan penerbitan NEC-2020;
2. Melaksanakan semakan terjemahan Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu; dan
3. Mendapatkan input daripada ahli Jawatankuasa Pelaksanaan NEC-2020 berhubung penambahbaikan draf penerbitan NEC-2020.

Sesi *Training of Trainers* (TOT) bagi Modul Jobmatching@GREaT

15 September 2021 (Rabu)

Secara Dalam Talian (Webex)

Sesi latihan ini telah diadakan dengan kerjasama KPT, *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pemain industri. Seramai 74 orang wakil industri telah menghadiri sesi TOT pada kali ini.

Objektif

1. Memberikan latihan kepada industri mengenai tatacara penggunaan Modul JobMatching@GREaT;
2. Sebagai sesi libat urus antara KPT dan Industri dalam menjayakan modul Jobmatching@GREaT; dan
3. Mendapatkan input dari industri bagi menambah baik modul JobMatching@GREaT.

Mesyuarat Kualiti Data (MKD) Sistem MyMoheS Universiti Awam Mesyuarat Kualiti Data Sistem MyMoheS Politeknik dan Kolej Komuniti

MKD Universiti Awam :
Bil 1/2021 : 10 Mac 2021 (Rabu)
Bil 2/2021 : 5 dan 6 Oktober 2021 (Selasa & Rabu)

MKD Politeknik dan Kolej Komuniti :
Bil 1/2021 : 11 Januari 2021 (Isnin)
Bil 2/2021 : 6 Oktober 2021 (Rabu)

Secara Dalam Talian (Microsoft Teams)

Mesyuarat ini dijalankan secara dalam talian dengan kehadiran wakil dari Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti. MKD adalah KPI bagi Seksyen Data bagi menjamin kualiti data yang diterima, dan diadakan dua (2) kali setahun.

Objektif

1. Membincangkan isu-isu berkaitan kualiti data yang telah diterima bagi *Cut Off Date* (COD) 15 Disember 2020 dan 30 April 2021
2. Memaklumkan penambahbaikan yang telah dilakukan dalam Sistem MyMoheS; dan
3. Mendapatkan persetujaan Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti bagi tarikh penghantaran data bagi sesi seterusnya

Bengkel Secara Fizikal bagi Perbincangan Dokumen Serahan Polisi dan Kerangka Pengintegrasian Data Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi

07 – 09 Oktober 2021 (Rabu - Jumaat)

Hotel Dorsett Putrajaya (Presint 3)

Bengkel ini merupakan bengkel bersemuka pertama yang diadakan oleh pasukan penyelidikan UKM Pakarunding yang dilantik bagi membangunkan Polisi, Kerangka Kerja dan Prototaip Pengintegrasian Data KPT. Bengkel ini melibatkan pasukan penyelidik dan pemegang taruh iaitu Bahagian yang berkaitan di KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan agensi. Objektif polisi ini adalah untuk memberikan satu kerangka kepada organisasi bagi memastikan tadbir urus, modal insan dan teknologi menyokong pengintegrasian data di peringkat KPT. Hala tuju pengintegrasian data KPT adalah bagi mewujudkan satu sumber rujukan data tunggal, data yang berkualiti, berintegriti tinggi dengan jaminan keselamatan, tepat dan terkini bagi membantu dalam perancangan, pengurusan, pemantauan dan pembuatan keputusan operasi dan strategik berpandukan data.

Objektif

1. Semakan awal Dokumen Polisi Pengintegrasian Data Pendidikan Tinggi KPT sebelum serahan dibuat kepada KPT;
2. Mendapatkan input-input tambahan dari pemegang taruh serta menambah baik dokumen tersebut;
3. Sesi libat urus bersama pemegang taruh bagi mendapatkan input untuk tujuan pembangunan prototaip pengintegrasian data dan *dashboard* analitik.

Pelancaran Modul JobMatching@GREaT

16 Oktober 2021 (Sabtu)

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Pelancaran ini telah diadakan bersekali semasa Majlis Pelancaran Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) yang telah disempurnakan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi.

KPT telah mengambil langkah meluaskan fungsi Portal GREaT agar berupaya menemupadankan graduan dengan pihak syarikat dan industri khususnya dalam penawaran pekerjaan dan latihan industri dengan membangunkan Modul Pemadanan Pekerjaan (JobMatching@GREaT) di Portal GREaT. Ini bertujuan untuk membantu graduan yang masih belum bekerja mendapatkan pekerjaan mengikut kelayakan dan kompetensi mereka, seterusnya meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dalam negara.

Pembangunan modul JobMatching@GREaT ini adalah selaras dengan insiatif kedua di bawah Strategi ke-2 Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025, iaitu melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan.

Modul JobMatching@GREaT bertindak sebagai pelengkap kepada portal mencari pekerjaan di luar sana di mana data graduan yang masih belum mendapat pekerjaan dalam pangkalan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) dipadankan dengan kekosongan jawatan yang terdapat di industri atau syarikat yang berdaftar dalam modul JobMatching@GREaT.

Objektif

1. Membuat hebahan kepada pihak industri dan graduan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan melalui Modul JobMatching@GREaT;
2. Menunjukkan komitmen KPT dalam usaha untuk mempertingkatkan kadar kebolehpasaran graduan dalam negara
3. Memanfaatkan data dan maklumat graduan hasil dapatan Kajian Pengesanan Graduan untuk membantu para graduan mendapat pekerjaan tanpa perlu mereka memohon.

Sesi Jerayawara Penggunaan dan Pemakaian Kod Pendidikan Nasional (*National Education Code-2020*) (NEC-2020) sebagai Rujukan Tunggal Kod Bidang Pendidikan dan Latihan Malaysia



29 Oktober 2021 (Jumaat)

Secara dalam talian (Webinar Zoom)

Sesi jerayawara ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Mohamad Dzafir bin Mustafa, Pengarah Kanan (Pembangunan Dasar dan Kepakaran), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan dihadiri oleh 152 peserta yang terdiri daripada wakil Bahagian/ Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Objektif

1. Memberikan penerangan terperinci berhubung penggunaan dan pemakaian NEC-2020;
2. Memberikan penerangan berhubung proses transisi NEC 2010 kepada NEC-2020;
3. Mengemukakan maklum balas secara langsung kepada para peserta berhubung penggunaan dan pemakaian NEC-2020.

Sesi Latihan Pengguna Sistem Analitik Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) kepada Pegawai dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Khazanah Research Institute (KRI)

11 November 2021 (Khamis)

Secara Dalam Talian (Microsoft Teams)

Sistem Analitik Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) merupakan satu sistem pangkalan data yang mengumpulkan maklumat graduan berkenaan pekerjaan, kerjaya majikan graduan dan lain-lain.

Objektif

1. Mendedahkan pegawai DOSM dan KRI mengenai maklumat yang terdapat di pangkalan data SKPG;
2. Memberikan latihan kepada pegawai DOSM dan KRI tatacara menjana terus laporan/statistik yang diperlukan;
3. Mendapatkan input dari DOSM dan KRI mengenai cadangan penambahbaikan sistem analitik SKPG yang sedia ada.

Sesi Jerayawara Penggunaan dan Pemakaian Kod Pendidikan Nasional (*National Education Code-2020*) (NEC-2020) sebagai Rujukan Tunggal Kod Bidang Pendidikan dan Latihan Malaysia Mengikut Zon

- 10 November 2021 (Rabu)
  Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Zon Tengah dan Utara
- 16 November 2021 (Selasa)
  IPT di Zon Timur, Zon Selatan dan Zon Sabah/Sarawak
- 23 November 2021 (Selasa)
  Kementerian/Agensi/Institusi Latihan Kemahiran Awam

Secara dalam talian (Webinar Zoom)

Sesi jerayawara ini telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) siri dan telah dihadiri oleh wakil daripada Kementerian/Agensi/Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), universiti awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti dan IPT lain. Melalui tiga (3) siri ini, jumlah kehadiran peserta dianggarkan melebihi 800 peserta dengan jumlah teramai pada sesi 2 dengan 419 orang.

Objektif

1. Memberikan penerangan terperinci berhubung penggunaan dan pemakaian NEC-2020;
2. Memberikan penerangan berhubung proses transisi NEC 2010 kepada NEC-2020;
3. Mengemukakan maklum balas secara langsung kepada para peserta berhubung penggunaan dan pemakaian NEC-2020.

Seksyen Parlimen & Inovasi

Majlis Sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan Peringkat Kementerian Pengajian Tinggi dan Penganugerahan Tokoh Akademik Bahasa Melayu Tahun 2021

3 Disember 2021 (Jumaat)
Dewan Za'ba KPT

Majlis ini dilaksanakan bertujuan untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang sayembara Dekad Bahasa dan penerima Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2021. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi.

Objektif

1. Meningkatkan semangat kecintaan masyarakat terhadap bahasa kebangsaan.
2. Memberikan pengiktirafan kepada akademia yang memperjuangkan bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu.

Seksyen Modal Insan

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemantapan Tadbir Urus Universiti Awam (MANTAP UA) Bilangan 1 Tahun 2021

Catatan : Secara ringkas disebut sebagai Jawatankuasa Pemandu MANTAP UA

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemantapan Tadbir Urus Universiti Awam (MANTAP UA) Bilangan 1 Tahun 2021 yang diadakan secara hibrid pada 12 April 2021.

12 April 2021 (Isnin)

Secara Hibrid

Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, KPT dan Secara atas talian melalui aplikasi Microsoft Teams

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemantapan Tadbir Urus Universiti Awam (MANTAP UA) Bilangan 1 Tahun 2021 pada 12 April 2021 adalah julung kali diadakan sejak penubuhannya pada tahun 2020. Jawatankuasa ini merupakan penzahiran aspirasi YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi agar aspek integriti dan tadbir urus terbaik diutamakan ke arah kecemerlangan dalam tadbir urus Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan juga Universiti Awam (UA), termasuk Hospital Pengajar Universiti (HPU).

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MANTAP UA Bilangan 1 Tahun 2021 dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi dan diurussetiakan oleh Unit Kordinasi Dasar, Seksyen Modal Insan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT.

Mesyuarat ini bertujuan untuk mempertimbangkan hasil penelitian isu-isu yang dibangkitkan dan keputusan yang telah dicapai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal MANTAP UA Bilangan 1 Tahun 2021 yang diadakan pada 10 Februari 2021.

Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi, YBrs. Encik Mansor bin Ibrahim @ Abd. Hamid membentangkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 Mengenai Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemantapan Tadbir Urus Universiti Awam (MANTAP UA) Bilangan 1 Tahun 2021 yang diadakan secara hibrid pada 12 April 2021.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal MANTAP UA Bilangan 1 Tahun 2021 dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Rosli bin Yaakub, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan & Pembangunan) dan diurusetiakan oleh Bahagian Pembangunan, KPT. Seramai 60 orang Ahli Jawatankuasa Pemandu atau wakil telah menghadiri Mesyuarat ini yang dilaksanakan secara hibrid.

Mesyuarat ini telah meneliti secara mendalam isu-isu berbangkit berhubung hal ehwal tadbir urus UA yang merangkumi aspek pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, tatacara perolehan dan pelaksanaan projek pembangunan, khususnya pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 (Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam) dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK2.2) (Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021).

Dalam hal ini, wakil Agensi Pusat / Kementerian / Jabatan Kerajaan, iaitu Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) turut dijemput untuk hadir ke Mesyuarat ini.

Melalui platform ini, isu dan masalah tersebut telah dapat difahami dengan jelas dan akan disusuli dengan tindakan lanjut pihak KPT, UA dan Agensi Pusat / Kementerian agar dapat diselesaikan dengan baik dan wujud "*win-win situation*" dalam penyelesaian tersebut.

Melalui Mesyuarat ini juga, pihak KPT telah berkongsi mengenai isu-isu yang dibangkitkan melalui penemuan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 berkaitan Pelaburan Universiti Awam Dalam Syarikat Subsidiari dan Sub-Subsidiari Di 19 Universiti Awam untuk dijadikan sebagai panduan bersama agar tidak berlaku kesilapan yang berulang (*preventive measures*).

Objektif

1. Jawatankuasa MANTAP UA adalah satu mekanisme yang berperanan sebagai wahana perbincangan secara langsung antara Pengurusan Tertinggi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersama Pengurusan Tertinggi Universiti Awam (UA), iaitu Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) / Lembaga Governan Universiti (LGU) dan Naib Canselor / Rektor UA berhubung tadbir urus yang baik (*good governance*) dan amalan terbaik (*best practices*) dalam tadbir urus universiti awam, termasuk Hospital Pengajar Universiti (HPU).
2. Jawatankuasa MANTAP UA berperanan memudah cara dan membantu UA, termasuk HPU dalam memantapkan tadbir urus masing-masing yang merangkumi antara lain pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, tatacara perolehan, pengurusan pelaburan, pelaksanaan projek pembangunan dan pengurusan aset bagi memastikan semua keperluan audit dipatuhi.
3. Jawatankuasa MANTAP UA berperanan memudah cara UA, termasuk HPU untuk berurusan dengan Agensi Pusat/ Kementerian/Jabatan Kerajaan bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit, khususnya melibatkan kesukaran atau kekangan tertentu bagi pihak UA untuk menerima pakai dan seterusnya mematuhi arahan dasar atau peraturan daripada Agensi Pusat bagi memastikan teguran-teguran audit dapat dikurangkan.
4. Jawatankuasa MANTAP UA turut berperanan sebagai platform perbincangan dan perkongsian maklumat berhubung amalan terbaik (*best practices*) dalam tadbir urus UA yang boleh ditanda aras.

Pihak Urus Setia Bengkel bergambar bersama setelah selesai program.

Bengkel Pembangunan Pelan Induk Pembangunan Sepanjang Hayat (PSH) Malaysia 2021 (MaLDeW 2021)

28 & 29 September 2021 / 9.00 pagi hingga 5.00 petang (Selasa - Rabu)

Secara Maya (Peserta) menerusi aplikasi Microsoft Teams / Bilik Telesidang, Aras 17, Kementerian Pengajian Tinggi (Urus Setia) Bengkel ini telah disertai oleh dua (2) orang wakil dari semua 15 Kementerian Pelaksana Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH); sembilan (9) agensi kerajaan; 20 universiti awam, lima (5) universiti swasta; dan empat (4) pemain industri. Para peserta bengkel telah dibahagikan dan diagihkan sama rata oleh Urus Setia ke dalam tujuh (7) Kumpulan Fokus (FG), iaitu:

FG 1: Definisi Umum dan Definisi Operasi (OD) PSH;

FG 2: Tadbir Urus PSH;

FG 3: Penjenamaan PSH;

FG 4: Infrastruktur PSH;

FG 5: Pembiayaan PSH;

FG 6: Penyertaan, Ekuiti dan Keterangkuman PSH; dan

FG 7: Kualiti PSH.

Peserta bengkel telah diberikan peluang untuk memilih FG yang mereka ingin sertai semasa membuat pendaftaran bengkel. Setiap FG telah dipimpin oleh Ketua Kumpulan Fokus (FGF) dan Co-FGF serta dibantu oleh *Rapporteur* yang dilantik.

Bengkel ini dimulakan dengan pendaftaran peserta dan pengesahan kehadiran oleh pihak Urus Setia. Para peserta berhimpun di dalam Plenari Pembukaan (*Opening Plenary*) terlebih dahulu bagi mendengar Ucapan Perasmian oleh Setiausaha Bahagian, BPPD, KPT serta taklimat bengkel; pembentangan ringkasan dapatan Kajian Hala Tuju PSH di Malaysia; dan pembentangan mengenai Portal Nasional PSH oleh pihak Urus Setia. Pihak Urus Setia kemudiannya membahagikan dan mengagihkan para peserta ke dalam tujuh (7) Kumpulan Fokus menerusi fungsi "*Breakout Rooms*" dalam aplikasi Microsoft Teams. FGF atau Co-FGF turut memberikan ucapan pembukaan ringkas sebelum memulakan sesi perbincangan. Hari pertama bengkel ini diakhiri dengan sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD). FGF atau Co-FGF juga telah memberikan ucapan penutup ringkas sebelum menamatkan sesi perbincangan.

Hari kedua bengkel telah dimulakan dengan pendaftaran peserta dan pengesahan kehadiran oleh pihak Urus Setia. Para peserta telah diberikan taklimat bengkel oleh pihak Urus Setia terlebih dahulu sebelum sesi Pembentangan Kumpulan Fokus dimulakan. Pembentangan Kumpulan Fokus telah diberikan oleh wakil peserta dari setiap Kumpulan Fokus. Wakil pembentang telah dilantik oleh ahli Kumpulan Fokus dan giliran pembentang telah disusun mengikut Kumpulan Fokus. Bengkel ini diakhiri dengan pembentangan ringkasan dapatan bengkel oleh pihak Urus Setia dalam Plenari Penutup (*Closing Plenary*).

Objektif

1. Membentangkan *overview* pencapaian Pelan Induk Pembudayaan PSH Peringkat Nasional, 2011-2020 dan hasil dapatan Kajian Hala Tuju PSH di Malaysia.
2. Membincangkan isu dan cabaran semasa berkaitan PSH di Malaysia.
3. Mendapatkan input, cadangan dan maklum balas peserta bengkel bagi merangka *Blueprint* PSH baharu pasca 2020 yang kekal relevan dengan keperluan, kehendak serta *trend* semasa dan akan datang.



Ucapan perasmian oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi.

Seksyen Operasi Strategik

Pelancaran Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025

16 Oktober 2021 (Jumaat)

Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 telah dilancarkan pada 16 Oktober 2021 di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pelan ini merupakan kesinambungan daripada *The National Graduate Employability Blueprint* 2012-2017 dan merupakan satu dokumen dasar dan strategi penting untuk memberikan panduan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia dalam melaksana dan merancang aktiviti kebolehpasaran graduan di institusi masing-masing bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.

PSKG ini dibina bagi menyokong Lonjakan 1 dan Lonjakan 4, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang serta Graduan TVET Berkualiti.

Secara umumnya, kerangka strategi PSKG ini meraikan pembentukan ekosistem '*quadruple helix*' antara graduan; para akademia; industri; dan kerajaan serta komuniti dalam landskap sistem pendidikan tinggi negara.

Visi PSKG 2021-2025 adalah Ke Arah Graduan Holistik dan Seimbang Seiring Dengan Nilai Kebolehpasaran Global. Pelan ini mengandungi empat (4) strategi, 13 inisiatif dan 31 aktiviti:

Empat (4) strategi utama adalah;

Strategi 1:
Pengukuhan Kecemerlangan Bakat mempunyai empat (4) inisiatif dan lapan (8) aktiviti untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, dan melahirkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21.

Strategi 2:
Perluasan Kerjaya Pelajar mempunyai empat (4) inisiatif dan 11 aktiviti melalui penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) Pengurusan Tertinggi IPT, untuk kadar kebolehpasaran graduan melebihi 80% setiap tahun dan melahirkan graduan usahawan dan ekonomi gig.

Objektif

1. Melahirkan graduan IPT yang holistik, berciri keusahawanan dan kompetitif seiring dengan revolusi teknologi.
2. Menyediakan graduan berkemahiran tinggi serta mampu mengisi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi.
3. Membangunkan bakat graduan bagi peningkatan sosioekonomi negara yang seimbang dan mampan.

Strategi 3:
Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran mempunyai dua (2) inisiatif dan empat (4) aktiviti agar aktiviti pengajian di IPT memenuhi keperluan industri 4.0 dan tenaga pengajar di IPT melibatkan pengamal / pakar industri.

Strategi 4:
Pemerkasaan Hubungan Industri mempunyai tiga (3) inisiatif dan lapan (8) aktiviti, untuk meningkatkan penglibatan industri secara berstruktur kepada semua pelajar, penerapan aktiviti pengajian dengan pensijilan profesional dan pencapaian indeks kepuasan majikan.

Pelan ini dapat dijadikan panduan dalam membentuk dan memastikan graduan IPT memenuhi keperluan industri serta dijadikan panduan bagi IPT dalam menangani isu berkaitan kebolehpasaran graduan Pendidikan Tinggi ke arah pembentukan kerjaya pelajar.

Program PENJANA KPT

Program PENJANA KPT adalah salah satu inisiatif kerajaan dalam menangani isu kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat wabak COVID-19. Selain itu, Program PENJANA KPT merupakan satu daripada empat program di bawah inisiatif GETHIRED@KPT, Aspirasi Keluarga Malaysia 100 hari bagi KPT. Program ini terbahagi kepada dua (2) program iaitu Program PENJANA KPT-CAP dan Program PENJANA KPT-PACE.

PENJANA KPT-CAP

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara *Career Advancement Programme* di bawah KPT merupakan inisiatif yang memberikan tumpuan kepada graduan 2019, 2020 dan 2021 yang belum mendapat pekerjaan dan memfokuskan kepada program yang memberikan impak dan nilai tambah kepada kemahiran graduan. Graduan yang terpilih mengikuti program di bawah PENJANA KPT-CAP akan diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran dan mendapat penempatan pekerjaan atau pembiayaan kewangan perniagaan setelah tamat program. Program ini terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:

1. *Place & Train*
   Program latihan kompetensi bersasar kepada peserta sebelum memulakan pekerjaan yang ditawarkan.
2. *Entreprenuership*
   Program latihan keusahawanan yang menyasarkan penubuhan syarikat pemula dan berupaya mendapatkan bantuan pembiayaan kewangan perniagaan.
3. *Gig Economy*
   Program latihan kompetensi yang mampu membantu graduan peserta untuk menjana pendapatan melalui ekonomi gig atau aktiviti berbentuk *freelancing*.

PENJANA KPT-PACE

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara *Professional Certificate* di bawah KPT diperkenalkan untuk memberikan nilai tambah dalam bentuk sijil professional kepada kelayakan sedia ada pelajar dan memfokuskan kepada pelajar tahun akhir. Tambahan kepada itu, PENJANA KPT-PACE dapat meningkatkan kompetensi profesional graduan dalam bidangnya sendiri selari dengan usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam bidang profesional. Pelaksanaan PENJANA KPT-PACE adalah melalui pemberian baucar kepada peserta dan program di bawah PENJANA KPT-PACE ini tidak terikat dengan jaminan pekerjaan tetapi perlu ada pemantauan terhadap kebolehpasaran peserta yang mengikuti program ini (*tracer study*).

Pencapaian Program PENJANA KPT

Sehingga bulan Disember 2021, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PENJANA telah meluluskan sejumlah 603 program yang memanfaatkan 41,309 graduan dengan peruntukan sebanyak RM150 juta. Seramai 19,266 orang peserta atau 103% peserta program telah berjaya menerima penempatan pekerjaan atau penjanaan pendapatan berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 18,611 sehingga Disember. Prestasi ini akan terus meningkat dari masa ke masa memandangkan masih terdapat program-program yang sedang giat dijalankan di peringkat IPTA dan IPTS.

Objektif

1. Menyediakan latihan berbentuk *reskilling & upskilling* serta pensijilan professional kepada para peserta.
2. Membuka peluang penempatan pekerjaan dan penjanaan pendapatan kepada para peserta setelah tamat latihan yang disediakan.
3. Menangani cabaran dan isu kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat wabak COVID-19.

Seksyen Pengurusan Penyampaian

Gimik perasmian Keluarga Malaysia@IPT oleh YAB Perdana Menteri bersama-sama YB Menteri Pengajian Tinggi.

Keluarga Malaysia@IPT

8 Disember 2021 (Rabu)

KPT dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan Keluarga Malaysia@IPT. Penganjuran program ini adalah untuk mempamerkan secara nyata pencapaian 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) KPT yang telah berjaya melaksanakan empat (4) inisiatif, iaitu:

i. Program pemberian baucar makanan percuma melalui program *FOOD@CAMPUS* Keluarga Malaysia;

ii. Pemberian vaksin kepada warga pendidikan tinggi melalui program *VACC2CAMPUS*;

iii. Pembekalan RTK kepada pelajar IPT melalui program RTK@CAMPUS; dan

iv. Penawaran peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan kepada pelajar IPT melalui program *GETHIRED@KPT*.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia dengan memberikan ucapan dan seterusnya merasmikan program Keluarga Malaysia@IPT.

Program dimulakan dengan sesi penyerahan surat tawaran kerja daripada wakil syarikat kepada pelajar disaksikan oleh YAB Perdana Menteri. Seramai enam (6) orang pelajar telah berjaya ditawarkan pekerjaan oleh syarikat yang terlibat dalam program ini. Program ini menawarkan peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan kepada pelajar IPT memelalui Program *GETHIRED@KPT*;

Penyerahan Baucar *FOOD@CAMPUS* oleh YAB Perdana Menteri kepada wakil pelajar.

YAB Perdana Menteri menyaksikan penyerahan Surat Tawaran Kerja *GETHIRED@KPT* daripada wakil syarikat kepada pelajar berjaya.

Seterusnya adalah penyerahan *Rapid Test Kit* (RTK) COVID-19 daripada wakil pembekal kepada YB Menteri Pengajian Tinggi. Penyerahan ini merupakan sebahagian daripada Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) syarikat pembekal kepada warga IPT.

Program *FOOD@CAMPUS* merupakan salah satu inisiatif pemberian baucar makanan kepada pelajar oleh KPT.

Penyerahan ini disampaikan oleh YAB Perdana Menteri kepada wakil pelajar dari Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan IPTS disaksikan juga oleh YB Menteri Pengajian Tinggi.

YAB Perdana Menteri dan YB Menteri Pengajian Tinggi seterusnya melawat ke Pameran GETHIRED@KPT. Pameran ini menawarkan peluang pekerjaan dan memberikan maklumat lanjut berkenaan peluang pekerjaan kepada pelajar. Pameran ini juga melibatkan lebih kurang 15 buah syarikat. YAB Perdana Menteri turut berkesempatan meninjau klinik sementara yang menyediakan suntikan *booster* kepada beberapa warga IPT. *VACC2CAMPUS* merupakan insiatif KPT untuk memastikan warganya mendapat suntikan vaksin bagi mengekang daripada penularan wabak COVID-19.

YB Menteri Pengajian Tinggi menerangkan salah satu KPI AKM kepada YAB Perdana Menteri.

Objektif

1. Mempamerkan pencapaian 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah berjaya melaksanakan;
2. Menerapkan nilai-nilai Keluarga Malaysia dalam kalangan pelajar dan warga IPT; dan
3. Penawaran peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan kepada pelajar IPT melalui Program *GETHIRED@KPT*.

Kemeriahan suasana di *booth* Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

YAB Perdana Menteri mengunjungi *booth* KPT.

100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia

9 - 12 Disember 2021 (Rabu - Sabtu)

KPT terlibat secara langsung dalam dua (2) aktiviti utama iaitu *Booth* Kementerian Pengajian Tinggi dan Jom Masuk IPT.

Booth KPT terlibat secara langsung dalam aktiviti di bawah Jawantankuasa Pameran (Agensi) dan Jawatannkuasa Jemputan, Sambutan dan Protokol bagi program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia. KPT telah disediakan booth dengan keluasan 9 meter X 6 meter di *Hall* 1, Aras G KLCC bagi tujuan pameran dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian dan Agensi di bawah KPT.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri turut hadir semasa perasmian ini ialah barisan Jemaah Menteri, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Pengurusan Tertinggi Kementerian, pegawai awam, pihak swasta dan orang awam.

YB Menteri Pengajian Tinggi dan Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar turut melawat *booth* KPT yang berkonsepkan futuristik. Sesi penyerahan surat tawaran kerja kepada graduan turut duadakan disamping taklimat mengenai pergerakan program yang akan berlangsung sepanjang program ini.

Dalam tempoh pemeran tersebut berlangsung, YAB Perdana Menteri telah mengadakan sesi melawat ke reruai (booth) termasuklah reruai KPT pada 10 Disember 2021. Beliau diberikan penerangan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPT, jabatan dan agensi di bawah KPT, selain menandatangani plak sempena lawatan beliau ke reruai KPT.

Booth KPT telah mendapat tempat kesembilan bagi kategori *Booth* Terbaik daripada 31 *booth* yang dipertandingkan.

Kementerian Pengajian Tinggi diumumkan menduduki tempat ke-9 dalam pertandingan *booth* terbaik.

YAB Perdana Menteri memberikan ucapan perasmian Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia .

YB Menteri Pengajian Tinggi disambut oleh Mr Tips, *cosplay* robotik oleh para pelajar Kolej Komuniti Selayang.

Kementerian Pengajian Tinggi juga telah terlibat secara langsung dalam program Jom Masuk IPT 2021 yang bertempat di Aras 3, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 10 – 12 Disember 2021. Pempamer terdiri daripada 20 Universiti Awam (UA), lapan (8) Universiti Swasta (IPTS) terpilih , Hospital Pengajar Universiti (HPU), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM, JPT).

Jom Masuk IPT adalah salah satu aktiviti yang dilaksanakan oleh KPT bersempena Program 100 Hari AKM bagi menarik minat para pengunjung untuk mengetahui lebih dekat berkenaan program pengajian yang ditawarkan di IPT yang terpilih serta kelayakan yang diperlukan bagi satu-satu program.

Terdapat *talkshow*, konsultasi secara bersemuka, pameran pendidikan dari Universiti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta terpilih, Hospital Pengajar Universiti, persembahan dari institusi dan pelbagai lagi segmen menarik. Bagi pengunjung yang tidak berpeluang untuk hadir ke KLCC, satu pautan link telah disediakan, iaitu dengan melayari melayari laman Facebook rasmi Kemasukan BKPK JPT – FB Rasmi UPU di pautan https://www.facebook.com/UPUonlineBKPAJPT.

Seramai 4,567 pengunjung telah hadir sepanjang program Jom Masuk IPT berlangsung.

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 10 Disember 2021 telah mengadakan lawatan ke Jom Masuk IPT diiringi oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian

Tinggi, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara serta Pengurusan Tertinggi Kementerian/ Agensi dan Jabatan di bawah KPT.

Beliau turut menyampaikan surat tawaran kemasukan universiti, politeknik, kolej komuniti, biasiswa, termasuk pinjaman PTPTN dan sijil pengiktirafan APEL A kepada pelajar di bawah Program "Jom Masuk IPT" sempena Program 100 Hari Aspirasi #Keluarga Malaysia (AKM).

Objektif

Pameran Kementerian

i. Memaparkan kejayan-kejayaan yang telah dicapai sepanjang 100 hari pelaksanaan Aspirasi Keluarga Malaysia dalam kepimpinan negara;
ii. Menyediakan medium kepada rakyat untuk menghayati erti sebenar konteks Keluarga Malaysia secara lebih dekat; dan
iii. Menyediakan platform hebahan kepada semua pengunjung dan dimeriahkan dengan komponen-komponen utama tarikan pengunjung termasuklah Majlis Perasmian, Pameran Kementerian & Agensi Kerajaan, Konsert Aspirasi, Forum Perdana, Program I'm Youth, Jom Masuk IPT, penyampaian bantuan rakyat dan bermacam-macam lagi.

Pameran Jom Masuk IPT

i. Memberikan informasi berkaitan pelajar ke IPT dalam negara serta pelbagai program pengajian yang ditawaran;
ii. Memberikan khidmat nasihat tentang pemilihan program pengajian daripada wakil IPT; dan
iii. Memberikan maklumat mengenai penggunaan Sistem UPU *Online*.

YAB Perdana Menteri bersama YB Menteri Pengajian Tinggi melakukan Sesi *Walkbout* di sekitar tapak pameran Jom Masuk IPT.

YAB Perdana Menteri menyampaikan sumbangan kepada pelajar yang terpilih.

Seksyen Penyelidikan & PPRN

Program *Webinar Public-Private Research Network 2.0*

18 - 19 & 22 - 23 Februari 2021 (Khamis - Jumaat) & (Isnin - Selasa)

Secara Dalam Talian

Kerjasama Dengan IPT Yang Telibat:

1. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - Zon Selatan
2. Universiti Malaysia Pahang (UMP) – Zon Timur
3. Universiti Malaya – Zon Tengah
4. Universiti Teknologi Petronas (UTP) – Zon Utara
5. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) – Zon Sarawak
6. Universiti Malaysia Sabah (UMS) – Zon Sabah

Program webinar ini telah diadakan di enam (6) zon dengan kerjasama dari pelbagai IPT bagi memperkenalkan mekanisme baharu PPRN 2.0 kepada penyelidik IPT/PRI dan syarikat serta memberikan panduan untuk menghasilkan '*zero reject proposal*' oleh panel penilai PPRN. Terdapat tiga (3) orang panel penilai telah dijemput sebagai penceramah, iaitu Dato' Prof. Ir. Dr. Abdul Rahman bin Mohamed (USM), Prof. Ts. Dr. Safian bin Sharif (UTM) dan Prof. Dr. Risby bin Mohd Sohaimi (UPNM).

Objektif

1. Berkongsi maklumat dengan penyelidik Institusi Pengajian Tinggi berkaitan tatacara yang betul dalam membangunkan permohonan projek PPRN 2.0;
2. Mempromosikan mekanisme baharu PPRN 2.0 kepada penyelidik IPT/PRI dan syarikat; dan
3. Memberikan panduan untuk menghasilkan '*zero reject proposal*'.

Taklimat Garis Panduan Pelaksanaan *Public-Private Research Network* bagi Tahun 2021

19 Mac 2021 (Jumaat)

Secara Dalam Talian

Pihak KPT telah mengadakan taklimat secara dalam talian kepada Pusat Pengurusan Projek (PPP) berkenaan penambahbaikan yang dibuat dalam garis panduan pelaksanaan PPRN 2.0. Pihak KPT juga membentangkan laporan audit sebagai panduan dalam pengurusan projek PPRN.

Objektif

1. Memberikan taklimat berkaitan penambahbaikan terkini dalam garis panduan pelaksanaan projek PPRN 2.0;
2. Mempromosikan mekanisme baharu PPRN 2.0 kepada Pusat Pengurusan Projek; and
3. Memberikan makluman berkaitan laporan audit PPRN.

Taklimat Garis Panduan Pelaksanaan *Public-Private Research Network* kerjasama dengan Quest International University (QIU)

9 Ogos 2021 (Isnin)

Secara Dalam Talian

Pihak Quest International University (QIU) melalui Centre for Research & Innovation, QIU telah menjemput KPT untuk memberikan taklimat berkaitan geran padanan PPRN dan garis panduan pelaksanaan projek serta kaedah penghasilan '*zero reject proposal*' yang dibentangkan oleh panel penilai PPRN iaitu YBhg. Prof. Ts. Dr. Safian bin Sharif (UTM). Taklimat telah diadakan secara dalam talian yang disertai oleh penyelidik QIU dan beberapa wakil syarikat.

Objektif

1. Memberikan taklimat tentang garis panduan pelaksanaan projek PPRN 2.0
2. Memberikan panduan untuk menghasilkan '*zero reject proposal*'
3. Mempromosikan mekanisme baharu PPRN 2.0 kepada penyelidik dan syarikat.



Majlis Penyerahan Surat Tawaran Projek PPRN oleh YB Menteri Pengajian Tinggi



11 & 26 September 2021
(Ahad & Isnin)

1) Batu Pahat, Johor (11 September 2021)

2) Nibong Tebal, Pulau Pinang (26 September 2021)

Majlis Penyerahan Surat Tawaran Projek PPRN ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad di syarikat Bio Star Resources dan T&M Mee Siput di Batu Pahat Johor serta kepada syarikat Voltake Energy Services Sdn Bhd di Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Objektif

1. Untuk mempromosikan PPRN kepada industri dan komuniti.
2. Untuk membolehkan pengurusan tertinggi KPT, sekretariat dan pemegang taruh mendapatkan maklumat lanjut, dan melakukan pemeriksaan terhadap premis projek PPRN.
3. Untuk menyediakan platform bagi membina hubungan antara pengurusan tertinggi KPT, sekretariat, penyelidik dan industri.

Lawatan Tapak Projek PPRN

1) 26 Oktober 202, Ahad (Selangor)
2) 29 Oktober 2021, Rabu (Melaka)
3) 10 - 11 November 2021, Rabu - Khamis (Negeri Sembilan & Johor)

Sesi lawatan tapak projek PPRN melibatkan enam (6) syarikat di sekitar negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Pihak PPRN juga telah mengadakan lawatan ke Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi memeriksa mesin-mesin yang dibina oleh penyelidik di institusi tersebut.

Objektif

1. Membuat pemeriksaan dan menilai situasi sebenar pelaksanaan inisiatif PPRN di syarikat-syarikat yang terlibat;
2. Mengumpul maklumat berkenaan produktiviti syarikat selepas menggunakan penyelesaian / inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik, dan
3. Mengumpul maklumat berkenaan konflik atau permasalahan yang berlaku antara penyelidik dan syarikat untuk tindakan lanjut.

Bengkel *Training of Trainers* bagi Pusat Pengurusan Projek (PPP) *Public-Private Research Network*

24 - 25 November 2021 (Rabu - Khamis)

Hotel Dorsett Putrajaya, W.P Putrajaya

Bengkel ini diadakan untuk memberikan taklimat berkaitan garis panduan pelaksanaan projek PPRN serta pengurusan projek di peringkat PPP. Sistem baharu PPRN yang dibina oleh pihak UTM diperkenalkan dan dilaksanakan semasa pembukaan fasa permohonan baharu PPRN tahun 2022.

Objektif

1. Memberikan taklimat berkaitan pengurusan projek PPRN di peringkat PPP;
2. Memperkenalkan sistem baharu PPRN secara *hands-on* kepada wakil PPP; dan
3. Memberi taklimat tentang garis panduan pelaksanaan projek PPRN 2.0.

Bengkel *Training Of Trainers* bagi Panel Penilai *Public-Private Research Network*

28 – 30 Disember 2021 (Selasa - Khamis)

Langkawi Seaview Hotel, Pulau Langkawi, Kedah

Bengkel ini diadakan untuk memberikan taklimat berkaitan proses saringan dan penilaian permohonan projek PPRN serta pembentangan sistem baharu PPRN kepada panel penilai sedia ada dan yang baharu. YBhg. Dato' Prof. Ir. Abdul Rahman bin Mohamed, iaitu panel penilai PPRN telah dijemput sebagai penceramah bagi memberikan penjelasan tentang kaedah-kaedah dalam penilaian permohonan projek PPRN terutamanya kepada panel penilai yang baharu. Penambahbaikan berkaitan program PPRN tahun 2022 juga telah dibincangkan dalam bengkel ini.

Objektif

1. Memberikan taklimat berkaitan proses saringan kertas cadangan projek PPRN;
2. Memberikan taklimat berkaitan kaedah penilaian bagi pembentangan projek-projek PPRN; dan
3. Memperkenalkan sistem baharu PPRN secara *hands-on* kepada panel penilai.

Seksyen Sukan

Sesi taklimat bengkel oleh YBrs. Dr. Pekan bin Ramli, Timbalan Setiausaha Bahagian (Seksyen Sukan), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD).

Peserta bengkel sedang mendengar sesi penerangan oleh ahli panel.

Bengkel Penilaian Pelaksanaan Program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Sukan dan Pusat Sukan Tumpuan 2021 serta Perancangan Bagi Tahun 2022

Ucap tama bengkel oleh YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Setiausaha Bahagian (SUB), BPPD.

16 - 19 Disember 2021 (Khamis - Ahad)

Cititel Hotel, Penang

Program PKS/PST adalah salah satu inisiatif yang termaktub dalam Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (DPSIPT) untuk membangunkan sukan tumpuan dengan cara lebih sistematik dan teratur.

Bengkel Penilaian Pelaksanaan Program Pembangunan PKS dan PST 2020 serta perancangan bagi tahun 2021 dirancang bagi menilai keberkesanan serta memastikan program PKS dan PST dilaksanakan selari dengan objektif DPSIPT seterusnya menyumbang ke arah pembangunan sukan IPT dan negara.

Penilaian menyeluruh turut dibuat terhadap program, perbelanjaan dan keberkesanan program bagi memastikan hanya PKS dan PST yang berimpak tinggi akan dikekalkan dan diambil kira dalam agihan peruntukan Program Pembangunan PKS dan PST bagi tahun 2022.

Objektif

1. Memastikan Program PKS dan PST dilaksanakan selari dengan objektif DPSIPT seterusnya menyumbang ke arah pembangunan sukan IPT dan negara.
2. Menilai pelaksanaan dan membincangkan penambahbaikan perancangan Program Pembangunan PKS dan PST.
3. Penilaian menyeluruh terhadap program, perbelanjaan dan keberkesanan program bagi memastikan hanya PKS dan PST yang berimpak tinggi akan dikekalkan dan diambil kira dalam agihan peruntukan Program Pembangunan PKS dan PST bagi tahun 2022.

Ucapan alu-aluan Oleh YBrs. Dr. Pekan bin Ramli, Timbalan Setiausaha Bahagian (Seksyen Sukan), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD).

Program Gelembung Sukan Secara *Base Camp Training* bagi Penyediaan Atlet ke Kejohanan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) dan Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022

23 Oktober - 6 November 2021
(Sabtu - Sabtu)

Program PKS/PST adalah salah satu inisiatif yang termaktub dalam Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (DPSIPT) untuk membangunkan sukan tumpuan dengan cara lebih sistematik dan teratur.

Program ini diadakan untuk mengekalkan prestasi atlet IPT supaya sentiasa berada dalam keadaan terbaik serta memastikan atlet bersedia sepenuhnya untuk membawa cabaran negara ke kejohanan antarabangsa.

Program gelembung sukan secara *base camp* bagi penyediaan atlet ini dirancang supaya setiap pasukan dapat menjalani latihan yang berterusan untuk menyertai Kejohanan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) dan Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022.

Taklimat Psikologi Sukan & Pemakanan.

Melalui program ini, jurulatih dapat memberikan tumpuan yang lebih berfokus dalam persediaan fizikal supaya menghasilkan atlet yang berkualiti dan konsisten semasa pertandingan.

Jika atlet tidak mencapai tahap keupayaan maksimum ia akan menjejaskan proses pemerolehan kemahiran dan aplikasi taktik tidak dapat dicapai.

Kejohanan UNIVERSIADE dan AUG ini adalah merupakan platform penting bagi atlet IPT sebagai pendedahan supaya atlet IPT dapat menimba pengalaman seterusnya mahir dan matang dalam pertandingan.

Taklimat Atlet Sihat oleh Jawatankuasa Perubatan.

Atlet yang menyertai Program Gelembung Sukan.

Lawatan oleh YBhg. Dato' SUB BPPD ke Pusat Rawatan Program Gelembung Sukan.

Proses sanitasi penginapan atlet.

Lawatan oleh YBhg. Dato' SUB BPPD ke Lokasi Latihan Olahraga.

Objektif

1. Atlet IPT dapat menjalani latihan secara berpusat bagi persediaan menghadapi UNIVERSIADE dan AUG 2022;
2. Mengekalkan prestasi atlet IPT supaya sentiasa berada dalam keadaan terbaik bagi menyertai kejohanan antarabangsa;
3. Memastikan atlet bersedia sepenuhnya membawa cabaran negara ke kejohanan di luar negara; dan
4. Memupuk konsep ke arah melahirkan '*The Thinking Athlete*' yang berwawasan.

Ujian kecergasan atlet.

Ratu gimnas negara Saudari Farah Ann dari Taylors University turut menerima insentif daripada KPT.

YBM turut menyerahkan Biografi Khas UOlimpian kepada atlet terjun negara dari UM, iaitu Saudari Wendy Ng Yan Yee.

Majlis Apresiasi dan Penghargaan UOlimpian Sukan Olimpik Tokyo 2020

1 Oktober 2021 (Jumaat)

Bilik Jamuan Aras 15, KPT

Seramai sembilan (9) orang UOlimpian telah diraikan dan KPT berbesar hati menyediakan Insentif sebanyak RM5,000 sebagai pengiktirafan atas kejayaan mereka. Sebanyak RM3,000.00 diberi dalam bentuk tunai dan RM2,000.00 dalam bentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

Sebagai tanda penghargaan KPT turut menerbitkan Biografi Khas UOlimpian yang mengungkapkan jerit perih perjuangan untuk bergelar seorang UOlimpian.

Dalam Majlis yang sama, KPT turut menyerahkan tawaran Biasiswa YB Menteri Pengajian Tinggi-Atlet Cemerlang IPT 2021 kepada empat (4) orang UOlimpian iaitu Azreen Nabila Alias, Syaqiera Mashayik, Juni Karimah Noor Jamali dan Welson Sim.

Objektif

1. Untuk memastikan atlet pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPT dapat meneruskan kecemerlangan di dalam bidang sukan dan akademik;
2. Sebagai motivasi buat atlet IPT yang berjaya mengharumkan nama KPT dan negara; dan
3. Menyediakan galakan dalam bentuk pemberian insentif wang tunai dalam pencapaian Sukan di peringkat Antarabangsa

YBM bersama Nur Dhabitah Sabri, atlet terjun IPT.

Sesi *Brisk Walk* di sekitar kawasan KPT.

Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2021 @ MAKSAK-KPT

10 Oktober 2021 (Ahad)

Dewan Za'ba KPT dan
Sekitar Presint 5, Putrajaya

Pelaksanaan program HSN2021 adalah secara hibrid.

Asas perancangan HSN2021 adalah untuk memberikan kesedaran dan meningkatkan amalan budaya gaya hidup cergas dan aktif, menggalakkan aktiviti sukan dan kecergasan walaupun negara berdepan pandemik COVID-19. HSN2021 juga bertujuan tuntuk menyemarakkan semangat perpaduan kalangan rakyat pelbagai kaum disamping turut menggalakkan pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan industri sukan.

Seksyen Sukan, KPT dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan KPT telah menganjurkan Hari Sukan Negara 2021 @ MAKSAK-KPT dengan mengadakan acara senamrobik dan *Brisk Walk* sejauh lima (5) kilometer.

YBM menyampaikan hadiah utama kepada pemenang cabutan bertuah.

Objektif

1. Mendukung usaha kerajaan dalam menyemarakan Sambutan Bulan Sukan Negara dalam kalangan warga KPT.
2. Menggalakkan warga KPT aktif dalam aktiviti sukan dengan tujuan bagi melahirkan staf yang cerdas, cergas dan sihat.
3. Memupuk semangat perpaduan dalam kalangan warga KPT.

Sesi senamrobik sebelum *Brisk Walk* dilaksanakan bersama YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Kementerian Pengajian Tinggi.

Dato' Marina Chin, bekas atlet olahraga negara ketika sesi perkongsian persidangan.

Sesi forum oleh Azlan Mubin, bekas atlet kebangsaan sepak takraw.

Persidangan *Movement, Health and Exercise* (MoHE) Edisi Ke-7

22 - 23 November 2021 (Isnin - Selasa)

Universiti Malaysia Perlis

Persidangan ini buat pertama kalinya dianjurkan secara maya memandangkan situasi Pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Seramai sembilan Pensyarah Jemputan lima (5) luar negara, empat (4) dalam negara) serta 40 peserta telah menyertai program ini. Seramai 25 peserta yang terlibat dengan pembentangan kertas kerja telah menjalankan aktiviti tersebut dengan cemerlang.

Objektif

1. Menyediakan ruang untuk mewujudkan hubungan kerjasama antara ahli akademik dan pengamal professional.
2. Perkongsian pengetahuan jangka panjang.
3. Perbincangan isu-isu terkini berkaitan sains dan teknologi.

Bengkel Pembangunan Modul Latihan Projek Larian 100 Meter Bawah 10 Saat.

Barisan tetamu yang hadir ke Bengkel Pembangunan Modul Latihan Projek Larian 100-meter Bawah 10 saat.

19 - 22 Disember 2021 (Isnin - Rabu)

Brasmana Hotel, Kuala Perlis, Perlis

Projek ini dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun bermula dari 2021 hingga 2025

Satu Modul Latihan akan diterbitkan sebagai panduan di peringkat sekolah university dalam membentuk atlet 100 meter di peringkat akar umbi.

Peserta Bengkel

Objektif

1. Mewujudkan satu program khusus untuk diangkat menjadi Projek Nasional bagi melahirkan jaguh pecut negara yang mampu mencatatkan masa di bawah 10 saat menerusi larian pecut 100 meter sekali gus mencatat sejarah dunia sebagai antara negara yang berjaya menghasilkan atlet unggul dengan kemampuan luar biasa.
2. Menghasilkan satu program olahraga jangka panjang yang khusus dan tersusun sebagai projek rintis yang berprofil tinggi hasil komitmen dan kepakaran kejurulatihan tempatan dengan sokongan pemegang taruh utama serta pihak korporat di negara ini.
3. Melahirkan sekelompok pelari pecut yang akan menguasai acara larian pecut ini di peringkat serantau dan Asia selepas 3 hingga 10 tahun projek ini dilancarkan.

Sesi Taklimat bengkel oleh YBrs. Dr. Pekan bin Ramli, Timbalan Setiausaha Bahagian (Seksyen Sukan), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD).

Kejohanan *Golf Matchplay* IPT 2021

21 – 23 Disember 2021 (Selasa - Khamis)

Kelab Golf Sultan Sallehuddin (KGSS), UUM

Penyertaan :

1. Pelajar IPT
   - 60 Orang Lelaki
   - 20 Orang Wanita

   Jumlah keseluruhan 100 orang
2. Jemputan
   - 20 Orang

Sistem Pertandingan

i) Terbuka – Sistem pertandingan dijalankan secara *stroke play* 18 lubang. Kategori individu *Gross* dan *Nett* lelaki dan wanita serta acara berpasukan.

ii) *Matchplay* – Sistem pertandingan dijalankan secara *Matchplay*.

Objektif

1. Mengekalkan prestasi atlet IPT supaya sentiasa berada dalam keadaan terbaik bagi menyertai kejohanan antarabangsa ;
2. Memastikan atlet bersedia sepenuhnya membawa cabaran negara ke kejohanan di luar negara; dan
3. Memupuk konsep ke arah melahirkan 'The Thinking Athlete' yang berwawasan.

Para pemenang bersama tetamu kehormat.



Gimik pelancaran oleh YBrs. Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, TKSU (PP) disaksikan oleh YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar dan YBrs. Dr. Pekan Bin Ramli, Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Sukan.

Pelancaran Persatuan Bola Sepak Universiti Malaysia

17 November 2021 (Rabu)

Dewan Za'aba,
Kementerian Pengajian Tinggi

Peranan Persatuan ialah:

1. Mengendalikan kursus dan latihan dalam kalangan jurulatih-jurulatih IPT
2. Mewujudkan peluang kepada pegawai, jurulatih dan pemain di peringkat IPT menimba pengalaman serta meningkatkan tahap profesionalisme dalam bidang pentadbiran dan kejurulatihan.
3. Memastikan penganjuran kejohanan di peringkat IPT diambil kira sebagai medan pemilihan pemain negara dengan mematuhi kriteria yang telah ditetapkan.
4. Mengendalikan jawatankuasa yang akan ditubuhkan seperti Bola Sepak Lelaki, Bola Sepak Wanita, Bola Sepak Pantai, dan Futsal di samping penubuhan jawatankuasa lain seperti kepengadilan dan kejohanan-kejohanan.

Objektif

Membantu Persatuan Bola Sepak Malaysia dari segi pencarian atlet negara bagi sukan Bola Sepak di peringkat IPT.

Barisan tetamu yang hadir ke Majlis Pelancaran Persatuan Bola Sepak Universiti Malaysia (MUFA).

YBrs. Dr. Mohd Zabri Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengajian Tinggi, menyempurnakan Majlis Pelancaran Kejohanan Pra-U Cup 2021 pada 17 November 2021.

Kejohanan Pra-U Cup 2021

22 - 27 November 2021 (isnin - Sabtu)

Akademi Mokhtar Dahari, Gambang Pahang

Kejohanan buat julung kali diadakan ini merupakan inisiatif terbaru dari KPT untuk pembangunan akar umbi sukan bola sepak yang perlu dibangunkan selaras dengan keseimbangan keperluan akademik pemain. Pra-U Cup akan menjadi satu platform penting kepada pemain-pemain bola sepak di akademi-akademi bola sepak dan juga sekolah sukan di negara ini untuk lebih berjaya dalam kedua-dua bidang mereka, iaitu, bola sepak dan juga akademik.

Kejohanan edisi pertama ini telah disertai oleh empat (4) pasukan iaitu dua (2) pasukan dari Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari (AMD), satu (1) pasukan Akademi Bola Sepak Felda (ABF) dan pasukan *Malaysian University Football Team* (MUFT) dan berlangsung selama enam (6) hari di Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari, Gambang Pahang.YBrs. Dr Mohd Zabri Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (PP), KPT telah melancarkan kejohanan ini pada 17 November 2021 di Dewan Za'ba, KPT manakala Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah kejohanan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Shaharuddin Abu Sohot, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT.

YBhg. Dato' Shaharuddin Abu Sohot, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT, menyempurnakan majlis perasmian kejohanan.

Perlawanan Akhir Edisi Pertama Kejohanan Pra-U Cup 2021 mempertemukan pasukan Akademi Mokhtar Dahari A dengan Malaysian University Football Team (MUFT).

Juara edisi pertama Kejohanan Pra-U Cup 2021, Akademi Mokhtar Dahari A.

Objektif

1. Memperkasakan keupayaan pemain di peringkat belia dengan beraksi dalam satu kejohanan bola sepak yang kompetetif ;
2. Memberikan satu ruang yang luas kepada pemain-pemain belia yang berada di Akademi Bola Sepak terpilih di negara ini dan juga di sekolah-sekolah sukan untuk memperagakan bakat mereka sebelum layak bermain di peringkat yang lebih tinggi;
3. Menjadi batu loncatan kepada semua pemain terlibat untuk menyambung pengajian di IPT sekiranya terdapat IPT yang berminat dengan bakat dan menawarkan mereka tempat untuk menyambung pengajian; dan
4. Meneruskan usaha KPT untuk melahirkan lebih ramai '*The Thinking Athlete*' atau '*The Thinking Footballer*" untuk penganjuran kejohanan ini

BAHAGIAN **HUBUNGAN ANTARABANGSA**

Latar Belakang

Bahagian Hubungan Antarabangsa (BHA) telah ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaras, melaksana serta memperkukuh program kerjasama strategik antarabangsa dalam bidang pendidikan tinggi di Malaysia. Menerusi jalinan hubungan dua hala (*bilateral*) serta penglibatan dalam platform pelbagai hala (*multilateral*), BHA bertanggungjawab meningkatkan imej global Malaysia sebagai salah satu peneraju terunggul dalam bidang pendidikan tinggi. Antara usaha lain yang diterajui oleh BHA termasuklah memastikan Malaysia terus mendapat manfaat daripada penglibatan dan keahlian dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa.

Visi dan Misi

VISI

Menerajui kepimpinan dalam arena pendidikan tinggi antarabangsa selaras dengan visi dan misi Kementerian Pengajian Tinggi.

MISI

Memartabatkan penglibatan Malaysia dalam arena pendidikan tinggi antarabangsa demi menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi di rantau ini.

Fungsi Bahagian

Unit Antarabangsa I, II, III & IV

1. Mengadakan hubungan kerjasama antara Malaysia dan negara luar dalam bidang pendidikan tinggi melalui Memorandum Persefahaman / Perjanjian.
2. Menyelaras lawatan kerja Anggota Pentadbiran Anggota Pengurusan (APAP) ke luar negara.
3. Menyelaras Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama / Dua Hala.
4. Menyelaras lawatan delegasi luar negara ke KPT.
5. Menyediakan nota ikhtisar, nota perbincangan dan nota percakapan Anggota Pentadbiran Anggota Pengurusan (APAP).
6. Menyelia dan mengurus penganjuran persidangan antarabangsa.
7. Mengadakan hubungan kerjasama antara Malaysia dan pertubuhan antarabangsa dalam bidang pendidikan tinggi melalui Memorandum Persefahaman/Perjanjian.
8. Memperkasa Pelan Strategik Pengantarabangsaan selaras dengan PPPM (PT) 2015-2025 iaitu Lonjakan ke 8: Keunggulan Global.
9. Menganalisis dan merancang kerjasama strategik sedia ada/masa hadapan antara Malaysia dan negara-negara lain.
10. Menyediakan input/nota intervensi berkaitan pendirian negara bagi menjaga kepentingan negara dalam bidang pendidikan tinggi.
11. Merancang, mengurus dan melaksana program-program ke arah meningkatkan hubungan kerjasama multilateral dan bilateral dalam bidang pendidikan tinggi antara Malaysia dengan negara-negara luar serta pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.
12. Merancang dan memastikan penyertaan berkesan negara dalam bidang pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa.

Unit Pentadbiran

1. Mengendalikan urusan pentadbiran dan kewangan.
2. Mengendalikan urusan sumber manusia Bahagian.
3. Menyelaras urusan logistik.
4. Mengurus dan menyelaras program serta aktiviti Jawatankuasa Kecil Tetap Pendidikan Tinggi (JKTPT) di bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM).
5. Mengendalikan urusan protokol yang melibatkan program dan aktiviti antarabangsa.
6. Mengemas kini maklum balas atau input dari semua jabatan/agensi/IPT yang melibatkan JWG, Memorandum dan perkara yang berkaitan.
7. Membantu tugas-tugas sekretariat semasa kunjungan hormat.
8. Mengurus stor Bahagian/daftar harta modal dan inventori.

Program dan Aktiviti Utama

YBhg. Datuk Seri Dr. KSU KPT mendengar ucapan alu-aluan daripada Duta Besar Hungary ke Malaysia.

Sesi Sidang Video antara Ketua Setiausaha KPT dengan Duta Besar Hungary ke Malaysia.

PYT Dr. Petra Ponevács-Pana, Duta Besar Hungary ke Malaysia.

14 Januari 2021 (Khamis)

Pejabat Ketua Setiausaha, KPT

Sesi sidang video antara YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Setiausaha KPT dengan PYT Dr. Petra Ponevács-Pana, Duta Besar Hungary ke Malaysia telah diadakan pada 14 Januari 2021. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah mengenai pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), mobiliti pelajar, pertukaran pelajar dan akademia serta penawaran biasiswa kepada pelajar Malaysia.

Delegasi KPT dan delegasi Jepun semasa penutup majlis makan malam.

Majlis Makan Malam YBhg. Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha KPT bersama TYT Duta Besar Jepun ke Malaysia.

10 Mac 2021 (Rabu)

Kediaman Rasmi Duta Besar, Kuala Lumpur

Majlis Makan Malam ini telah dianjurkan oleh TYT Duta Besar Jepun ke Malaysia sebagai platform untuk membincangkan perkembangan terkini berhubung inisiatif penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia.

YBhg. Datuk Seri Dr. KSU KPT bersama TYT Duta Besar Jepun ke Malaysia di kediaman rasmi TYT Duta Besar Jepun ke Malaysia.

Delegasi KPT dan delegasi Jepun semasa majlis makan malam.

Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia menandatangani buku tetamu sebaik sahaja tiba di Pejabat YB Menteri Pengajian Tinggi.

Kunjungan Hormat daripada TYT Charles Hay, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia

12 April 2021 (Isnin)

Pejabat Menteri Pengajian Tinggi, KPT

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi menerima kunjungan hormat daripada TYT Charles Hay, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia di KPT. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai Turing Scheme yang menyediakan pembiayaan untuk peluang pendidikan dan latihan antarabangsa di seluruh dunia.

Ahli delegasi semasa sesi perbincangan.

YB Menteri Pengajian Tinggi menyampaikan cenderamata kepada Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia.

Kunjungan Hormat daripada TYT Roland Galharague, Duta Besar Perancis ke Malaysia

Menteri Pengajian Tinggi menyampaikan cenderamata kepada Duta Besar Perancis ke Malaysia.

Ahli delegasi semasa sesi perbincangan.

13 April 2021 (Selasa)

Pejabat Menteri Pengajian Tinggi, KPT

YB Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Roland Galharague, Duta Besar Perancis ke Malaysia. Pelbagai aspek hubungan dua hala antara Malaysia dan Perancis termasuk kerjasama industri telah dibincangkan.

Menurut Duta Besar Perancis ke Malaysia, terdapat lebih 300 syarikat Perancis yang beroperasi di Malaysia, yang boleh dimanfaatkan bersama antaranya membantu pelajar-pelajar menjalani latihan bersama industri.

YB Menteri turut menyatakan komitmen Malaysia untuk terus menjalin hubungan baik dengan Perancis dan meneroka peluang kerjasama yang baharu.

YBhg. Datuk Seri Dr. KSU KPT dan Duta Besar Georgia ke Malaysia berbincang mengenai MoU yang sedang dalam rundingan kedua-dua negara.

Kunjungan Hormat daripada TYT Nikoloz Apkhazava, Duta Besar Georgia ke Malaysia

15 April 2021 (Khamis)

Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT

YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Setiausaha KPT telah menerima kunjungan hormat daripada H.E. Nikoloz Apkhazava, Duta Besar Georgia ke Malaysia di KPT. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Georgia dalam bidang pendidikan tinggi yang sedang di dalam proses rundingan oleh kedua-dua buah negara.

YBhg. Datuk Seri Dr. KSU KPT menyampaikan cenderamata kepada Duta Besar Georgia ke Malaysia.

Ahli delegasi dari kedua-dua negara bergambar selepas perbincangan selesai.

Sidang video bersama Duta Besar Jerman ke Malaysia

YB Menteri Pengajian Tinggi semasa sesi sidang video bersama Duta Besar Jerman ke Malaysia.

YB Menteri Pengajian Tinggi bersama pegawai-pegawai kanan KPT yang turut hadir.

20 Mei 2021 (Khamis)

Bilik *Telepresence*, KPT

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi mengadakan sidang video bersama TYT Dr. Peter Blomeyer, Duta Besar Jerman ke Malaysia.

Perkara utama yang dibincangkan adalah mengenai penawaran biasiswa *International Parliament Scholarship* (IPS) oleh Kerajaan Jerman kepada graduan Malaysia, insiatif PENJANA KPT- CAP, kolaborasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan *G*erman Accreditation Council dan penubuhan kursi Pengajian Melayu dengan universiti di Jerman.

YB Menteri Pengajian Tinggi juga telah mengadakan sidang video susulan Bersama Duta Besar Jerman pada 24 Jun 2021.



Ahli delegasi dari kedua-dua negara membincangkan beberapa perkara berkaitan kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi.

YB Menteri Pengajian Tinggi semasa sesi sidang video bersama Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia.

Sidang Video bersama Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Kanada

3 Jun 2021 (Khamis)

Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi telah mengadakan sidang video bersama Puan Esther Van Nes, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia.

Perkara utama yang dibincangkan dalam sidang video tersebut adalah penempatan graduan IPT Malaysia di syarikat Kanada di Malaysia melalui inisiatif KPT-CAP, penawaran biasiswa *Canada-ASEAN Scholarships dan Educational Exchanges for Development* (SEED) oleh Kerajaan Kanada kepada pelajar Malaysia.

Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia semasa sesi sidang video.

YB Menteri Pengajian Tinggi semasa sesi sidang video.

Sesi Sidang Video Perpisahan Mantan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, TYT Andrew Goledzinowski ke atas YB Menteri Pengajian Tinggi

7 Julai 2021 (Rabu)

Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT

TYT Andrew Goledzinowski telah berbesar hati mengadakan sesi kunjungan hormat perpisahan ke atas YB Menteri Pengajian Tinggi sebelum beliau berangkat pulang ke Australia setelah menamatkan tugas di Kuala Lumpur.

YB Menteri Pengajian Tinggi bersama pegawai-pegawai tinggi Kementerian yang turut menyertai delegasi.



TYT Andrew Goledzinowski mengambil peluang merakamkan penghargaan ke atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Kementerian sepanjang tempoh beliau menjawat jawatan Pesuruhjaya Tinggi Australia.

YB Menteri Pengajian Tinggi semasa sesi sidang video.

Sidang Video bersama *British Malaysian Chamber of Commerce* (BMCC)

12 Julai 2021 (Isnin)

Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT

YB Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi bersama dengan pengurusan tertinggi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengadakan Perbincangan Khas dengan 24 orang ahli-ahli British Malaysian Chamber of Commerce (BMCC).

Satu usaha sama akan dijalinkan antara KPT dan BMCC bagi membolehkan syarikat-syarikat UK yang berpusat di Malaysia, membantu graduan tempatan dengan memberikan mereka peluang untuk membina pengalaman mereka di syarikat-syarikat tersebut.

Latihan pekerjaan ini meliputi pelbagai sektor yang berbeza antaranya aeroangkasa dan pertahanan, automotif, pembinaan dan kejuruteraan, pengangkutan dan logistik, perkhidmatan kewangan, pembuatan dan banyak lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Tinggi BMCC semasa sesi sidang video.

Pengerusi BMCC menyampaikan kata alu-aluan.

Program Siri Webinar *"Education and Research in the COVID19 Era"*

23 – 25 Ogos 2021 (Isnin - Rabu)

Dalam talian melalui aplikasi Zoom

Program Siri Webinar "*Education and Research in the COVID19 Era*" merupakan sebuah program anjuran bersama oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Department of Education, Skills and Employability (DESE), Australia.

Seramai 11 orang panel dan moderator yang mewakili Malaysia dan 10 orang panel dari Australia telah terlibat dalam program webinar yang diadakan selama tiga (3) hari tersebut. Bilangan peserta paling tinggi direkodkan bagi sebuah sesi adalah seramai 572 orang.

Barisan panel daripada Malaysia dan Australia yang terlibat dalam kelima-lima siri webinar tersebut berdasarkan topik perbincangan.

Ucapan pembukaan daripada pihak Australia oleh TYT Dr. Justin Lee, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia.

YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff, mantan KSU KPT semasa menyampaikan ucapan pembukaan.

Sesi mesyuarat bersama Kedutaan Besar Republik Arab Mesir

6 Oktober 2021 (Rabu)

Dalam talian

Sesi sidang Video ini diadakan bertujuan untuk membincangkan isu kolaborasi dalam bidang pengajian tinggi bagi program di bawah *Digital Egypt Builders Initiative* (EGYPT) dan kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi antara kedua-dua buah negara.

Sesi perbincangan antara YBhg. Datin SUB, Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPT dan Pihak Kedutaan Besar Mesir.

Sesi Rasmi Telesidang Penyampaian Bahan Ilmiah Islam daripada Kedutaan Besar Qatar di Kuala Lumpur kepada KPT

YBhg. Datuk Seri Dr. KSU KPT menerima bahan bacaan daripada Pihak Kedutaan Besar Qatar di Kuala Lumpur yang disampaikan oleh Duta Besar Qatar ke Malaysia.

8 Oktober 2021 (Jumaat)

Pejabat Ketua Setiausaha, KPT

Sesi ini adalah sebagai salah satu inisiatif daripada Kerajaan Qatar untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dalam bidang pendidikan tinggi khususnya dalam bidang pengajian Islam. Sebanyak 5,400 naskhah bahan bacaan Islam disumbangkan kepada Universiti Awam yang telah dipilih oleh pihak kedutaan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

YBhg. Datuk Seri Dr. KSU KPT memberikan ucapan alu-aluan.

TYT Duta Besar Jepun ke Malaysia bersama delegasi KPT semasa sesi menandatangani Buku Pelawat.

29 Oktober 2021 (Rabu)

Bilik Mesyuarat Al-Ghazalli, KPT

Sesi kunjungan hormat ini diadakan bagi membincangkan status perkembangan terkini inisiatif penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia. Hadir bersama TYT Duta Besar Jepun ke Malaysia semasa sesi kunjungan hormat ialah Encik Saito Yukiyoshi, Setiausaha Pertama (Pendidikan dan Sains).

Sesi Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha KPT oleh TYT Duta Besar Jepun ke Malaysia

Delegasi KPT dan Jepun semasa sesi kunjungan hormat.

YBhg. Datuk Seri Dr. KSU KPT sedang menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia berhubung penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia.

Sesi Sidang Video antara *Commonwealth Secretariat* (COMSEC) dan KPT

11 November 2021 (Khamis)

Dalam talian

Sesi sidang video ini bertujuan untuk memperkenalkan Pengarah *Commonwealth Tertiary Education Facility* (CTEF) kepada COMSEC serta mendapatkan perancangan daripada pihak KPT dan COMSEC seterusnya pembentangan tentang pelan strategik oleh pengarah CTEF.

Sidang Video antara Bahagian Hubungan Antarabangsa, Jabatan Pendidikan Tinggi, COMSEC dan CTEF.

Program UNESCO 2021: Sambutan *World Futures Day* Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan Kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

3 Disember 2021 – 31 Januari 2022 (Jumaat - Isnin)

Dalam talian

Sambutan *World Futures Day* ini diadakan susulan permohonan UNESCO Paris untuk Negara Anggota mengadakannya pada 2 Disember setiap tahun.

Ucapan perasmian disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Prof. Dr. Husaini Omar yang merumuskan bahawa usaha mewujudkan ekosistem *Communiversity* adalah selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sambutan ini bertujuan untuk memberikan penekanan kepada masyarakat secara global tentang kepentingan peranan *humanity future's literacy* bagi merancang serta bersedia untuk menghadapi cabaran serta keperluan masa hadapan menerusi aspek pendidikan, penyelidikan, sains, teknologi serta inovasi dan budaya. UIAM merupakan penganjur bagi sambutan ini atas kapasitinya sebagai penyandang Kursi UNESCO: *Futures Studies: Anticipation for Sustainability and Well-Being.*

Sempena sambutan ini, sebanyak tiga (3) program iaitu Webinar- Dekolonisasi dan Reka Bentuk Semula Masa Hadapan Pengajian Tinggi, Perbincangan Kumpulan Fokus dan Pakar (Sub-Acara: Persidangan Antarabangsa berkenaan Pembangunan Pelajar dalam Pengajian Tinggi 2021) dan Pertandingan Menulis Cerpen telah diadakan. Ringkasan bagi setiap program adalah seperti berikut:

i) Webinar- Dekolonisasi dan Reka Bentuk Semula Masa Hadapan Pengajian Tinggi

- Tarikh: 3 Disember 2021
- Tempat: Medium Zoom dan Siaran Langsung Youtube (https://www.youtube.com/watch?v=Nb_SRF7qDAo)

Maklumat Ringkas:

Webinar ini menghimpunkan penceramah dari beberapa universiti di Malaysia bagi membincangkan tentang sistem pemeringkatan (*ranking*) universiti dan kaitannya dalam era pasca COVID-19.

Pembentangan tertumpu kepada perbincangan dan pembangunan sistem penilaian alternatif prestasi universiti iaitu, *Communiversity* yang ditakrifkan sebagai lima (5) elemen (pengetahuan bersepadu/ transdisiplin yang diterajui oleh UniMAP, transformasi komuniti dan kepimpinan yang diterajui oleh UPM, kerjasama institusi yang diterajui oleh UTM, keusahawanan lestari diterajui oleh UTeM serta penyelidikan dan inovasi yang diterajui oleh UIAM).

Platform ini telah berjaya mewujudkan perkongsian ilmu berkenaan hala tuju masa hadapan institusi pengajian tinggi serta memupuk rangkaian dan perkongsian pintar ke arah membina sistem penilaian universiti yang baharu.

ii) Perbincangan Kumpulan Fokus dan Pakar (Sub-Acara: Persidangan Antarabangsa berkenaan Pembangunan Pelajar dalam Pengajian Tinggi 2021)

- Tarikh: 4 - 5 Disember 2021
- Tempat: Medium Zoom dan Siaran Langsung Youtube (https://www.youtube.com/watch?v=nGti91tDJNs&t=7859s)

Maklumat Ringkas:

Program ini merupakan platform kepada belia untuk berinteraksi bersama pakar, iaitu Profesor Sohail Inayatullah yang merupakan pemegang Kerusi UNESCO *Future Studies*.

Modul yang telah dibangunkan bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam menyelesaikan isu global telah digunakan dan modul tersebut memfokuskan kepada bidang-bidang utama seperti aktivisme, gerakan sivik, pembinaan negara dan keamanan.

iii) Pertandingan Menulis Cerpen

- Tarikh: 13 Disember 2021 – 31 Januari 2022
- Tempat: Dalam Talian

Maklumat Ringkas:

Pertandingan ini merupakan platform bagi menggalakkan kanak-kanak dan golongan muda di seluruh negara untuk berkongsi perspektif dan analisis unik mereka tentang masa depan melalui penceritaan.

Ia bertujuan untuk memupuk pemikiran kreatif, imaginatif dan kritis dalam mencipta masa depan yang berfokus ke arah kemampanan dan kesejahteraan.

Hakikatnya, belia hari ini ialah harapan masa depan negara. Dalam hal ini, merupakan satu cabaran bagi Malaysia untuk menuju ke arah kemajuan dan pembangunan yang mampan, atau dengan kata lain, "untuk memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka."

Belia-belia Malaysia berkongsi naratif, visi dan aspirasi mereka dalam membayangkan kemungkinan masa hadapan yang kian membimbangkan. Permohonan-permohonan bagi pertandingan ini sedang dalam peringkat penilaian oleh pendidik sastera yang berpengalaman.

Maklumat lanjut boleh didapati di https://flagship.iium.edu.my/unesco/wfd-sswc/.

YBhg. Dato' Seri KSU KPT bersama Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia dan Pengarah Eksekutif MACEE.

Majlis Resepsi Sempena Ulang Tahun Fulbright ke-75

7 Disember 2021 (Selasa)

Kediaman Rasmi Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia

YBhg. Dato' Seri KSU KPT menyampaikan ucapan alu-aluan.

Majlis resepsi ini dihoskan oleh Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia. Antara jemputan KPT yang hadir ialah Ketua Setiausaha (KSU), Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT), Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KP JPPKK), beberapa pegawai dari KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan JPPKK serta Naib Canselor dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Naib Presiden Universiti Multimedia. Jemputan lain yang turut hadir termasuklah alumni Fulbright dan pegawai/kakitangan dari Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dan *Malaysian-American Commission on Educational Exchange* (MACEE).

Jemputan KPT bersama Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia.

YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi bersama delegasi Malaysia.

YB Timbalan Menteri (YBTM) Pengajian Tinggi mengetuai delegasi Malaysia ke *8th ASEM Education Ministers' Meeting* (ASEMME8)

15 Disember 2021 (Rabu)

Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT

ASEMME8 telah dianjurkan oleh Thailand dengan kerjasama Sekretariat Pendidikan ASEM (AES) Belgium. Delegasi Malaysia diketuai oleh YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan dihadiri oleh pegawai-pegawai KPT termasuk dari JPT, JPPKK dan MQA. YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi telah menyampaikan ucap tama bagi *Fourth ASEM Education Strategic for the Next Decade: Creating More Transparency and Mutual Understanding on Recognition, Validation and Quality Assurance*. Mesyuarat juga telah bersetuju untuk menerima pakai dokumen *ASEM Education 2030 Strategy and Action Plan*.

YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi menyampaikan ucaptama beliau.

YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi selaku Ketua Delegasi KPT merasmikan Minggu Pendidikan Ekspo 2020 Dubai.

Minggu Pendidikan Ekspo 2020 Dubai

13 - 18 Disember 2021 (Isnin - Sabtu)

Dubai, Emiriah Arab Bersatu

Ekspo 2020 Dubai merupakan ekspo dunia yang julung kali diadakan di Rantau Timur Tengah. Emiriah Arab Bersatu telah dipilih sebagai tuan rumah bagi penganjuran ekspo ini yang bertempat di *Dubai Exhibition Centre*, Dubai. Pada awalnya, ekspo ini dijadualkan berlangsung pada Oktober 2020 sehingga Mac 2021. Walau bagaimanapun, disebabkan Pandemik COVID-19 yang melanda dunia, pihak penganjur telah bersetuju untuk menangguhkan tarikh penganjurannya ke 1 Oktober 2021 sehingga 31 Mac 2022 dan mengekalkan nama Ekspo 2020 Dubai walaupun penganjuran dilaksanakan pada tahun 2021-2022.

Tema Ekspo 2020 Dubai ialah *Connecting Minds, Creating the Future* (Menghubungkan Fikiran, Mewujudkan Masa Depan), menggambarkan potensi yang dapat dicapai melalui kerjasama dan perkongsian antara semua negara peserta.

Tema ini telah dibahagikan kepada tiga (3) subtema iaitu *Opportunity, Mobility and Sustainability* (Peluang, Mobiliti dan Kemampanan).

Dalam penganjuran pada kali ini, sebanyak 192 buah negara telah memuktamadkan penyertaannya. Malaysia telah bersetuju bagi menyertai Ekspo 2020 Dubai ini kerana Dubai merupakan rakan dagang (*Trade Partner*) Malaysia yang terbesar di Rantau Timur Tengah. (*Source: MITI: UAE is the biggest trade partner in the Middle East*). Selain itu, penyertaan Malaysia pada kali ini dijangka membuka lebih banyak peluang kerjasama strategik dengan negara-negara Rantau Timur Tengah khususnya dan negara-negara lain amnya.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) merupakan Kementerian Khas Kebangsaaan yang menasihatkan semua bentuk dagangan dan kluster sepanjang ekspo ini berlangsung.

Sementara itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merupakan Kementerian Peneraju bagi Ekspo 2020 Dubai manakala *Malaysia Green Technology & Climate Change Center* (MGTC) merupakan agensi peneraju bagi penyertaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai. KPT telah dilantik untuk menjadi Kementerian Peneraju bagi Minggu Pendidikan yang berlangsung pada 12 hingga 18 Disember 2021 manakala *Education Malaysia Global Services* (EMGS) dilantik sebagai agensi pelaksana.

Keseluruhannya, Minggu Pendidikan Ekspo 2020 Dubai disertai oleh sebanyak 34 agensi/jabatan yang melibatkan lapan (8) jabatan, agensi kerajaan di bawah KPT dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 11 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), tujuh (7) Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta lapan (8) buah syarikat yang terdiri daripada syarikat-syarikat francais pendidikan.

Ini melibatkan seramai 109 delegasi telah terlibat secara langsung dalam menjayakan program sepanjang Minggu Pendidikan ini yang terdiri daripada wakil-wakil daripada

jabatan, agensi, IPTA, IPTS dan syarikat swasta. Ketua Delegasi bagi Minggu Pendidikan ini ialah YBhg. Dato' Prof. Dr. Husaini bin Omar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT).

Tema bagi Minggu Pendidikan ialah *Education for Sustainable Development* (ESD) yang turut meliputi bidang pendidikan tinggi, pendidikan asas dan pendidikan awal kanak-kanak. Pengisian program sepanjang Minggu Pendidikan Ekspo 2020 Dubai dibahagikan kepada empat (4) kluster utama, iaitu wacana, kolaborasi, pameran dan lawatan. Di bawah kluster wacana, terdapat satu (1) Program *Rewired* (berkonsepkan forum), 36 buah *pocket talks* dan satu (1) persidangan antarabangsa.



Program *Rewired*, bertajuk *Seminar on Future Digital Education* yang diadakan pada 13 Disember 2021 telah mengupas landskap pendidikan tinggi di peringkat lokal dan global dan adaptasi terhadap perkembangan teknologi terutama Resolusi Perindustrian Ke-4.

Sementara itu, di bawah kluster kolaborasi pula terdapat 18 buah pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan *Education Agent Workshop*. Selain itu juga, terdapat lima (5) pelancaran produk dan 20 paparan panel digital di bawah kluster pameran.

Bagi kluster lawatan, antara pengisian utama ialah lawatan ke pavilion-pavilion negara luar dan lawatan dari negara luar ke pavilion Malaysia oleh pihak-pihak berkepentingan.

Sejumlah 36 *pocket talks* telah disampaikan oleh wakil-wakil jabatan, agensi, universiti-universiti awam dan swasta sepanjang Minggu Pendidikan ini berlangsung.

Sebanyak 18 Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai. Pemeteraian MoU ini ialah hasil perbincangan strategik agensi/universiti/syarikat. Agensi, universiti-universiti dan syarikat yang terlibat dengan pemeteraian ini ialah UKM, UiTM, UTM, USM, UM, UPSI, UPM, Taylor's University, CIC dan Anak2U Sdn Bhd. Jumlah pelaburan keseluruhan daripada pemeteraian MoU ini adalah sebanyak RM44.3 juta.

Program *Business Matching* yang telah diadakan sepanjang Minggu Pendidikan berlangsung yang melibatkan perjumpaan dengan pihak-pihak berkepentingan dalam sektor pendidikan di UAE.

YBhg. KPPT telah mengetuai delegasi KPT dan *Asian International Mobility for Students* (AIMS) Malaysia bagi sesi lawatan akademik bersempena dengan Minggu Pendidikan Ekspo 2020 Dubai.

BAHAGIAN **KHIDMAT PENGURUSAN**

Latar Belakang

a) Mengurus hal ehwal pentadbiran termasuk logistik bagi penggunaan guna sama;

b) Merancang dan menguruskan hal ehwal keselamatan dan penyelenggaraan bangunan;

c) Merancang, menyelaras dan melaksana majlis utama kementerian dan khidmat nasihat protokol;

d) Merancang, menyelaras dan mengurus pengurusan rekod di Kementerian dan agensi; dan

e) Membangunkan koleksi sumber maklumat dalam bidang pendidikan, pendidikan tinggi dan bidang berkaitan melalui pengurusan maklumat yang sistematik dan berkesan.

Visi dan Misi

VISI

Menjadi pemudah cara dan menyediakan khidmat pengurusan yang berkualiti dalam menyokong sistem penyampaian perkhidmatan KPT.

MISI

Peneraju khidmat pengurusan yang cekap dan teratur ke arah penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada Kementerian.

Objektif

1. Mengurus hal ehwal pentadbiran, keselamatan dan penyelenggaraan bangunan dengan cekap dan berkesan;
2. Mengurus bajet, perolehan dan kewangan sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) kepada pejabat YB Menteri Pengajian Tinggi, Pejabat YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Pejabat Ketua Setiausaha, Pejabat Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha serta Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) sendiri;
3. Merancang, mengurus dan melaksanakan majlis utama Kementerian dengan teratur dan sempurna serta berkualiti mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan lain-lain pekeliling yang berkuat kuasa;
4. Memberikan khidmat nasihat dan bantuan yang berkualiti dalam urusan protokol bagi memastikan perjalanan majlis berjalan lancar dan teratur;
5. Merancang, menyelaras dan mengurus sistem pengurusan rekod secara sistematik dan sempurna di kementerian dan agensi;
6. Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan bagi menyokong organisasi KPT dalam aktiviti perancangan, penyelidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat; dan
7. Bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan maklumat dan rujukan serta membangun dan memulihara koleksi perpustakaan.

Fungsi Bahagian

A Seksyen Pentadbiran dan Kewangan

1. Unit Pentadbiran

1.1 Mengurus dan memantau pentadbiran, kontrak, dan utiliti di Bangunan 5G2, Kementerian Pengajian Tinggi;

1.2 Menyelaras dan melaksanakan mesyuarat-mesyuarat Bahagian;

1.3 Merekod dan mengemas kini urusan kenaikan pangkat/ pemangkuan pegawai Bahagian;

1.4 Memantau pelaksanaan dan pencapaian KPI HRMIS Bahagian;

1.5 Menyelaras dan merekod prestasi kehadiran kursus Bahagian;

1.6 Menyelaras pengurusan pelaksanaan bekalan sewaan kontrak dan bekalan pakaian seragam dan kasut bagi Pemandu Kenderaan dan juga Pembantu Operasi di peringkat Kementerian;

1.7 Mengurus dan menyelaras urusan sebut harga/perolehan PTJ (Urus Setia Jawatankuasa Sebut Harga);

1.8 Mengurus dan menyelaras urusan pengambilan Personel MySTEP Bahagian;

1.9 Membantu Unit Kewangan dalam urusan penyediaan Bajet Tahunan untuk Pusat Tanggungjawab (PTJ) Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP);

1.10 Membantu dalam urusan pelaksanaan dan pemantauan penggunaan Sistem ePerolehan (eP) dan sistem-sitem lain berkaitan perolehan dan bayaran Kerajaan bersama pihak vendor Sistem eP, iaitu Syarikat Commerce Dot Com (CDC);

1.11 Mengurus dan menyelaras permohonan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) dan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal (TMWA) bagi pegawai di Bahagian ini berdasarkan peraturan dan pekeliling yang masih berkuat kuasa dan juga berdasarkan kelayakan pegawai;

1.12 Membantu memantau Sasaran Kerja Utama (SKU) Bahagian;

1.13 Memastikan KPI Bahagian dicapai sebagaimana sasaran/ ketetapan.

2. Unit Kewangan

2.1 Menguruskan penyediaan Bajet Tahunan untuk Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) termasuk Pejabat Pengurusan Tertinggi (Pejabat YB Menteri, Pejabat Timbalan YB Menteri, Pejabat Ketua Setiausaha (KSU), Pejabat Timbalan-Timbalan KSU (TKSU);

2.2 Menyelia bajet, pengurusan kewangan dan kawalan kewangan sebagai PTJ kepada Pejabat YB Menteri, Pejabat Timbalan YB Menteri, Pejabat Ketua Setiausaha (KSU), Pejabat Timbalan-Timbalan KSU (TKSU) termasuk Bahagian Khidmat Pengurusan;

2.3 Menguruskan kerja-kerja pengagihan peruntukan, peruntukan tambahan atau pindah peruntukan;

2.4 Membuat pemantauan terhadap prestasi perbelanjaan;

2.5 Menyemak dan memperakukan baucar bayaran bagi tuntutan perjalanan, tuntutan elaun lebih masa dan bil-bil utiliti dan perkhidmatan;

2.6 Menyemak semua rekod kewangan seperti buku vot;

2.7 Mengeluarkan dan memproses pesanan tempatan kerajaan yang berkaitan dengan perolehan bekalan, perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) dan kerja;

2.8 Menguruskan dan memperakukan pengeluarkan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) dan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal (TMWA);

2.9 Menguruskan pelaksanaan dan pemantauan penggunaan Sistem ePerolehan (eP) dan sistem-sistem lain berkaitan perolehan dan bayaran Kerajaan;

2.10 Menguruskan penerimaan dan bayaran, termasuk pengeluaran invois atau bil;

2.11 Menguruskan tuntutan faedah lain yang dimohon oleh kakitangan Bahagian seperti menguruskan permohonan pembiayaan pinjaman komputer, telefon bimbit dan kenderaan;

2.12 Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) untuk PTJ BKP;

2.13 Memberikan khidmat nasihat dan juga ulasan kewangan bagi setiap perolehan yang dimohon oleh pejabat-pejabat di bawah PTJ BKP.

3. Unit Logistik dan Keselamatan

   3.1 Mengurus dan menyelaras urusan penyelenggaraan dan ruang pejabat Bangunan 5G2, KPT;

   3.2 Mengurus dan memantau sewaan ruang pejabat;

   3.3 Mengurus dan menyelaras urusan keselamatan Bangunan 5G2, KPT;

   3.4 Memantau dan mengurus pelaksanaan sistem keselamatan di KPT;

   3.5 Mengurus dan memantau pentadbiran infrastruktur, penyelenggaraan, utiliti dan fasiliti di bangunan pejabat;

   3.6 Mengurus dan memantau sistem pengurusan cekap tenaga;

   3.7 Mengurus dan memantau sistem keselamatan di Bangunan Pejabat & Keselamatan Diri Kesihatan Pekerjaan di bawah Akta 514;

   3.8 Mengurus dan menyelaras urusan berkaitan Kenderaan Rasmi Jawatan dan Kenderaan Jabatan (KPT) serta lain-lain urusan berkaitan penyelarasan pemandu;

   3.9 Mengurus dan menyelaras urusan berkaitan kemudahan peralatan di Bangunan 5G2;

   3.10 Mengurus dan menyelaras urusan berkaitan tempat letak kereta di Bangunan 5G2;

   3.11 Menyelaras dan memantau kontrak perjanjian sewaan ruang di Bangunan 5G2, KPT.

B Seksyen Pengurusan Majlis dan Protokol

1. Merancang dan mengurus empat (4) majlis/ program utama di peringkat kementerian:
   i. Majlis Amanat YBM
   ii. Majlis Ukhuwah Ramadan Bersama YBM Peringkat Kementerian
   iii. Majlis Ramah Mesra YBM Peringkat Kementerian
   iv. Majlis Sambutan hari Kebangsaan.
2. Merancang dan merangka pengisian program bagi majlis-majlis utama Kementerian;
3. Menyelaras urusan penyediaan keperluan majlis-majlis utama tahunan Kementerian;
4. Mengurus dan menyelaras penyertaan warga KPT ke majlis/ acara rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi luar;
5. Menganggotai Mesyuarat Jawatankuasa luaran di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi luar;
6. Memberikan khidmat nasihat mengenai pengurusan majlis dan protokol mengikut S.O.P kepada Jabatan/Bahagian/ Agensi di bawah Kementerian;

7. Mentadbir urus Jawatankuasa Sambutan dan Protokol bagi sebarang majlis utama di peringkat Kementerian sekiranya diperlukan;
8. Membantu dalam urusan perlantikan Pegawai Pengiring dan Pegawai Penyambut;
9. Merancang dan melaksana kursus/latihan berkaitan etiket dan protokol dalam pengurusan majlis rasmi Kerajaan;
10. Penyelaras Majlis Bersama Jabatan (MBJ) peringkat Kementerian dan dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga kali setahun.

C Seksyen Rekod dan Registri

1. Unit Rekod dan Arkib

   1.1 Menguruskan rekod di KPT, jabatan/agensi, universiti awam, Politeknik dan Kolej Komuniti yang meliputi peringkat pewujudan, penggunaan, pemeliharaan dan pelupusan rekod;

   1.2 Menyediakan/membangunkan dasar/peraturan/prosedur/panduan mengenai pengurusan rekod yang meliputi pewujudan, penggunaan, pemeliharaan, penyimpanan dan pelupusan rekod KPT, jabatan/agensi, universiti awam, Politeknik dan Kolej Komuniti;

   1.3 Memantau dan memastikan pelaksanaan sistem pengurusan rekod elektronik (DDMS 2.0) di KPT;

   1.4 Membuat penilaian bagi rekod KPT, jabatan/agensi, universiti awam, Politeknik dan Kolej Komuniti berdasarkan nilai-nilai primari dan sekunder untuk tujuan simpanan, pelupusan atau pemindahan ke Arkib Negara Malaysia;

   1.5 Merancang, menguruskan dan mengadakan lawatan inspektorat di KPT, jabatan/agensi, universiti awam, Politeknik dan Kolej Komuniti bagi memastikan pematuhan kepada prosedur dan piawaian pengurusan rekod.

2. Unit Registri

   2.1 Pengurusan pewujudan, penerimaan, pendaftaran, penghantaran dan pengedaran surat-menyurat serta dokumen KPT;

   2.2 Pengurusan pembukaan fail-fail terbuka urusan am (*housekeeping*) dan fungsian mengikut sistem pengkelasan/klasifikasi yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia;

2.3 Pengurusan dokumen/fail terperingkat agar menepati Arahan Keselamatan, Akta Rahsia Rasmi dan peraturan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia;

2.4 Mengemas kini sistem pengkelasan/klasifikasi fail KPT dan memantau pengemaskinian sistem pengkelasan/klasifikasi fail jabatan/agensi, universiti awam, Politeknik dan Kolej Komuniti;

2.5 Menyelaras dan menguruskan pelantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) KPT, jabatan/agensi, universiti awam, Politeknik dan Kolej Komuniti termasuk pengurusan latihan/kursus pengurusan rekod bagi PRJ dan PTRJ;

2.6 Merancang dan menguruskan penubuhan dan penyenggaraan Bilik Fail (bagi fail-fail aktif).

D Seksyen Pusat Sumber

1. Mengurus perolehan koleksi Pusat Sumber bagi memastikan pembangunan koleksi Pusat Sumber berkembang sejajar dengan keperluan semasa dan memenuhi kehendak pengguna serta Kementerian;
2. Mengurus dan melaksanakan pendokumentasian bahan bacaan yang merangkumi proses pengelasan, penkatalogan dan pelabelan bahan bacaan mengikut standard piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia;
3. Menyediakan perkhidmatan sirkulasi yang terbaik dan dapat memenuhi keperluan maklumat pengguna yang merangkumi perkhidmatan pendaftaran keahlian, pinjaman dan pemulangan bahan;
4. Merancang dan melaksanakan program/aktiviti promosi pembudayaan ilmu sepanjang hayat.

Program dan Aktiviti Utama

A Seksyen Pentadbiran dan Kewangan

Kerja-Kerja Disinfeksi Bangunan 5G2, Kementerian Pengajian Tinggi Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan pada tahun 2021 diadakan dengan kerjasama syarikat penyelenggaraan fasiliti bangunan, pejabat kesihatan daerah dan Bomba (HAZMAT) telah menjalankan kerja-kerja disinfeksi di ruang guna sama dan bahagian-bahagian terlibat.

Selain itu, BKP juga bertanggungjawab untuk menyelaras laporan pegawai yang telah dijangkiti COVID-19 (diarahkan menjalani kuarantin di fasiliti kesihatan, kuarantin kendiri atau *Home Surveillance Order* [HSO] melalui aplikasi MySejahtera) untuk tujuan pelaporan kepada bilik gerakan KPT dan menyediakan keperluan berserta peralatan pencegahan COVID-19 seperti cecair pembasmi kuman, alat pengesan suhu badan dan wajah serta keperluan-keperluan lain SOP pengoperasian pejabat dalam tempoh PKP dikuat kuasa.



28 Mei 2021

21 Jun 2021

26 Julai 2021

11 November2021

19 November 2021

1. Penggantian *Wire Rope* Mesin Angkut di Lobi utama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
2. Kerja-Kerja Disinfeksi Bangunan 5G2, Kementerian Pengajian Tinggi Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Yang Berkuat kuasa Pada 18 Mac 2020.

   Selaras dengan arahan perintah kawalan pergerakan (PKP) bagi pandemik COVID-19, KPT melalui BKP dengan kerjasama syarikat penyelenggaraan fasiliti bangunan, pejabat kesihatan daerah dan Bomba telah menjalankan kerja-kerja disinfeksi di ruang guna sama dan bahagian-bahagian terlibat. Selain itu, BKP juga bertanggungjawab untuk menyelaras laporan pegawai yang telah dijangkiti COVID-19 untuk tujuan pelaporan kepada bilik gerakan KPT dan menyediakan keperluan berserta peralatan pencegahan COVID-19 seperti cecair pembasmi kuman, alat pengesan suhu badan dan wajah serta keperluan SOP pengoperasian pejabat dalam tempoh PKP.
3. Garis Panduan Kunjungan Rasmi Pihak Luar Ke Atas Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

   Kunjungan rasmi ialah urusan rasmi kementerian atau kerajaan di Bangunan 5G2, KPT. KPT sentiasa menerima kunjungan rasmi dari pelbagai pihak antaranya ialah Menteri Kabinet, Delegasi Luar, Menteri Besar, Ketua Menteri, Exco, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha dan Ketua Agensi.

   Oleh yang demikian, BKP telah mengambil inisiatif dengan menyediakan garis panduan sebagai tatacara pengendalian untuk menerima kunjungan rasmi pihak luar ke atas Anggota Pentadbiran dan Pengurusan Tertinggi Kementerian Pengajian Tinggi.

B Seksyen Pusat Sumber

a) Perkhidmatan

Pada tahun 2021, pengunjung Pusat Sumber adalah seramai 874 orang. Keahlian baharu yang direkodkan adalah seramai 39 orang dengan peningkatan jumlah kumulatif ahli seramai 1,986 orang. Bagi pinjaman pula, seramai 160 orang warga KPT telah meminjam sebanyak 666 bahan bacaan.

b) Pendokumentasian

Sebanyak 246 naskhah buku telah diperoleh oleh Pusat Sumber sepanjang tahun melalui pembelian dan hadiah menjadikan koleksi kumulatif berjumlah 11,935 judul. Sebanyak 1,114 judul tesis yang diterima telah didokumentasikan menjadikan koleksi kumulatif berjumlah 16,165 judul tesis.

c) Pendigitalan

Aktiviti pendigitalan dikhususkan hanya kepada buku dan tesis sahaja. Komponen yang didigitalkan merangkumi muka tajuk, isi kandungan dan abstrak. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 700 judul bahan tesis (5290 muka surat) telah didigitalkan, manakala 197 judul bahan buku (685 muka surat) telah didigitalkan.

d) Pembudayaan Amalan Membaca Melalui Program Utama 2021 :

i. Anugerah Peminjam Aktif

Program bulanan yang mengiktiraf warga KPT yang aktif meminjam bahan bacaan. Peminjam yang paling aktif akan dinobatkan Peminjam Aktif 2021.

ii. Program *Libary2U*

Perkhidmatan *Library2U* mendekatkan warga KPT kepada peminjaman buku secara meja ke meja. Program ini bertujuan untuk mempromosikan koleksi terkini bahan bacaan dan perkhidmatan Pusat Sumber kepada warga KPT. Sebanyak dua siri *Library2U* berjaya dilaksanakan. Siri 1 telah diadakan pada 23 Mac 2021 (melibatkan Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Kewangan dan Bahagian Akaun), manakala Siri 2 diadakan pada 17 November 2021 (melibatkan Bahagian Biasiswa, Unit Komunikasi Korporat dan Unit Undang-Undang).

Puan Hartina binti Che Hassan @ Hassan dinobatkan Peminjam Aktif 2021.

Program *Library2U* di bahagian-bahagian di KPT.

Jom Baca Bersama 2021@KPT.

iii. Program Jom Baca Bersama 2021 @KPT

Pusat Sumber telah menganjurkan Jom Baca Bersama 2021 @KPT bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia pada 21 April 2021 bertempat di Pusat Sumber, Aras 1, KPT. Sesi Sembang Buku Bersama Penulis Rohaniah Noor yang mengulas buku beliau '*Backpack India 4 Idiots*' turut diadakan bersempena program ini.

iv. Semarak Iqra' 2021 @KPT

Pusat Sumber telah menganjurkan program Semarak Iqra' 2021 @ KPT pada 6 Mei 2021 bertempat di Surau 'Ibadurrahman, KPT.

v. Program Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia

i. Kuiz Jejak Merdeka
ii. Pameran Buku Pilihan
iii. Pameran Jejak Merdeka
iv. Pertandingan Aspirasi Merdeka
v. Trivia Merdeka
vi. Bacaan Yasin Kemerdekaan



Sekitar Program Semarak Iqra' @KPT.

Walaupun negara berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), permintaan terhadap penggunaan kenderaan agak tinggi bagi pergerakan di dalam wilayah / daerah yang sama berdasarkan aktiviti yang dibenarkan selaras dengan SOP ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

LAPORAN EPEROLEHAN
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
BAGI JANUARI HINGGA DISEMBER 2021



BKP, KPT telah memperoleh taraf sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 01 April 2021 dan bertanggungjawab dalam urusan menyelia bajet, pengurusan kewangan dan kawalan kewangan kepada :

i) Pejabat YB Menteri;

ii) Pejabat Timbalan YB Menteri;

iii) Pejabat Ketua Setiausaha (KSU);

iv) Pejabat Timbalan-Timbalan KSU (TKSU); dan

v) Bahagian Khidmat Pengurusan.

LAPORAN AKTIVITI PUSAT
SUMBER, KPT TAHUN 2021



C Seksyen Pengurusan Majlis dan Protokol

MAJLIS AMANAT YB MENTERI KPT 2021

Majlis Amanat YB Menteri Pengajian Tinggi Tahun 2021 merupakan majlis utama kementerian yang diselaraskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) KPT. Majlis Amanat merupakan wahana bagi menzahirkan iltizam kepimpinan tertinggi serta menjadi aspirasi kepada warga KPT secara keseluruhan bagi tahun 2021. Amanat YB Menteri KPT mampu dijadikan panduan dalam tadbir urus organisasi yang efisien serta efektif sekali gus mampu melonjakkan sektor pendidikan tinggi ke persada kegemilangan.

Ucapan Perasmian dan Amanat oleh YB Menteri Pengajian Tinggi.

Pandemik COVID-19 telah meninggalkan catatan yang penuh berliku dan mencabar khususnya bagi tahun 2020 namun berkat keazaman yang tinggi dan komitmen yang dizahirkan warga KPT, banyak pencapaian dapat dilaksanakan dalam lapan (8) subtema, iaitu:

1. #KPTPRIHATIN: Menyantuni Kebajikan, Memelihara Kesejahteraan
2. Meraikan Kepakaran, Mencipta Potensi
3. Mengiktiraf Kecemerlangan, Mempersada Institusi
4. Mencipta Sinergi, Memperluas Jaringan
5. Mendakap Aspirasi, Memperkasa Tadbir Urus
6. Merafak Sembah, Menjunjung Kasih
7. Merakyat Perkhidmatan, Melakar Muafakat
8. *Charity Begins At Home*: Membudaya Kekitaan, Memperkukuh Keharmonian

Tayangan video yang mempamerkan pelbagai aktiviti merangkumi lapan (8) subtema dan pencapaian Kementerian, Jabatan dan Agensi serta IPT sepanjang tahun 2020 turut ditayangkan secara *live streaming* selain amanat YB Menteri Pengajian Tinggi.

YB Menteri bersama Kepimpinan Tertinggi Kementerian.

Majlis telah dilaksanakan secara virtual dengan kehadiran secara fizikal yang mengambil kira pelaksanaan norma baharu seperti mana yang telah diumumkan oleh Kerajaan dan mengikut SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Majlis boleh ditonton oleh warga kementerian termasuk IPT (kakitangan dan pelajar Malaysia) di dalam dan luar negara secara *live streaming* melalui laman sesawang rasmi kementerian dan juga Youtube.

Majlis amanat ini menjadi platform untuk YB Menteri menyampaikan hasrat serta hala tuju kementerian di samping menjadi ruang interaksi dengan warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah kementerian.

Live Streaming majlis untuk warga KPT di dalam dan luar negara.

Penyampaian sumbangan oleh YB Menteri kepada warga KPT.

YB Menteri mengambil peluang beramah mesra bersama warga KPT.

MAJLIS UKHUWAH RAMADAN BERSAMA YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI TAHUN 2021

Majlis Ukhuwah Ramadhan merupakan salah satu majlis utama tahunan Kementerian yang dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) KPT. Majlis ini menyediakan peluang dan ruang bagi memupuk semangat kekeluargaan dalam kalangan warga KPT di samping menghayati kelebihan berkat fadhilat bulan Ramadan serta warga KPT dapat beramah mesra bersama-sama YB Menteri, Timbalan Menteri dan Pengurusan Tertinggi dalam sesi iftar sehingga solat tarawih secara berjemaah.

Majlis turut meliputi pengisian penyampaian sumbangan Ramadan yang diberikan kepada warga KPT merangkumi Pembantu Operasi dan Pemandu. Majlis dijalankan dengan kehadiran secara fizikal sepenuhnya mengambil kira pelaksanaan norma baharu seperti mana yang diumumkan oleh Kerajaan dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Majlis diadakan di pekarangan lobi KPT dengan bilangan jemputan secara fizikal dihadkan kepada 500 orang berdasarkan kapasiti ruang lobi dan mengambil kira SOP MKN.

PROGRAM DAN AKTIVITI SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA TAHUN 2021

Saban tahun, tanggal 31 Ogos membawa kita untuk kembali mengingatkan akan detik bersejarah Malaysia mencapai kemerdekaan setelah hampir 426 tahun dijajah oleh kuasa besar Eropah termasuk Jepun. Pada tahun 2021, Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-64.

Sekitar lobi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semasa sambutan Bulan Kemerdekaan 2021.

Poster pengisian aktiviti sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Logo dan tema Malaysia Prihatin sekali lagi dikekalkan untuk Hari Kebangsaan 2021 dengan sambutan rasmi juga dalam norma baharu seperti tahun 2020 yang lalu. Logo berbentuk hati dengan corak bendera Jalur Gemilang itu melambangkan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat berbilang kaum tabah dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19 yang turut merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan rakyat Malaysia.

Hari Kebangsaan secara lazimnya merupakan peristiwa utama dan disambut secara besar-besaran dengan mengadakan perarakan warna warni, nyanyian, pertunjukan pentas, pertandingan dan pelbagai lagi aktiviti yang diadakan di serata Malaysia setiap tahun.

KPT melalui BKP tidak terkecuali dalam melaksanakan pelbagai pengisian dan aktiviti bagi menyemarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan walaupun dalam keadaan norma baharu. Sambutan ini bukan sahaja mengimbau kembali rentetan perjalanan sejarah kemerdekaan malah turut tertumpu kepada generasi masa kini supaya lebih menghayati kepentingan hidup penuh harmoni serta bersatu padu, mempunyai jati diri dan semangat patriotisme yang tinggi.

Justeru, KPT telah mengadakan beberapa pengisian dan aktiviti sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia KPT Tahun 2021 yang telah dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPT Bil. 15/2021 pada 7 Julai 2021.

Antara aktiviti yang telah diadakan bagi sambutan pada tahun ini ialah Pertandingan Aspirasi Merdeka, Kuiz Jejak Merdeka, Pameran Jejak Merdeka, Trivia Kemerdekaan, Pameran Buku Pilihan dan Bacaan Yasin Kemerdekaan.

Selain itu, program ini juga turut mendapat kerjasama yang baik daripada pihak Universiti Awam yang telah bersama-sama berganding bahu untuk menceriakan suasana di ruang Lobi Kementerian.

Pameran daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pameran ini melambangkan Lembayung TERAS UKM terdiri daripada 5 nilai utama, iaitu Bakat (Talent), Etika (Ethics) Memperkasa (Revitalise), Tangkas (Agile) dan Jiwa (Soul) sebagai prinsip gerak kerja dan hala tuju untuk menjadi universiti yang terkehadapan dalam membangunkan masyarakat yang berilmu, bersatu padu, beretika dan harmoni.

Pameran daripada Universiti Malaya (UM). Pameran ini menzahirkan reka bentuk yang dinamakan "PAYUNG DIRGAHAYU MALAYSIAKU".

Pameran daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pameran UIAM menonjolkan hasil ciptaan yang membantu petugas barisan hadapan serta senario yang berkaitan dengan pandemik COVID-19.

Sebanyak lima (5) Universiti Awam di sekitar Lembah Klang, iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia telah membuat pameran dan reruai yang kreatif bersesuaian dengan tema kemerdekaan pada tahun ini.

Tidak ketinggalan juga program dan aktiviti yang dianjurkan di peringkat Universiti Awam seperti Pertandingan Gubahan Lagu Patriotik KPT 2021, Pertandingan Video Deklamasi Puisi Patriotik KPT 2021 dan Pertandingan Fotografi Rias Wajah Merdeka KPT 2021. Selain daripada itu, Kementerian turut mengadakan program berbentuk kerohanian iaitu Bacaan Yasin Kemerdekaan bertujuan untuk memohon kesejahteraan dan keselamatan Negara yang masih bergelut dengan penularan wabak COVID-19. Sasaran penglibatan program ini adalah terbuka kepada semua warga KPT, Jabatan, Agensi di bawah Kementerian dan Institusi Pengajian Tinggi.

Di samping itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menyarankan supaya kesemua 26 buah kementerian di sekitar WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur dilibatkan dalam Program Keceriaan antara Kementerian, seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat *Task Force* Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021 Bilangan 2 Tahun 2021

Pameran daripada Universiti Putra Malaysia (UPM). Pameran UPM mengambil inisiatif menzahirkan rasa cinta terhadap pemimpin yang bergelar Bapa Kemerdekaan, iaitu Tunku Abdul Rahman sebagai simbol keamanan dan perpaduan Malaysia.

Replika Bangunan Parlimen Malaysia.

Replika Bangunan Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri KSU KKMM. Program ini memberikan fokus utama kepada suasana keceriaan sambutan ulang tahun kemerdekaan serta kreativiti pengibaran Jalur Gemilang di premis Kementerian masing-masing. Program ini juga berkonsepkan penarafan bintang kepada 26 buah kementerian terlibat. Sehubungan dengan itu, KPT menyambut baik program ini dan semua pengisian dalaman yang dianjurkan di bawah KPT secara tidak langsung menjadi daya tarikan bagi menyemarakkan lagi program tersebut sehingga berjaya dinobatkan penarafan 5 Bintang oleh KKMM.

Oleh yang demikian, besarlah harapan Kementerian sekiranya warga KPT dapat mengekalkan semangat kemerdekaan yang tinggi dalam sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia ini pada tahun akan datang dan semangat kemerdekaan ini juga hendaklah disemarakkan dalam kehidupan masyarakat bukan sahaja dalam usaha kita menamatkan terus wabak pandemik COVID-19, tetapi juga untuk memulihkan semula ekonomi dan kehidupan rakyat ke arah yang lebih baik.

BAHAGIAN **BIASISWA**

Latar Belakang

Rakyat yang memiliki minda kelas pertama merupakan salah satu aset penting dalam menjamin kelestarian sesebuah negara. Oleh yang demikian, dalam usaha memacu Malaysia ke arah negara maju berprestasi tinggi, agenda pendidikan sentiasa diberikan perhatian oleh Kerajaan.

Komitmen ini telah dizahirkan dalam pelbagai dokumen serta inisiatif strategik sama ada berbentuk jangka masa pendek, sederhana mahupun jangka masa panjang. Melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pada tahun 2009 umpamanya, agenda meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan telah dibangunkan yang menyasarkan generasi muda agar negara dapat melahirkan generasi berilmu, kreatif, berinovasi serta mempunyai ciri-ciri nilai murni yang mampu berdaya saing di persada antarabangsa.

Fungsi Bahagian

1. Program penajaan yang diuruskan oleh Bahagian Biasiswa, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyasarkan pemberian biasiswa dan bantuan kewangan kepada pegawai dalam perkhidmatan, orang awam dan golongan sasar. Pegawai dalam perkhidmatan merangkumi tenaga-tenaga pengajar di Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti. Orang awam pula merujuk kepada pelajar/pemohon yang berkelayakan di bawah program penajaan yang ditawarkan manakala golongan sasar terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU) dan kelompok B40.

   Penajaan dan bantuan kewangan yang diberikan meliputi pengajian di peringkat persediaan, sijil, diploma, ijazah pertama hingga ke peringkat pasca siswazah.

2. Program-program penajaan yang diuruskan di Bahagian Biasiswa adalah seperti Jadual 1 berikut:

Bil.	Program	Biasiswa	Peringkat Pengajian
1.	Dalam Perkhidmatan	i. Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) ii. Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) iii. Sub Kepakaran iv. Pasca Kedoktoran	Sarjana Perubatan/ Kedoktoran Sub Kepakaran Pasca-Kedoktoran
		v. Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Staf Bukan Akademik IPTA	Sarjana /Kedoktoran
		vi Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Pegawai Skim Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT): • Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) • Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) • Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) • Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)	Sarjana /Kedoktoran
2.	Pra Perkhidmatan	i. MyBrainSc	Ijazah Pertama/Sarjana/ Kedoktoran
		ii. YBM Atlet Cemerlang IPT	Diploma/Ijazah Pertama/Sarjana
		iii. YBM Tokoh Siswa	Sarjana
		iv. YBM Pelajar Cemerlang Politeknik	Ijazah Pertama
3.	Antarabangsa	i. Malaysia International Scholarship (MIS) ii. MIS - Islamic Development Bank (IsDB)	Sarjana/ Kedoktoran Ijazah Pertama/ Sarjana/ Kedoktoran
4.	Bantuan Kewangan	i. Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK)	Sijil
		ii. Bantuan Kewangan Asasi IPTA	Asasi
		iii. Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU)	Sijil/Diploma/Ijazah Pertama/ Sarjana/ Kedoktoran
		iv. Program Pendidikan Khas (PPK)	Sijil

3. Selain daripada pemberian penajaan yang merangkumi program biasiswa dan bantuan kewangan, Bahagian Biasiswa juga melaksanakan tugas penguatkuasaan perjanjian dan pemantauan terhadap pelajar tajaan.

Visi, Misi dan Objektif

VISI

Menjadi sebuah organisasi yang dinamik dalam melaksanakan program penajaan pendidikan tinggi yang berkualiti.

MISI

Bahagian Biasiswa berperanan untuk menyediakan peluang melanjutkan pengajian kepada tenaga pengajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan golongan sasaran untuk menghasilkan graduan dan kumpulan penyelidik yang berkualiti sesuai dengan keperluan negara dan perkembangan intelektual semasa.

OBJEKTIF

(a) Memastikan pelaksanaan program penajaan memenuhi keperluan tenaga pengajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan golongan sasaran.

(b) Memastikan pengurusan kewangan penajaan dilaksanakan dengan cekap dan telus

(c) Memastikan penguatkuasaan perjanjian dan kutipan bayaran balik ganti rugi/pinjaman pelajaran ke atas pemegang kontrak yang memungkiri perjanjian diuruskan dengan efisien.

Prestasi Perbelanjaan Program Penajaan 2021

Pada tahun 2021, Bahagian Biasiswa dapat melaksanakan kesemua aktiviti / fokus strategik bahagian dengan jayanya. Sebanyak RM114 juta telah dibelanjakan untuk semua program penajaan. Perbelanjaan tersebut sejajar dengan aspirasi Kementerian untuk meningkatkan kapasiti serta kemampuan penyelidikan dan inovasi. Seramai 30,019 pelajar yang merangkumi 12,468 pelajar sedia ada dan 17,551 pelajar baharu telah mendapat tajaan biasiswa atau bantuan kewangan. Perbelanjaan tersebut disalurkan kepada pelajar dalam bentuk yuran pengajian, wang sara hidup dan elaun buku. Prestasi perbelanjaan Bahagian Biasiswa dan prestasi penajaan pelajar baharu bagi tempoh tiga (3) tahun ke belakang masing-masing seperti Rajah 1 dan Rajah 2.



Rajah 1 : Prestasi Perbelanjaan Bahagian Biasiswa Tahun 2021.



Rajah 2: Prestasi penajaan pelajar baharu bagi tahun 2019 hingga 2021.

Selain pemberian biasiswa dan bantuan kewangan, Bahagian ini juga ditugaskan untuk menguatkuasakan tuntutan kontrak daripada pelajar-pelajar yang melanggar perjanjian biasiswa. Sejumlah RM2.07 juta telah berjaya dikutip semula pada tahun 2021. Bagi kutipan Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP), Bahagian ini telah berjaya membuat kutipan berjumlah RM14.05 juta. Kedua-dua kutipan ini dianggap realistik terutama pada masa krisis COVID-19.

Sorotan Aktiviti Tahun 2021

Bahagian Biasiswa sentiasa menitikberatkan penekanan kepada fokus strategik Bahagian, kolaborasi strategik dengan pemberi biasiswa yang lain, meningkatkan tadbir urus dalam pelaksanaan program biasiswa serta libat urus dengan pihak berkepentingan. Perkara ini saling berkait antara satu sama lain dan amat penting dalam memastikan matlamat/fokus Bahagian dicapai.

Kolaborasi Strategik

Sumbangan sebanyak 500 unit komputer riba kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam kategori B40. Sumbangan ini telah diedarkan secara berperingkat oleh YB Menteri Pengajian Tinggi mulai Julai 2021 hingga November 2021. Sumbangan ini diberikan kepada pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di 20 universiti awam.

Kerjasama antara KPT dan pemberi biasiswa daripada sektor swasta semakin meningkat. Perkara ini memerlukan penglibatan serta kolaborasi yang lebih intensif antara kedua-dua pihak. Dalam hal ini, KPT telah bekerjasama dengan Yayasan Tenaga Nasional dalam pemberian biasiswa untuk pengajian pra universiti, sarjana atau pascasiswazah dalam bidang kejuruteraan, IT dan program pengurusan perniagaan di peringkat yayasan, diploma, sarjana dan pascasiswazah.

Sebanyak 2,500 pelajar baharu B40 (kumpulan Bawah 40) di seluruh negara terpilih untuk menerima program Biasiswa '*MyBrighter Future*' Yayasan Tenaga Nasional (YTN) 2020.

Selain itu, Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) juga telah menunjukkan kesediaan untuk memberikan sumber pembiayaan bagi pelajar yang memasuki IPT.

Dalam mendukung aspirasi meningkatkan akses ke pendidikan tinggi, KPT terus mempergiatkan usaha dan bekerjasama dengan YTAR dengan menyumbang sebanyak 500 unit komputer riba kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam kategori B40. Sumbangan ini telah diedarkan secara berperingkat mulai Julai 2021 melibatkan pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di 20 universiti awam. Bagi melengkapi inisiatif ini, sumbangan ini juga turut meliputi elaun langganan data bulanan sebanyak RM50.00 sehingga akhir tahun 2021.

KPT telah berjaya menjalinkan kolaborasi strategik dengan Yayasan Hasanah pada tahun 2021. Ini merupakan salah satu inisiatif KPT bagi tujuan penajaan pengajian tinggi serta program pembangunan kendiri pelajar tajaan melalui Program *Fellowship* tenaga pengajar IPTA. KPT akan terus memperkukuh dan memperluas kolaborasi dengan sektor swasta bukan hanya dalam menyediakan sumber kewangan tetapi juga dalam bidang kepakaran bersama, penempatan graduan di pasaran pekerjaan, pertukaran data serta penyelidikan dan inovasi.

Tadbir Urus

Prinsip dan amalan tadbir urus yang terbaik dalam sesebuah Institusi adalah penting bagi mempertingkat dan memperkukuh keupayaannya ke arah mencapai fokus utama/misi dan visi bahagian. Tadbir urus mewujudkan rantaian tanggungjawab, kewibawaan dan komunikasi untuk menyokong matlamat dan strategi KPT secara keseluruhan. Ia juga menetapkan kaedah pelaksanaan, dasar, amalan tadbir urus terbaik dan mekanisme kawalan untuk membolehkan seseorang individu menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan berkesan.

Bahagian ini bekerjasama dengan pihak pengurusan dan pihak berkepentingan untuk membentuk visi, menetapkan objektif, menambah baik program dan mewujudkan inisiatif untuk menghasilkan program yang memberikan impak positif terhadap prestasi dan pencapaian bahagian.

Untuk memastikan pelaksanaan program biasiswa berjalan lancar, Bahagian ini telah mengambil langkah-langkah untuk mengkaji dan menambah baik garis panduan dan secara langsung dapat meningkatkan kualiti penerima biasiswa. Beberapa strategi telah dirangka bagi menerapkan amalan terbaik daripada pemberi biasiswa lain untuk menghasilkan garis panduan atau proses kerja yang lebih dinamik dan telus seperti Rajah 3.

Pelaksanaan Program Bantuan Kewangan OKU secara dalam talian bagi memastikan bantuan dapat disalurkan kepada penerima manfaat dengan cepat dan efisien

Mempergiatkan usaha dalam kutipan balik Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP) melalui pelaksaan kempen #JomBincang, *Telle collector* dan pelantikan ejen kutipan hutang (*debt collector*).

Pemantapan garis panduan dan perjanjian penajaan bagi memastikan ia selaras dengan tatacara semasa yang berkuatkuasa.

Memperhebat publisiti mengenai penawaran biasiswa & bantuan kewangan melalui hebahan menerusi saluran media sosial KPT, penglibatan dengan Jabatan/Agensi dalaman KPT.

Rajah 3: Strategi yang dirangka bagi memantapkan tadbir urus di Bahagian Biasiswa.

SISTEM PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN ORANG KURANG UPAYA (BKOKU) & PROGRAM PENDIDIKAN KHAS (PPK)

Permohonan secara DALAM TALIAN dibuka bermula 22 Februari 2021.

Pembayaran hanya melalui akaun BANK ISLAM (M) sahaja.

BANK ISLAM

Perhatian;
Bermula tahun 2021, permohonan Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) dan Program Pendidikan Khas (PPK) Kementerian Pengajian Tinggi akan dilaksanakan secara dalam talian melalui laman sesawang https://biasiswa.mohe.gov.my/biasiswa/.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian hotline Bahagian Biasiswa (Program Penajaan dan Bantuan Kewangan) di 03-88881616.

#KPTPrihatin

Pelaksanaan Program Bantuan Kewangan OKU secara dalam talian bagi memastikan bantuan dapat disalurkan kepada penerima manfaat dengan cepat dan efisien.

Mempromosi dan memberikan informasi berkenaan MIS kepada pelajar dari Indonesia.

Sesi *FB Live* bagi mempromosi dan memberikan informasi berkenaan Bantuan Kewangan yang ditawarkan KPT.

Mesyuarat dan sesi perbincangan bagi pemantapan garis panduan dan perjanjian penajaan.

Perbincangan bagi mempergiat kutipan balik TPP.

Bahagian ini juga komited untuk menambah baik proses pengurusan pembayaran pinjaman. Antara langkah utama yang dirancang untuk mencapai objektif ini termasuk meningkatkan tahap kesedaran melalui kempen, melantik agensi pemungut hutang untuk mengesan dan mengumpul peminjam yang ingkar dan memberikan insentif bagi menarik minat peminjam bagi menyelesaikan hutang mereka.

BAHAGIAN **PENGURUSAN MAKLUMAT**

Latar Belakang

a. Pengenalan

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) berperanan sebagai peneraju strategik dalam pelaksanaan program-program ICT Kementerian dan Jabatan/ Agensinya. Seksyen di BPM ialah:

- Seksyen Pengurusan Dasar, Pembudayaan dan Latihan ICT
  - Unit Pembudayaan & Latihan ICT
  - Unit Dasar ICT
- Seksyen Pengurusan Aplikasi
  - Unit Aplikasi Pengurusan & Aplikasi Biasiswa dan Pinjaman
  - Unit Aplikasi Kemasukan Pelajar & Aplikasi Pendidikan Tinggi
- Seksyen Teknikal dan Keselamatan
  - Unit Rangkaian & Keselamatan ICT
  - Unit Khidmat Teknikal & Naziran
  - Unit Pusat Data
  - Unit Keselamatan ICT
- Unit Pentadbiran

b. Perkhidmatan

Berikut merupakan perkhidmatan utama di BPM:

- Pengurusan Pelan Perancangan Strategik ICT Kementerian
- Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian
- Pengurusan Mesyuarat Ketua Pegawai Maklumat/ *Chief Information Officer* (CIO) di antara Kementerian & Agensi
- Pemantauan projek-projek kelulusan teknikal ICT diperingkat Kementerian
- Latihan/Bengkel/Kursus/Seminar ICT
- Pembangunan & penyelenggaraan sistem aplikasi teras dan aplikasi sokongan
- Pengurusan portal
- Pengurusan pembangunan integrasi dalaman dan antara agensi
- Perkhidmatan rangkaian *Wide Area Network* (WAN) dan *Local Area Network* (LAN) KPT

- Pengurusan Pusat Data KPT dan operasi pusat pemulihan bencana KPT di PDSA Cyberjaya
- Perkhidmatan Keselamatan ICT dan Pengoperasian Pusat Data.
- Perkhidmatan perolehan ICT secara berpusat
- Perkhidmatan meja bantuan dan khidmat sokongan teknikal ICT di pejabat KPT
- Pengurusan insiden keselamatan ICT, pematuhan dan garis panduan



Misi, Visi dan Objektif

MISI

Merancang, membangun, menyelenggara dan memantau perkhidmatan ICT yang berkualiti bagi menyokong dan mempertingkatkan perkhidmatan organisasi untuk memenuhi aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi.

VISI

Untuk merangkaikan sepenuhnya dan memberikan perkhidmatan ICT yang berkualiti antara Kementerian dan agensi-agensinya ke arah merealisasikan hala tuju Kementerian Pengajian Tinggi.

OBJEKTIF

Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran Kementerian Pengajian Tinggi serta agensi di bawahnya melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Fungsi

Seksyen Pengurusan Dasar, Pembudayaan dan Latihan ICT

1. Merancang, menyelaras dan melaksanakan Pelan Strategik Pendigitalan KPT dan Agensi di bawahnya.
2. Meneliti, menyelaras, dan melaksanakan kertas/dasar/pekeliling/garis panduan berkaitan ICT di KPT.
3. Merancang, merangka, mengesyorkan, menyelaras dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan JK Pemandu ICT KPT.
4. Merancang, menyelaras dan melaksanakan Mesyuarat Ketua Pegawai Maklumat/*Chief Information Officer* (CIO) Kementerian & Agensi.
5. Merancang, menyelaras dan melaksanakan Mesyuarat Penyelarasan ICT dan Program ICT di peringkat UA, Politeknik dan Kolej Komuniti.
6. Merancang, merangka, meneliti, menyelaras dan menyediakan keperluan bajet tahunan peringkat BPM KPT.
7. Merancang, menyelaras dan melaksanakan inisiatif ICT, program kesedaran dan pembudayaan ICT merentas KPT dan Agensi di bawahnya.
8. Menyelaras dan melaksanakan program perkongsian pintar di peringkat KPT dan Agensi di bawahnya.
9. Merancang, merangka, menyelaras dan melaksanakan latihan, program kesedaran dan pembudayaan ICT.

Seksyen Pengurusan Teknikal dan Keselamatan

1. Merancang, menyedia, mengurus dan memantau perkhidmatan rangkaian *Wide Area Network* (WAN) KPT.
2. Merancang, menyedia, mengurus dan memantau perkhidmatan rangkaian *Local Area Network (*LAN) bagi KPT.
3. Merancang, menyedia, mengurus dan memantau peralatan dan keselamatan rangkaian KPT.
4. Merancang, menyedia, mengurus, memantau dan menyelaras khidmat teknikal dan operasi rangkaian KPT.
5. Merancang, mengurus dan melaksanakan pengurusan hosting aplikasi Pusat Data Utama KPT.
6. Merancang, mengawal dan menyelaras operasi pusat pemulihan bencana KPT di PDSA Cyberjaya.
7. Mengurus kerja-kerja pengoperasian serta penyelenggaraan perkakasan Mekanikal dan Elektrikal Pusat Data.
8. Merancang, menyedia, mengurus, melaksana dan memantau perolehan peralatan ICT dan perisian yang dilaksanakan secara kontrak berpusat untuk kegunaan pejabat KPT, Agensi/Jabatan di bawah KPT, Politeknik dan Kolej Komuniti.
9. Mengawal selia perolehan, pelupusan dan laporan berkaitan aset ICT peringkat KPT.
10. Menyediakan dan melaksanakan perkhidmatan meja bantuan dan khidmat sokongan teknikal ICT di pejabat KPT.
11. Merancang, menyedia, mengurus, memantau dan menyelaras khidmat sokongan teknikal ICT di KPT.
12. Merancang dan melaksana program naziran ICT di pejabat KPT, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Seksyen Pengurusan Aplikasi

1. Merancang, mengurus dan melaksana pembangunan sistem aplikasi di KPT
   - Aplikasi pengurusan biasiswa , pinjaman dan bantuan kewangan
   - Aplikasi Pendidikan Tinggi bagi JPT
   - Aplikasi pengurusan (generik) di KPT
2. Merancang, mengurus dan melaksanakan pemprosesan data bagi
   - Kemasukan Pelajar ke IPT
   - Aplikasi pengurusan biasiswa , pinjaman dan bantuan kewangan
   - Aplikasi Pendidikan Tinggi bagi JPT
3. Merancang dan melaksana aktiviti penyenggaraan dan penambahbahbaikan sistem aplikasi di KPT.
4. Memberikan khidmat nasihat bagi pembangunan aplikasi baru, naik taraf, perluasan dan penyelenggaraan sistem sedia ada.
5. Merancang, melaksana dan menyenggara perkhidmatan portal KPT.
6. Merancang, menyenggara dan melaksana perkhidmatan gudang data KPT.
7. Merancang, menyelaras dan melaksana aplikasi sektor awam secara berpusat peringkat KPT.

Unit Pentadbiran

1. Mentadbir dan mengurus tuntutan TNT, elaun kerja lebih masa.
2. Mengurus keperluan pengurusan mesyuarat.
3. Mengurus rekod, fail dan surat-menyurat.
4. Mengurus aset dan stor pejabat.
5. Mengurus dan menyelaras waran perjalanan udara.
6. Mengurus rekod cuti, HRMIS, kehadiran biometrik dan keluar pejabat.
7. Mengurus penempatan pegawai.

Program dan Aktiviti Utama

Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Pengajian Tinggi (PSP KPT) 2021 – 2025

5 Mac 2021 – 9 Mac 2022 (Sabtu - Rabu)

Pembangunan PSP KPT untuk tempoh 2021-2025 dilaksanakan secara dalaman dengan Khidmat Rundingan Strategik Pendigitalan daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Skop pembangunan pelan ini mengambil kira keperluan penggunaan dan implementasi pendigitalan berdasarkan perkhidmatan di bawah tanggungjawab KPT, JPT, JPPKK dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT).

Penilaian dan pembangunan merangkumi aplikasi dan data, infrastuktur ICT, keupayaan dan tadbir urus ICT.

PSP KPT 2021-2025 merupakan dokumen rujukan yang menggariskan hala tuju pendigitalan KPT secara komprehensif selama lima (5) tahun. Terdapat empat (4) teras strategi dengan 39 program sebagai panduan bagi pembangunan dan pelaksanaan projek ICT KPT secara lebih tersusun dan efektif.

Objektif

1. Menetapkan hala tuju pendigitalan yang jelas bagi tempoh lima (5) tahun dalam membantu menjayakan visi dan misi KPT.
2. Merancang keperluan bisnes terhadap ICT yang melibatkan pengguna, rangkaian dan keselamatan, peralatan ICT, aplikasi dan data, pengurusan maklumat serta pembudayaan digital.
3. Mengaplikasikan dan memanfaatkan program pendigitalan yang dibangunkan secara intensif serta menyeluruh.
4. Menjadi sumber rujukan utama dalam pelaksanaan program pendigitalan di KPT.

Outcome

1. Pelaksanaan pendigitalan KPT lebih sistematik bagi menjamin sistem penyampaian yang efisien dan efektif.
2. Peningkatan penyampaian perkhidmatan KPT melalui pendigitalan.

Mesyuarat Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

BIL. 1/ 2021
31 Mei 2021 (Isnin)

Microsoft Teams Online Meeting

- Mesyuarat telah dihadiri oleh semua CIO dan wakil ICT dari 20 Universiti Awam, JPPKK, PTPTN & MQA.
- Dua (2) kertas yang dibentangkan dalam mesyuarat tersebut ialah:
  a. Menaik Taraf *Malaysian Research and Education Network* (MYREN).
  b. *E-Scroll Using Blockchain for Malaysia's Institute of Higher Learning.*

Objektif

1. Menyalurkan maklumat-maklumat penting dan terkini berkaitan ICT di Kementerian dan agensi/UA dari segi dasar serta implementasi projek ICT.
2. Memaklumkan mengenai perancangan dan perkembangan ICT di Kementerian serta pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan berkaitan ICT yang perlu dipatuhi.

BIL. 2/ 2021
07 Okt 2021 (Khamis)

Microsoft Teams Online Meeting

- Mesyuarat telah dihadiri oleh semua CIO dan wakil ICT dari 20 Universiti Awam, JPPKK, PTPTN & MQA.
- Dua (2) kertas yang dibentangkan dalam mesyuarat tersebut ialah:
  a. Pembangunan Polisi Pengintegrasian Data Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi
  b. Perkhidmatan Dalam Talian *End-To-End* (E2E) Kementerian Pengajian Tinggi

Outcome

Kerjasama antara UA/agensi dan pihak Kementerian akan berterusan demi memastikan kelangsungan pendidikan tinggi yang berkualiti dan memenuhi aspirasi negara dan rakyat.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Kementerian Pengajian Tinggi (JTI, KPT)

Bil. 1: 11 Jan 2021
Bil. 2: 9 Feb 2021
Bil. 3: 19 Feb 2021
Bil. 4: 22 Apr 2021
Bil. 5: 22 Jun 2021
Bil. 6: 28 Ogos 2021

Bahagian Pengurusan Maklumat, Aras 6, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Objektif

1. Menyelaras pelaksanaan program/projek-projek ICT Kementerian/Jabatan/Agensi dan Universiti Awam di bawah KPT supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT Kementerian.
2. Menilai dan memperakukan semua permohonan perolehan ICT di Kementerian/Jabatan/Agensi dan Universiti Awam di bawah KPT berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan.

Outcome

74 kertas permohonan telah diterima dan 64 permohonan disokong diangkat untuk kelulusan JPICT KPT.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pengajian Tinggi (JPICT, KPT)

Bil. 1: 18 Jan 2021
Bil. 2: 16 Mac 2021
Bil. 3: 20 Mei 2021
Bil. 4: 13 Jul 2021
Bil. 5: 10 Sep 2021

Bahagian Pengurusan Maklumat, Aras 6, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Objektif

1. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan program/projek ICT Kementerian.
2. Mengesahkan cadangan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan hala tuju atau strategi ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya.
3. Merancang, menyelaras dan menyeragamkan pembangunan dan pelaksanaan program/projek ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya supaya selaras dengan pelan strategik organisasi, pelan strategik ICT organisasi, Pelan Strategik ICT Sektor Awam atau pelan yang setara.
4. Menilai dan meluluskan semua cadangan perolehan ICT Kementerian dan agensi di bawahnya termasuk kaedah *Public Private Partnership* (PPP) berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan.

Outcome

64 kertas permohonan telah diluluskan oleh JPICT KPT.

Latihan Membangunkan Aplikasi Menggunakan *Framewok Laravel* (*Intermediate*)

13 – 15 April, 19-22 & 26 April 2020

Secara dalam talian

Latihan ini telah dihadiri seramai 10 orang peserta dari Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pengajian Tinggi.

Objektif

1. Memberikan pengetahuan kepada peserta berkenaan *framework Laravel*.
2. Memberikan latihan praktikal membangunkan aplikasi dengan Laravel.
3. Membangunkan aplikasi sehingga ke peringkat *deployment*.

Outcome

1. Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) membangunkan aplikasi dengan lebih sistematik.
2. Peningkatan pengetahuan dari aspek pengawalan versi setiap tugasan bagi memudahkan setiap pasukan melihat perkembangan projek yang sedang dibangunkan.

Coaching Pengujian Prestasi Sistem

20 – 22 September 2021 (Isnin - Rabu)

Secara dalam talian *(Microsoft Team)*

Latihan ini telah dihadiri seramai 10 orang peserta dari Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pengajian Tinggi

Objektif

1. Membangunkan pelan pengujian prestasi; dan
2. Latihan secara *on-job training* terhadap aplikasi yang telah dibangunkan.
3. Penggunaan Jmeter yang digunalan dalam pengujian prestasi sistem

Outcome

1. Peningkatan pengetahuan berkenaan cara-cara untuk menjalankan pengujian prestasi sistem.
2. Peserta lebih bersedia untuk menjalankan pengujian prestasi sistem.
3. Pengujian yang telah dijalankan akan menjadi rujukan kepada pembangunan aplikasi yang seterusnya.

Latihan Membangunkan Laman Web Menggunakan Joomla! (*Advanced*)

13 - 15 Oktober 2021 (Rabu - Jumaat

Secara dalam talian *(Microsoft Team)*

Latihan ini telah dihadiri seramai 10 orang peserta dari Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pengajian Tinggi.

Objektif

1. Meningkatkan kemahiran dalam membangunkan laman web menggunakan *Content Management System* (CMS) Joomla!.
2. Memberikan latihan praktikal bagi membangunkan lawan web menggunakan Joomla!.
3. Memberikan latihan praktikal mengenai penambahan fungsi baharu yang terdapat dalam Joomla!.

Outcome

1. Meningkatkan perngetahuan dari aspek fungsi – fungsi baharu yang terdapat dalam Joomla!, pembangunan templat dan pengurusan antara muka laman web.
2. Meningkatkan pengetahuan terhadap kebolehupayaan laman web untuk membuat sambungan kepada Facebook dan Youtube.
3. Pemahaman berkenaan pelaksanaan pengintegrasian laman web.
4. Amalan kerja terbaik dalam memastikan
   a. Kebolehcapaian laman web kepada pengguna termasuklah pengurusan pelayar, peranti yang digunakan, enjin carian dan *active link*.
   b. Kebolehgunaan laman web untuk menjalankan fungsi carian;
   c. Laman web berada di dalam keadaan yang selamat;
   d. Kualiti maklumat yang dipaparkan;
   e. Laman web yang stabil lancar.

Latihan Pembangunan *Mobile Apps* (Android)

14 - 15 September 2021 (Selasa - Rabu)

Secara dalam talian (Microsoft Team)

Latihan ini telah dihadiri seramai 10 orang peserta dari Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pengajian Tinggi.

Objektif

Membangunkan aplikasi telefon pintar.

Outcome

1. Peserta memahami konsep dan keperluan pembangunan mobile apps;
2. Peserta dapat mengetahui langkah-langkah untuk memulakan pengatucaraan, mereka bentuk skrin, menu dan navigasi di setiap skrin; dan
3. Peserta berupaya untuk menjalankan fungsi CRUD (*Create, Read, Update dan Delete*) yang merupakan fungsi terpenting dalam membangunkan aplikasi mudah alih.

Latihan Pengurusan Mesyuarat Secara Dalam Talian Siri 1&2

10 Jun 2021 (Khamis)

Secara dalam talian *(Microsoft Team)*

Latihan ini telah dihadiri seramai 210 orang peserta dari setiap bahagian dan agensi di KPT secara dalam talian berikutan PKP dan pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi kakitangan sektor awam khususnya di KPT.

Objektif

1. Tatacara pengurusan mesyuarat dalam talian bagi peranan urus setia persidangan.
2. Fungsi-fungsi aplikasi *Microsoft Teams* dan *Icewarp.*
3. Perbincangan dan kerja berkumpulan secara dalam talian.

Outcome

1. Peningkatan pemahaman kepada peserta dalam menguruskan mesyuarat secara dalam talian sama ada melalui *Microsoft Team* mahupun *Icewarp.*
2. Peningkatan pengetahuan berkenaan etika mesyuarat dalam talian, jenis -jenis jemputan, pendaftaran peserta dan menguruskan penjadualan mesyuarat.

Pemprosesan Kemasukan Pelajar Utama dan Rayuan bagi Lepasan SPM dan STPM/ Setaraf

Januari - November 2021

Bahagian Pengurusan Maklumat, Aras 6, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Objektif

1. Memproses permohonan kemasukan pelajar (warganegara) ke IPTA dan ILKA bagi pelajar lepasan SPM mengikuti program peringkat sijil, asasi dan diploma bagi sesi akademik 2021/2022.
2. Memproses permohonan kemasukan pelajar (warganegara, penduduk tetap dan permaustatin tetap) ke IPTA bagi pelajar lepasan STPM/Setaraf mengikuti program peringkat ijazah pertama sesi akademik 2021/2022.

Outcome

Melancarkan proses perkhidmatan pengurusan pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA.

Penyenggaraan Portal KPT, Sistem Biasiswa, Sistem Generik dan Sistem Pendidikan Tinggi

Januari – Disember 2021

Bahagian Pengurusan Maklumat, Aras 6, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Objektif

Menyediakan perkhidmatan penyenggaraan bagi menyokong pengoperasian 32 sistem sedia ada di KPT.

Outcome

Kualiti perkhidmatan penyampaian yang cekap.

Pembangunan Sistem IPTPelajar Fly2Campus

Ogos – September 2021

Bahagian Pengurusan Maklumat, Aras 6, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Objektif

Membangun aplikasi bagi tujuan merekodkan permohonan dan maklumat kepulangan pelajar kembali ke kampus melalui perkhidmatan penerbangan bagi mengikuti pengajian secara fizikal dalam tempoh peralihan pandemik COVID-19.

Outcome

Inisiatif dan usaha Kementerian untuk menyediakan sistem dapat membantu meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan Kerajaan khususnya berkaitan kebajikan pelajar di IPT.

Sesi Latihan Pentadbir Microsoft M365

Sesi 1 (5 Oktober 2021)
Sesi 2 (9 November 2021)
Sesi 3 (10 November 2021)
Sesi 4 (11 November 2021)
Sesi 5 (18 November 2021

Secara Dalam Talian

Pelaksanaan program latihan pentadbir perisian Microsoft M365 kepada semua Pentadbir M365 di KPT, JPT, JPPKK, AKEPT, MQA, Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh Malaysia yang melibatkan 165 orang peserta melalui lima (5) sesi berasingan secara dalam talian.

Objektif

1. Memberikan pendedahan kepada pentadbir M365 mengenai tatacara penggunaan serta pengurusan portal Microsoft M365 serta penerangan pakej M365 A3 yang dilanggan oleh KPT dibawah program *Enrollment for Education Solutions* (EES) bagi tempoh kontrak selama tiga (3) tahun;
2. Peserta diterangkan setiap fungsi dan ciri yang terdapat dalam pakej M365 yang dilanggan serta memastikan peserta dapat menguruskan lesen dengan cekap dan efektif;
3. Penerangan mengenai *Student Benefit Entitlement* iaitu faedah yang boleh diguna pakai oleh semua pengguna termasuk kakitangan akademik mahu pun pelajar atas langganan lesen ini di bawah program EES ini.

Outcome

1. Peningkatan pemahaman peserta mengenai pakej Microsoft M365 yang telah dilanggan oleh KPT;
2. Peningkatan pengetahuan peserta mengenai pengurusan serta pentadbiran akaun dan fungsi Microsoft M365;
3. Peningkatan pemahaman peserta mengenai akauntabiliti mereka dalam pengurusan Microsoft M365 di agensi/institusi masing-masing;
4. Pengurangan kesilapan peserta sepanjang menguruskan perisian Microsoft M365.

Bengkel *Technology Update* Tahun 2021 di bawah Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan Rangkaian Malaysian *Research and Education Network* (MYREN) Kementerian Pengajian Tinggi

2 - 4 April 2021 (Jumaat - Ahad

Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya

Objektif

1. Memberikan pendedahan kepada peserta tentang pengetahuan teknologi terkini yang tersedia dalam pasaran semasa.
2. Memberikan peluang kepada peserta dan pihak prinsipal berkongsi maklumat terkini yang boleh diguna pakai dan dilaksanakan bagi memantapkan lagi pengurusan ICT di kementerian.
3. Membantu peserta menyediakan input untuk melaksanakan program pembudayaan dan latihan pengurusan ICT dengan lebih teratur bersesuaian dengan keperluan teknologi semasa.

Outcome

Peserta mempelajari teknologi terkini yang tersedia dalam pasaran semasa berkaitan dalam konsep dan reka bentuk rangkaian tanpa wayar, selain meneroka trend dan perkembangan baharu dalam industri.

Sesi Latihan Teknikal Siri 1 "*Comptia Network+*" di bawah Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan Rangkaian *Malaysian Research and Education Network* (MYREN) Kementerian Pengajian Tinggi

22 - 24 Oktober 2021 (Jumaat - Ahad)
Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur

Objektif

1. Memberikan pendedahan teknik asas pemasangan, konfigurasi dan penyelesaian masalah berkaitan pengurusan rangkaian.
2. Memberikan pendedahan tatacara pengoperasian dan pemantauan urusan pentadbiran sistem rangkaian yang lebih baik dan berkesan di samping memantapkan kemahiran teknikal pentadbir rangkaian di Universiti Awam (*POP Holder*), Kementerian dan Agensi.

Outcome

Peserta mempelajari teknik dan konfigurasi dalam mengurus dan mentadbir rangkaian dengan lebih berkesan.

Sesi Latihan Teknikal "*MYREN Network Monitoring Tools*" di bawah Perkhidmatan Talian Teras *Malaysian Research And Education Network* (MYREN), Talian Internet dan Talian Akses untuk Universiti

29 - 31 Oktober 2021
(Jumaat - Ahad)

Hotel Mandarin Oriental KLCC, Kuala Lumpur

Objektif

1. Memberikan pendedahan kepada pentadbir IT Universiti Awam kaedah terbaik dalam melaksanakan pemantauan rangkaian MYREN dengan berkesan.
2. Memberikan pendedahan kepada pentadbir IT secara *hands-on process troubleshooting* rangkaian dan peralatan rangkaian di Universiti Awam.
3. Membantu pentadbir IT memastikan perkhidmatan rangkaian MYREN dapat digunakan secara optimum.

Outcome

Peserta mempelajari teknik dan kaedah pemantauan yang boleh dipraktikkan dalam mengurus dan memantau rangkaian MYREN dengan lebih berkesan.

Bengkel *Technology Update* Siri I di bawah Kontrak Perkhidmatan Sokongan, Penyelenggaraan Peralatan dan Perisian Rangkaian Tanpa Wayar (*Wireless*) dan *Firewall* Secara Komprehensif di KPT

22 Disember 2021 (Rabu)

Hotel The Everly, Putrajaya

Objektif

Memberikan pendedahan kepada peserta berkenaan pengetahuan teknologi terkini yang tersedia di pasaran semasa berkaitan peralatan telesidang dan perisian tanpa wayar.

Outcome

Peserta mengetahui teknologi dan alatan terkini khususnya yang melibatkan peralatan telesidang, perisian rangkaian tanpa wayar dan *firewall*.

Sesi Latihan Teknikal Siri 2 *"Network Traffic Analysis and Security"* di bawah Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan Rangkaian *Malaysian Research and Education Network* (MYREN) Kementerian Pengajian Tinggi

19 - 21 November 2021 (Jumaat - Ahad)

Hotel Majestic, Kuala Lumpur

Objektif

1. Memberikan peserta pengetahuan yang lebih terperinci kaedah pelaksanaan dan pemantauan keselamatan rangkaian dengan berkesan.
2. Memberikan pendedahan konsep perlindungan ke atas semua bentuk maklumat elektronik dengan berteraskan prinsip-prinsip keselamatan, iaitu kerahsian, integriti dan kebolehsediaan.
3. Memberikan pendedahan teknik analisa yang boleh dipraktikkan dalam keselamatan rangkaian.

Outcome

Peserta mempelajari teknik dan kaedah analisis yang boleh dipraktikkan dalam mengurus dan memantau rangkaian dengan lebih efisien, selamat dan berkesan.

UNIT UNDANG-UNDANG

Latar Belakang

Unit Undang-Undang bagi tahun 2021 terdiri daripada empat (4) orang pegawai dan tiga (3) kakitangan sokongan seperti yang berikut :

Penasihat Undang-Undang Gred L54	1
Peguam Kanan Persekutuan Gred L48	1
Peguam Persekutuan Gred L44	2
Setiausaha Pejabat Gred N29	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) N19	1
Personal (MySTEP)	1

Unit ini diletakkan di bawah Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi.

VISI

Organisasi Perundangan Awam yang Elit dan Bertaraf Dunia

OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi, cekap, adil dan saksama berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkaitan

MISI

Mendukung Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang berkaitan bagi melindungi kepentingan negara melalui perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi, cekap, adil dan saksama serta menjalankan kuasa-kuasa Peguam Negara sebagai Pendakwaraya

PIAGAM PELANGGAN

1. Memberikan nasihat perundangan dan maklum balas berhubung isu undang-undang dalam tempoh 14 hari bekerja jika tidak melibatkan perbincangan lanjut, isu perundangan yang rumit serta tertakluk kepada penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap.
2. Membuat semakan draf perjanjian/ Memorandum Persefahaman/ instrumen perundangan dalam tempoh 14 hari bekerja jika tidak melibatkan perbincangan lanjut, isu perundangan yang rumit serta tertakluk kepada penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap.
3. Meneliti, mengkaji dan meminitkan arahan Kertas Siasatan bagi tujuan pendakwaan.
4. Menggubal dan menyemak perundangan utama, perundangan subsidiari dan perundangan pindaan dalam Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris.
5. Mengendalikan kes tuntutan sivil bagi Kementerian dan membantu Jabatan Peguam Negara dalam mendapatkan dokumen dan maklumat berkenaan dengan kes tuntutan sivil/semakan kehakiman/timbang tara/adjudikasi.
6. Menyediakan ulasan dan pandangan undang-undang yang pertama bagi Memorandum Jemaah Menteri untuk pertimbangan Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara Dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja bagi Memorandum Jemaah Menteri yang lengkap yang diedarkan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh ulasan Jabatan Peguam Negara perlu diberikan.
7. Menjalankan kajian undang-undang berhubung isu perundangan yang dirujuk dalam tempoh 3 bulan jika tidak memerlukan perbincangan lanjut dan tidak melibatkan isu yang rumit dan komplek tertakluk kepada penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap.
8. Menghadiri mesyuarat/perbincangan dan memastikan nasihat perundangan yang diberikan adalah teratur dan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang lain berkaitan, kes-kes mahkamah dan dasar-dasar Kerajaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
9. Melaksanakan tugas-tugas lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Penasihat Undang-Undang dan Jabatan Peguam Negara.

UNIT AUDIT DALAM

Latar Belakang

Unit Audit Dalam, Kementerian Pengajian Tinggi, (UAD KPT) telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2004 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan sembilan (9) Tahun 2004. UAD KPT merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi. Audit dalaman yang efektif dapat mendedahkan kawalan dalaman yang tidak berkesan atau yang tidak wujud. Maklumat yang diperoleh oleh Juruaudit Dalam berserta dengan penilaian dan perakuannya boleh membantu pihak pengurusan untuk membuat keputusan mengenai pencegahan "*fraud*", ketirisan hasil, pembaziran dan penyalahgunaan kuasa (sekiranya berlaku).

Bidang tugas Unit Audit Dalam sebagai *Third Line Of Defense* meliputi semua Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi merangkumi:

- Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT);
- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK);
- Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT); serta
- Agensi di bawah kawal selia Kementerian Pengajian Tinggi.

VISI

Menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam.

MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan yang seimbang kepada Ketua Setiausaha Kementerian ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan awam.

OBJEKTIF

Membantu Kementerian mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Fungsi

BIDANG KUASA DAN TUGAS UNIT AUDIT DALAM

a. Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi;
b. Mengkaji tahap pematuhan kepada dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
c. Mengkaji aktiviti organisasi supaya diuruskan secara berhemah, cekap dan berkesan;
d. Mengkaji aset dan kepentingan organisasi supaya dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
e. Memberikan nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT);
f. Melaporkan hasil pengauditan kepada Ketua Setiausaha Kementerian dan memantau tindakan susulan yang diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan;
g. Menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan; dan
h. Membentangkan Rancangan Tahunan dan Pemerhatian Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit Kementerian.

Program dan Aktiviti Utama

UAD KPT telah melaksanakan program dan aktiviti utama selaras dengan bidang kuasa UAD berdasarkan objektif pengauditan seperti berikut:

Objektif Pengauditan

a. Membantu pihak pengurusan mencapai objektif penubuhannya melalui pemantauan pelaksanaan akauntabiliti pengurusan kewangan di Kementerian dan agensi di bawahnya;

b. Menentukan operasi kewangan Kementerian dan agensi di bawahnya dapat diurus selaras dengan polisi dan prosedur yang ditetapkan oleh Agensi Pusat dan Pihak Berkuasa Kewangan;

c. Mengkaji, menilai kesempurnaan, kemampuan, keberkesanan dan keekonomian penggunaan sumber berhubung dengan pelaksanaan pengurusan kewangan;

d. Melaporkan penemuan pengauditan kepada Ketua Setiausaha dan Ketua Audit Negara melalui Laporan Audit /Pemerhatian Audit; dan

e. Mengesyorkan tindakan pembetulan bagi memperbaiki kelemahan dan ketidakpatuhan peraturan kewangan, tidak menepati objektif, perancangan, piawaian dan peraturan yang ditetapkan.

Jenis Program dan Aktiviti Pengauditan

Sepanjang tahun 2021, UAD KPT telah melaksanakan program pengauditan yang merangkumi Pengauditan Prestasi, Pengauditan Pematuhan, Pengauditan Pengurusan Kewangan, Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK), Pemeriksaan Mengejut dan verifikasi baki awal aset dan liabiliti yang diringkaskan seperti berikut:

a. Pengauditan Prestasi adalah penilaian terhadap penggunaan sumber modal insan, perolehan Kerajaan dan pelaksanaan program aktiviti melalui kaedah penilaian 3E (*Economy, Efficiency, Effectiveness*).

b. Pengauditan Pematuhan adalah untuk menilai sama ada Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dilaksanakan dan peraturan yang berkaitan telah dipatuhi sepenuhnya dalam mengamalkan tadbir urus awam yang baik.

c. Pengauditan Pengurusan Kewangan adalah untuk menentukan sama ada wujudnya struktur; sistem pengurusan kewangan dan kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan hasil, perbelanjaan, perolehan, kumpulan wang/akaun amanah dan deposit, aset/stor serta kenderaan. Pengurusan kewangan juga dibuat mengikut undang-undang, peraturan dan prosedur yang ditetapkan; dan rekod-rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

d. Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK) ialah kaedah alternatif untuk menilai sendiri prestasi pengurusan kewangan di semua PTJ dalam tempoh masa yang sama, menggunakan kaedah *Google Form,* iaitu secara *online*. Kriteria semakan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara meliputi lapan (8) elemen kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Akaun Amanah dan Deposit, Kawalan Aset dan Stor serta Kawalan Kenderaan Kerajaan. Taklimat Pelaksanaan PKPK telah diadakan pada 2 hingga 3 September 2021, tempoh penilaian bermula Ogos 2020 hingga Julai 2021 dan tempoh pelaksanaan penilaian kendiri adalah sehingga 15 September 2021.

e. Pemeriksaan Mengejut dijalankan terhadap salah satu atau beberapa elemen kawalan pengurusan kewangan di Pejabat Auditi yang dipilih.

f. Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti dilaksanakan selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Verifikasi dibuat berdasarkan data daripada Bahagian Akaun Kementerian meliputi Aset Alih (AA), Aset Tidak Alih (ATA), Akaun Belum Bayar (ABB), Akaun Belum Terima (ABT) dan Aset Dalam Pembinaan (AUC).

2.3. Pencapaian Program dan Aktiviti Pengauditan

Secara keseluruhannya, pengauditan bagi tahun 2021 telah dilaksanakan selaras perancangan Audit yang telah diluluskan. Namun, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19 turut menjejaskan pelaksanaan pengauditan bagi tahun 2021. Pencapaian hasil kerja pengauditan bagi tahun 2021 adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1 Pencapaian Hasil Kerja Pengauditan bagi tahun 2021.

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	BILANGAN AUDITI
SEKSYEN AUDIT PRESTASI		
a. Pengauditan Prestasi		
1.	Pengurusan Biasiswa YB Menteri Pendidikan Atlet Cemerlang IPT	6
2.	Pengurusan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2.0: Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur dan Fasiliti Politeknik	4
3.	Pengurusan Sistem Pengurusan Kemasukan Pelajar	1
4.	Pengurusan Geran Mengurus Ubat-Ubatan dan Peralatan Hospital Pengajar Universiti	5
b. Pengauditan Pematuhan		
1.	Pengauditan Pematuhan Terhadap Sewaan Kenderaan Politeknik	5
SEKSYEN AUDIT KEWANGAN		
1.	Pengurusan Kewangan	4
2.	Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK)	140
3.	Pemeriksaan Mengejut	4
4.	Verifikasi Baki Awal Aset dan Liabiliti - Akaun Belum Terima (ABT) dan Aset Tidak Alih (ATA)	6

2.4. Aktiviti Penyelarasan

a. Selain menjalankan pengauditan, UAD KPT juga perlu melaksanakan fungsi tugasan khas antaranya seperti berikut:

   i. Memantau status penyelesaian isu Laporan Ketua Audit Negara dalam *Auditor General's Dashboard*;

   ii. Urus setia kepada mesyuarat *pre-exit*/sesi perbincangan/*pre council* terhadap Laporan Ketua Audit Negara dari semasa ke semasa;

   iii. Menyediakan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Audit Tahunan;

   iv. Menganjurkan bengkel, sesi *in-house training* dan menyelaras program latihan pegawai UAD KPT dalam usaha meningkatkan kompetensi; dan

   v. Menyelaras dan memantau pencapaian aktiviti UAD KPT.

b. Aktiviti Sekyen Penyelarasan sepanjang tahun 2021, secara ringkasnya adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS AKTIVITI	CATATAN
1.	Rancangan Audit Tahunan 2021	Rancangan Audit Tahun 2021 telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit KPT Bilangan 4 Tahun 2020 pada 7 Januari 2021. Rancangan Audit ini telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 27 Januari 2021 selaras dengan tempoh yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1 Tahun 2013.
2.	Laporan Tahunan Audit Dalam Tahun KPT 2020	Laporan Tahunan UAD KPT 2020 dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 31 Mac 2021.
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Kementerian Pengajian Tinggi Tahun 2021	Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Kementerian Pengajian Tinggi telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2021 dan laporan JKA telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.
4.	Pemantauan Status Penyelesaian Isu Laporan Ketua Audit Negara dalam *Auditor General's Dashboard*	Status penyelesaian isu Laporan Ketua Audit Negara di *Auditor General's Dashboard* dibentang dan telah dibincangkan dalam setiap Mesyuarat Jawatankuasa Audit KPT. Mesyuarat Perbincangan Isu-isu di *Auditor General's Dashboard* dalam tindakan (KPT) bersama Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara secara dalam talian pada 3 Jun 2021. menghadiri mesyuarat bagi membincangkan Isu-isu untuk tindakan Oleh UKAS, JPM dalam Auditor General's Dashboard 3.0 secara dalam talian pada 28 Julai 2021.
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Universiti Awam (JKA UA)	Jawatankuasa Audit Universiti Awam telah ditubuhkan pada **15 Jun 2020** secara pentadbiran. Mesyuarat JKA UA Bilangan 1 tahun 2021 telah diadakan pada **25 Mei 2021.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Latar Belakang

Unit Komunikasi Korporat (UKK) ditubuhkan dengan objektif untuk memelihara dan meningkatkan imej kementerian dan mempromosi dasar dan program kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan.

UKK berperanan sebagai *focal point* kementerian dalam menyalur dan menyampaikan maklumat kementerian, jabatan, dan agensi kepada umum khususnya kepada kumpulan sasaran kementerian.

Usaha penyebaran maklumat turut digandakan bagi meningkatkan dan melestarikan imej korporat kementerian.

Objektif

1. Memastikan keberkesanan penyampaian dasar utama dan program Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui perancangan dan pelaksanaan pelan media yang strategik.
2. Memastikan penyebaran maklumat dan informasi terkini KPT secara efektif melalui laman web, media sosial dan media cetak serta elektronik; dan
3. Menyelaras aduan dan maklum balas yang diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Fungsi

1. Merancang dan melaksanakan pelan media berhubung publisiti, kempen, promosi bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti utama KPT melalui stesen TV dan radio, bahan promosi, artikel, teks ucapan dan penyampaian maklumat secara terus kepada kementerian, jabatan dan agensi;
2. Menguruskan aktiviti perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media, sidang media, kenyataan akhbar, siaran media dan temubual khas melalui media cetak dan media elektronik;

3. Memantau dan mengurus maklum balas bagi aduan, cadangan yang diterima melalui akhbar, laman web, SiSPAA serta aduan daripada Biro Pengaduan Awam; dan
4. Merancang, mengurus dan mendokumentasi bahan maklumat bagi setiap program dan aktiviti rasmi kementerian melalui penerbitan bahan cetakan seperti buku *coffee table*, laporan tahunan, risalah, rakaman foto dan video bagi tujuan edaran dan rujukan pihak awam dan media.

Pengurusan Media

1. Unit Komunikasi Korporat telah mengatur sebanyak 12 sesi temu bual di televisyen yang melibatkan segmen seperti Selamat Pagi Malaysia di Rancangan Televisyen Malaysia (RTM), Malaysia Hari Ini di TV3, Lensa IPT di RTM dan segmen Darah Muda di BERNAMA TV.
2. Antara topik yang dibincangkan dalam sesi temu bual tersebut ialah mengenai bantuan pelan data dan peranti kepada pelajar IPT, program peningkatan kerjaya melalui Program PENJANA KPT-CAP, peluang keusahawanan kepada pelajar IPT dan kupasan mengenai strategi pengoperasian Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sepanjang pasca COVID-19.
3. Temu bual dilihat menjadi medium yang efektif dalam penyaluran maklumat mengenai dasar kementerian sehingga ke akar umbi terutamanya terhadap kumpulan sasar yang berkepentingan. Melalui program temu bual ini, peluang dibuka kepada penonton untuk berinteraksi dan mengajukan soalan serta mengemukakan pandangan dalam mempertingkatkan lagi perkhidmatan kementerian.
4. Menyedari hakikat bahawa radio juga memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat, UKK juga telah mengaturkan sebanyak 30 *live read* yang melibatkan radio seperti Nasional FM dan Klasik FM bagi RTM, Hot FM dan Bernama Radio. Antara iklan yang disiarkan melalui radio ialah iklan PENJANA KPT-CAP, Jom Masuk IPT tahun 2021.
5. Pada tahun lalu juga, sebanyak 25 artikel mengenai program dan inisiatif Kementerian telah berjaya diterbitkan di akhbar-akhbar utama.

Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan

Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan mengurus aduan awam yang diterima oleh Kementerian melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) KPT di pautan https://mohe.spab.gov.my. SPAKP menyelaras dan mendapatkan maklum balas berkaitan daripada bahagian, jabatan dan agensi di bawah kementerian berdasarkan prosedur pengurusan aduan yang telah ditetapkan.

Pada tahun 2021, sebanyak **1,826** maklum balas meliputi aduan, cadangan, penghargaan dan pertanyaan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **1,635 (89.54%)** telah diselesaikan.

RINGKASAN ADUAN DITERIMA KPT SEPANJANG TAHUN 2021 (sehingga 31 Disember 2021)

Aduan Diterima		Dalam Tindakan		Selesai		Selesai Dalam Tempoh 15 Hari	
Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
1,826	100.00	191	10.46	1,635	89.54	1,294	79.14

Nota: Sehingga **31/1/2022**, sebanyak **1,644 (90.03%)** aduan telah berjaya diselesaikan.

BILANGAN ADUAN MENGIKUT JENIS MAKLUM BALAS



BILANGAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI

Bil.	Kategori	Jumlah	%
1	Pelbagai Aduan	1,042	56.37
2	Tindakan Tidak Adil	285	15.39
3	Kegagalan Mengikut Prosedur Yang Ditetapkan	175	9.54
4	Tadbir Urus	119	6.45
5	Kualiti Perkhidmatan Yang Tidak Memuaskan Termasuk Kaunter dan Telefon	67	3.63
6	Kepincangan Perlaksanaan Dasar dan Kelemahan Undang-Undang	60	3.25
7	Kegagalan Penguatkuasaan	39	2.11
8	Salah guna Kuasa/Penyelewengan	33	1.79
9	Kekurangan Kemudahan Awam	17	0.92
10	Salah laku Anggota Awam	10	0.54
	Jumlah	**1,847**	**100.00**

* *Aduan yang diterima berkemungkinan melibatkan lebih daripada satu Agensi/Jabatan atau Kategori.*

BILANGAN ADUAN MENGIKUT SUMBER SALURAN ADUAN



BILANGAN ADUAN SECARA BULANAN MENGIKUT SUMBER SALURAN ADUAN

Bil	Sumber	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogs	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1	Borang Laman Web	67	76	101	55	79	187	105	83	64	69	76	45	1,007
2	*Forward*	24	24	24	30	40	35	22	15	12	17	19	6	268
3	E-mel	15	17	26	36	62	84	39	44	67	30	22	5	447
4	*Stakeholder*	4	10	10	8	4	8	9	12	6	9	8	6	94
5	Telefon	1	-	-	-	-	-	-	5	1	1	-	-	8
6	Surat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
7	Hadir Sendiri	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-			1
	Jumlah *	**111**	**128**	**161**	**129**	**185**	**314**	**175**	**159**	**150**	**126**	**126**	**62**	**1,847**

BILANGAN ADUAN MENGIKUT BAHAGIAN, JABATAN DAN AGENSI KPT

Bil	Bahagian / Jabatan / Agensi	Aduan	%
1	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	4	0.22
2	Bahagian Kewangan	1	0.05
3	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar	4	0.22
4	Bahagian Khidmat Pengurusan	1	0.05
5	Bahagian Biasiswa	35	1.92
6	Unit Komunikasi Korporat (UKK), KPT	513	28.02
7	Unit Integriti (UI), KPT	1	0.05
8	Jabatan Pendidikan Tinggi	1,057	57.89
9	Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti	97	5.32
10	Agensi Kelayakan Malaysia	57	3.13
11	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	40	2.19
12	*Education Malaysia Global Services (EMGS)*	16	0.88
	Jumlah *	**1,826**	**100.00**

UNIT INTEGRITI

Latar Belakang

Unit Integriti ditubuhkan selaras dengan keputusan Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 dan berperanan sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di KPT yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2013.

Penubuhan Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh.

Visi & Misi

VISI

Menjadi pemacu keutuhan integriti di Kementerian Pengajian Tinggi dan perkhidmatan awam amnya.

MISI

Menerapkan pembudayaan integriti kepada warga Kementerian Pengajian Tinggi.

Objektif

Untuk menyepadukan semua pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah Unit yang khusus supaya inisiatif-inisiatif penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan dengan secara yang lebih fokus, terancang, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum.

Fungsi

Pengurusan Aduan

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika.

Pengesanan dan Pengesahan

Mengesan dan mengesahkan aduan berkaitan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.

Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

Tatatertib

Menjalankan fungsi urus setia Mesyuarat Lembaga Tatatertib di bawah Pelanggaran Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (P.U. (A) 395/1993).

Pengukuhan Integriti

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

Pematuhan

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

Tadbir Urus

Memastikan tadbir urus organisasi dilaksanakan dengan efektif.

Program / Aktiviti

Sepanjang tahun 2021, Unit Integriti telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti. Antara aktiviti utama yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Taklimat

- Taklimat Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian Pengajian Tinggi telah diadakan pada 1 April 2021 kepada Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua Pengarah di Jabatan dan Ketua- Ketua agensi di bawah KPT. Taklimat telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Nor Azmi bin Karim, Pengarah Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam (BUTSA) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

- Taklimat Akta 17A SPRM 2009 (28 Jun 2021)
- Taklimat Berkaitan Kesalahan-Kesalahan Utama Di Bawah Akta SPRM 2009 Sempena Sambutan Hari Anti-Rasuah Antarabangsa Peringkat KPT 2021 (09 Disember 2021)

Mesyuarat

- Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) KPT Bilangan 1 Tahun 2021 (22 Januari 2021)
- Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Sokongan Nombor 2 (18 Mei 2021)
- Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) KPT Bilangan 1 Tahun 2021 (20 Mei 2021)
- Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan Sokongan Nombor 2 (24 Mei 2021)
- Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) KPT Bilangan 2 Tahun 2021 (28 Jun 2021)
- Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) KPT Bilangan 3 Tahun 2021 (12 Oktober 2021)
- Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelan Antirasuah Nasional (JKNACP) 2019-2023 KPT Bilangan 1 Tahun 2021 (09 Disember 2021)

Program

- Sesi Libat Urus Bagi Pembentangan Status Penarafan Semula Risiko Agensi dan Cadangan Penstrukturan Semula Unit Integriti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM telah diadakan pada 8 Mac 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah dikategorikan sebagai kementerian Berisiko Tinggi berdasarkan hasil Penarafan Semula Risiko Rasuah bagi Tahun 2020.
- Pada sesi ini juga, pihak SPRM yang dihadiri oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Pengarah dan pegawai kanan dari Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) telah menerangkan tindakan lanjut berkaitan penstrukturan Unit Integriti bersesuaian dengan Penarafan risiko yang terkini.
- Wacana Integriti KPT Siri 1 Tahun 2021 (23 Ogos 2021)

- Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) telah diadakan pada 13 hingga 18 Oktober 2021. Bengkel ini bertujuan untuk mengenal pasti risiko rasuah bagi menangani permasalahan dan kelemahan governan, integriti dan anti rasuah dalam organisasi. Hasil daripada bengkel tersebut telah berjaya mengenal pasti isu daripada bahagian-bahagian yang dilihat boleh menyumbang kepada risiko dan salah guna kuasa.
- Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah salah satu inisiatif MANDATORI bagi setiap kementerian melalui arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019-Perkara 6.1.2 di bawah Strategi 2.1.5. Oleh itu, Unit Integriti, KPT selaku urus setia Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) telah mengadakan Bengkel Penyediaan Pelan Pembangunan Antirasuah (OACP) KPT pada 8 dan 9 November 2021
- Wacana Integriti KPT Siri 2 Tahun 2021 (12 November 2021)
- Hebahan Mesej Integriti Secara Bulanan
- Hebahan Cakna Integriti Sempena Sambutan Bulan Integriti KPT

JABATAN

1 **Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)**

2 **Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)**

JABATAN **PENDIDIKAN TINGGI (JPT)**

Jabatan Pendidikan Tinggi (IPT) mempunyai tiga peranan utama, iaitu:

Pengatur Cara

Bertanggungjawab untuk mengatur, merancang, mengurus dan mengawal selia acuan dasar pendidikan tinggi negara sebagai instrumen pelaksanaan. Penggubalan dasar, polisi dan peraturan dibuat bagi mencapai penarafan kurikulum pendidikan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Penyedia Servis

Berperanan memperkasa keterlibatan dan menggerakkan seluruh komponen untuk mendorong dan memelihara, serta memberikan bimbingan menyeluruh secara intensif dan efektif untuk mencapai matlamat pembelajaran khususnya pembentukan negara bangsa.

Fasilitator

Berfungsi untuk mengkoordinasi, menganalisis dan meningkatkan kerjasama dalam mewujudkan suasana kondusif bagi mengoptimumkan pembangunan pendidikan tinggi negara, serta menyokong dan membantu IPT dalam melaksanakan amalan terbaik bagi peningkatan prestasi.

VISI

Kecemerlangan dalam pendidikan tinggi untuk kesejahteraan insan.

MISI

Memastikan pendidikan tinggi berkualiti untuk mencapai keunggulan global.

DASAR KUALITI

JPT beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti yang bertaraf dunia kepada pemegang taruh melalui pemerkasaan pengurusan kualiti ke arah keunggulan global

NILAI BERSAMA

J — ***Justice*** (Adil)

P — ***Professional*** (Profesional)

T — ***Talented*** (Bakat)

Bahagian *Education Malaysia* (BEM)

FUNGSI BAHAGIAN

Merancang, mengurus dan mengawal selia program serta inisiatif yang berkaitan pengantarabangsaan industri pendidikan tinggi Malaysia

PROGRAM / AKTIVITI

1. **Program Lawatan Delegasi KPT dan *Asian International Mobility for Students* (AIMS) di *UAE International.***

YBhg. Dato' Prof. Dr. Husaini Omar mengetuai Program Kolaborasi dan lawatan delegasi KPT dan *Asian International Mobility for Students* (AIMS) Malaysia bersempena dengan Minggu Pendidikan Ekspo 2020 Dubai dengan kerjasama Bahagian *Education Malaysia*, JPT yang disertai oleh 10 wakil universiti awam.

AIMS turut mengadakan lawatan dan mesyuarat dua hala dengan pihak *University of Sharjah* dan *University of Abu Dhabi.*

Lawatan ini bertujuan untuk meninjau potensi kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi terutama sekali dalam agenda pertukaran pelajar, mobiliti pelajar penyelidikan, dan program lain yang berpotensi.

2. Persidangan Antarabangsa 2021 *Internationalisation of Higher Education towards Future Talents.*

Program Persidangan Antarabangsa yang bertemakan "*Internationalisation of Higher Education towards Future Talents*" diadakan secara hibrid, fizikal dan dalam talian. Pendaftaran oleh 96 peserta dan pembentangan sebanyak 20 kertas dibentangkan di Ekspo 2020, Dubai.

Persidangan antarabangsa ini dapat menghimpunkan peserta dari dalam dan luar negara yang menyediakan platform bagi golongan professional, penyelidik, dan juga pelajar untuk berkongsi pengalaman dan hasil penyelidikan berkaitan masa hadapan pengantarabangsaan IPT. Melalui lensa pengantarabangsaan, persidangan ini mencerminkan amalan pendidikan tinggi semasa dan masa depan dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penilaian pemilihan kokurikulum, tadbir urus digitalisasi dan pendidikan transnasional.

3. ***Pocket Talk "Malaysian Higher Education Landscape 2021 and Edutourism Programme Overview.***

KPT memperkenalkan program *Edutourism* sebagai salah satu inisiatif untuk menarik minat pelajar antarabangsa, pelancong untuk menyertai kursus pendek di Malaysia. Pelbagai kursus akademik, bukan akademik yang ditawarkan dengan tempoh minimum 1 hari sehingga 6 bulan. Terdapat 168 pakej program yang berdaftar bawah program *Edutourism* daripada 35 rakan sepadan.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa khususnya dalam program *edutourism* dan juga mempromosikan Institusi Pendidikan Tinggi sebagai pusat pelancongan Malaysia.

Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM)

FUNGSI BAHAGIAN

Menggalak dan meningkatkan kerjasama antara ahli akademia, Industri, kerajaan dan masyarakat ke arah peningkatan kadar kebolehpasaran graduan IPT.

PROGRAM / AKTIVITI

1. MoHE X Shopee: *Siswa Mall*

Program MoHE x Shopee: *Siswa Mall* merupakan antara program berasaskan keusahawanan yang dilaksanakan oleh KPT bagi membentuk lebih ramai usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan IPT.

Program ini menyediakan latihan dalam aspek e-dagang serta kemahiran berniaga secara dalam talian kepada para graduan IPT di Malaysia.

Shopee Malaysia dilantik untuk menyediakan latihan keusahawanan dan platform perniagaan dalam talian kepada graduan. Dengan adanya kolaborasi sebegini, para graduan dapat dilatih dan diperkasakan khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan bidang keusahawanan dan e-dagang. Ini sudah tentu akan dapat mengukuhkan lagi usaha KPT bagi membentuk golongan usahawan digital masa depan.

Untuk makluman semua, setiap pelajar yang berjaya dilatih di bawah program ini dan memulakan kedai di Shopee, akan turut menerima 'Pakej Bantuan Usahawan Siswa' yang disalurkan dari KPT kepada pelajar melalui Shopee. Pakej ini merangkumi baucar kedai Shopee, kredit iklan serta manfaat lain yang bertujuan untuk membantu usahawan siswa dalam perjalanan e-dagang mereka serta meningkatkan jualan kedai mereka.

Kita menjangkakan Program ini dijangka akan memanfaatkan kira-kira 5,000 orang graduan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA); institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS); dan politeknik dan kolej komuniti tahun 2019, 2020 dan 2021.

Pencapaian

Sehingga Jun 2022, seramai 2,314 peserta sedang menyertai program *Siswa Mall.*

2. *Festival of Ideas 2021*

Selaras dengan tema Amanat YB Menteri Pengajian Tinggi tahun 2022, iaitu "Memperhebat Strategi, Melonjak Kecemerlangan", terdapat tujuh (7) strategi utama yang telah digariskan bagi tahun 2022. Salah satu fokus di bawah strategi utama ini ialah strategi "Memantapkan Kolaborasi Strategik". YB Menteri Pengajian Tinggi telah mengumumkan agar *Festival of Ideas* yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 dipelbagaikan dan diperhebatkan lagi kaedah pelaksanaannya agar lebih banyak lagi idea dan inovasi pendidikan dapat disumbang serta dimanfaatkan.

Satu laman web *Festival of Ideas* yang mengandungi kompilasi idea telah dibangunkan. Laman web ini dibangunkan sebagai platform perkongsian berkenaan penyelidikan berasaskan pemasalahan semasa dan penghasilan produk kandungan kreatif tempatan.

Terdapat enam segmen utama yang boleh diakses, iaitu Malim Sarjana, Inovasi, Pameran Maya, Forum Maya, Mentor, dan Resensi Karya. Kesemua segmen ini telah disalurkan dalam laman web *Festival of Ideas* 2021 pada setiap minggu termasuklah hebahan melalui sosial media rasmi KPT, universiti dan institusi pengajian tinggi yang terlibat, serta sosial media rasmi program *Festival of Ideas*.

Pencapaian

Sehingga kini, sebanyak 150 video inovasi pendidikan telah dimuat naik dan ditayangkan melalui platform portal *Festival of Ideas*: https://foi.mohe.gov.my/ sebagaimana kategori berikut:

Malim Sarjana: 26 video
Inovasi: 56 video
Pameran Maya: 19 video
Forum Maya: 12 video
Mentor: 19 video
Resensi Karya: 18 video

Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA)

FUNGSI BAHAGIAN

Merancang, mengurus, menggubal dan melaksana dasar, prosedur dan syarat kemasukan pelajar serta menyebar luas akses pendidikan tinggi ke IPT.

PROGRAM / AKTIVITI

1. Program JMIPT Virtual 2021 (JMIPT Virtual 2021)

Penganjuran Jom Masuk IPT Virtual 2021 (JMIPT Virtual 2021) anjuran KPT melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA, JPT) dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) terbahagi kepada dua (2) fasa.

Program ini merupakan '*Signature Programme*' bagi Kementerian dan merupakan saluran hebahan utama bagi menyebarluaskan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi untuk kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi bagi Sesi Akademik 2021.

Sebagai salah satu daripada program *flagship* KPT, penganjuran program ini akan menjadi platform terbaik dalam memberikan serta menyebarkan maklumat yang tepat dan terkini. Program ini juga membantu para pelajar, guru-guru serta ibu bapa membuat pertimbangan semasa memilih program pengajian yang bersesuaian ketika fasa pengemaskinian dan permohonan baharu. Program ini turut melibatkan penyertaan daripada :

- JPPKK
- 20 Universiti Awam
- Empat (4) Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)
- Bahagian Biasiswa KPT
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Pencapaian

FASA 1: 15-21 Jun 2021
Lepasan SPM 2020
Jumlah Keseluruhan Pengunjung: 77,401

Fasa 2: 8-12 Ogos 2021
Lepasan STPM/Setaraf
Jumlah Keseluruhan Pengunjung: 39,872

Pengisian program dalam bentuk:

1. *Virtual Booth*
2. Webinar
3. Sesi konsultasi bersemuka secara maya
4. *Live chat*

Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT (BKPI)

FUNGSI BAHAGIAN

Merancang, memantau dan menyelaras geran dan aktiviti RDC&I di IPT dan Institut Penyelidikan.

PROGRAM / AKTIVITI

1. PENAWARAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS) TAHUN 2021

Falsafah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) adalah untuk menggalakkan penyelidikan asas agar dapat menjana ilmu baharu beracuan Malaysia yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baharu dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

Permohonan FRGS dibuka pada setiap tahun secara dalam talian melalui sistem MyGRANTS. Permohonan sebagai Penyelidik Utama (PI) terbuka kepada kakitangan akademik (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah) sepenuh masa di Universiti Awam, Universiti Swasta, Kolej Universiti Swasta dan Universiti Cawangan dan mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana;

Permohonan FRGS Tahun 2021 telah dibuka pada 18 Januari – 31 Mac 2021.

Pencapaian

Jumlah permohonan projek penyelidikan yang diterima dan diuruskan di bawah FRGS Tahun 2021 adalah sebanyak 5,110 permohonan projek penyelidikan.

Sebanyak 1,298 buah projek penyelidikan di bawah FRGS Tahun 2021 telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Dana Penyelidikan KPT pada 23 Julai 2021.

Bahagian Mahasiswa Holistik (BMH)

FUNGSI BAHAGIAN

Merancang, mengkoordinasi dan memperkasa program serta inisiatif pembangunan sahsiah, patriotisme, perpaduan nasional dan kesukarelawanan ke arah melahirkan graduan yang holistik dan seimbang.

PROGRAM / AKTIVITI

1. ROBOCON MALAYSIA 2021

ROBOCON 2021 telah diadakan secara dalam talian pada 20 - 24 September 2021. Pertandingan ROBOCON telah disiarkan secara langsung di RTM. Sebanyak 14 pasukan yang telah bertanding dan empat (4) kategori khas untuk dimenangi.

Pemenang utama bagi ROBOCON 2021 ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mewakili Malaysia ke ABU ROBOCON di China secara dalam talian pada 12 Disember 2021.

Pencapaian

Kebangsaan :
Johan - UTM A
Naib Johan - UTM B
Tempat ke 3 - UTP
Tempat ke 4 - USM

Antarabangsa :
UTM B - Tempat ke 3
UTM A - Anugerah Penaja (Panasonic)

2. MAJLIS PERUNDINGAN PELAJAR KEBANGSAAN (MPPK)

Mesyuarat Perdana MPPK 2021 telah berjaya dirasmikan oleh mantan YAB PM Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin. Melalui Mesyuarat Perdana MPPK ini, mahasiswa mempunyai peluang untuk melontarkan idea dan juga pandangan bukan sahaja berkaitan isu-isu semasa hal ehwal mahasiswa, tetapi juga idea bagi kebajikan dan pembangunan negara.

MPPK kali ini turut dihadiri Yang Berhormat menteri-menteri, pengurusan tertinggi kementerian, jabatan, agensi dan para mahasiswa.

Pencapaian

Tiga perwakilan pemimpin mahasiswa telah membentangkan tiga kertas pertimbangan, iaitu:

- Skim Rumah Sewa Rakyat (RASIONAL) oleh Saudara Muhammad Haziq Azfar bin Ishak;
- Pemerkasaan Sektor Pertanian Dalam Negara: *Future Proofing* Industri Pertanian Malaysia oleh Saudara Kuhan Bathmanaban; dan
- Integrasi Teknologi Bagi Penambahbaikan Pengurusan Kesihatan Rakyat Malaysia (S.I.H.A.T) oleh Saudari Sharifah Alawwiyyah Syed Abu Bakar.

3. ANUGERAH TOKOH SISWA

Anugerah Tokoh Siswa telah dirasmikan oleh YBM KPT pada 9 November 2021 secara dalam talian. Sebanyak 18 kategori anugerah telah dipertandingkan dalam Anugerah Tokoh Siswa 2020. Anugerah ini turut memperkenalkan anugerah baharu iaitu Anugerah Khas Kepimpinan Ibnu Ummu Maktum yang bertujuan untuk mengiktiraf bakat kepimpinan cemerlang mahasiswa kurang upaya (OKU) yang telah banyak menyumbang jasa melalui penganjuran program berimpak tinggi. Anugerah Tokoh Siswa merupakan platform bagi menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan mahasiswa dalam ketokohan berorganisasi melalui penganjuran program-program berimpak tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pencapaian

Penuntut Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Amirul Faiz Abdul Latif terpilih menerima Anugerah Menteri Pengajian Tinggi sekali gus dinobatkan sebagai Tokoh Siswa Kebangsaan sempena Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2020 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang berlangsung secara maya pada 9 November 2021.

4. *RTK@CAMPUS*

RTK@Campus merupakan salah satu inisiatif pihak Kementerian di bawah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) bertujuan bagi meminimumkan risiko kesihatan dan mewujudkan imuniti kelompok dalam kampus.

Pencapaian

Sebanyak 1,168,780 unit RTK telah dibekalkan kepada pelajar IPT melalui inisiatif ini. 5000 unit RTK juga telah disumbangkan bagi kegunaan pihak Kementerian.

5. YAYASAN KEBAJIKAN SISWA KELUARGA MALAYSIA

Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia (YKS) merupakan satu badan rasmi di peringkat nasional yang berupaya mengurus dan menyelaraskan hal ehwal kebajikan mahasiswa secara bersepadu. Kerajaan telah memyumbangkan RM5 juta sebagai dana permulaan bagi Yayasan ini. Antara inisiatif yang dijalankan di bawah Yayasan ini adalah *FOOD@CAMPUS* yang menyediakan peruntukan bagi penyediaan dan pengagihan baucar makanan kepada pelajar berkeperluan yang dikenal pasti di IPT.

Pencapaian

Peruntukan sebanyak RM1 juta telah disalurkan kepada IPT bagi inisiatif *FOOD@CAMPUS*.

- UA – RM600,000.00
- Politeknik & Kolej Komuniti – RM200,000.00
- IPTS – RM200,000.00

6. *FOOD@CAMPUS*

FOOD@CAMPUS merupakan salah satu inisiatif pihak kementerian di bawah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM).

Pencapaian

Sebanyak 88,753 pelajar telah menerima baucar makanan dengan nilai sebanyak RM15.

Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI)

FUNGSI BAHAGIAN

Mengawal selia Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dengan memastikan kesemua peruntukan perundangan pendidikan yang diperuntukkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dipatuhi

PROGRAM / AKTIVITI

1. BENGKEL KERJA PEMANTAPAN TEKNIK RAKAMAN PERCAKAPAN SAKSI SECARA DALAM TALIAN

Pegawai penyiasat di Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI) merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menguruskan sesuatu kes, menyelaras dokumentasi dan menyediakan hujah penguatkuasaan bagi melestarikan kuasa perundangan melalui pelaksanaan dasar dan peraturan perundangan yang berkaitan.

Selaras dengan tanggung jawab tersebut, BPI telah menganjurkan Bengkel Kerja Pemantapan Teknik Rakaman Percakapan Saksi dalam pada 6 September 2021 secara atas talian berikutan SOP yang berkuat kuasa semasa tempoh pandemik.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Prof. Dr. Husaini bin Omar. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan), YBrs. Prof. Ir. Dr. Robiah binti Yunus.

Penceramah bengkel, Tn Mahamad Sukri bin Seman, merupakan pegawai yang berpengalaman lebih 20 tahun dalam kes-kes siasatan SPRM. Malah beliau turut berpengalaman sebagai Pegawai Pendakwa.

Penganjuran bengkel ini adalah bertujuan menyediakan pegawai penyiasat BPI dalam membuat persediaan sebelum, ketika dan selepas Rakaman Percakapan Saksi mengikut keperluan-keperluan yang telah digariskan.

Peserta bengkel turut diberi pendedahan secara *hands-on* berbentuk teknikal dalam teknik asas Rakaman Percakapan Saksi mengikut prosedur dan SOP yang betul. Peserta-peserta berpeluang menjalankan sesi Rakaman Percakapan Saksi terhadap pegawai-pegawai SPRM.

Pencapaian

Peserta dapat menyediakan senarai semak pelaksanaan Rakaman Percakapan Saksi.

2. JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT) BERSAMA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) 2021

Program yang dikenali sebelum ini sebagai Hari Bersama Pelanggan telah dijenamakan semula sebagai Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) Bersama Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 2021 diadakan pada 14 September 2021 menggunakan platform dalam talian Microsoft Teams.

Objektif utama program ini adalah untuk menyampaikan informasi terkini berhubung Langkah-langkah atau inisiatif- inisiatif yang ditawarkan kepada IPTS bagi menghadapi cabaran mendepani pandemik COVID-19. Program yang dirasmikan oleh YBhg Dato' KPPT ini juga bertujuan sebagai satu platform perkongsian idea dan cadangan bagi memperkasakan serta mengekalkan kelestarian IPTS. Terdapat empat (4) sesi sepanjang program tersebut berlangsung. Sesi pertama dimulai dengan Taklimat Ketua Pendaftar oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Husaini bin Omar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi. Diikuti dengan sesi kedua, iaitu sesi perkongsian ilmu bertajuk *"The Pandemic – Impact on PHEIs and he Future Scenario"* daripada YBhg. Datuk Dr Parmjit Singh, Presiden Persatuan Kolej Universiti Swasta Malaysia (MAPCU). Sesi ketiga taklimat yang bertajuk "Pulih Bersama, Bangkit Segera" disampaikan oleh Encik Amir Hamzah Md Isa yang merupakan Presiden Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia (PKIBM).

Taklimat terakhir disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Ir Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha yang merupakan Presiden, Majlis Naib Canselor Universiti Swasta dengan tajuk taklimat beliau "*Financial Strategies of Private Higher Learning Institution Towards a Sustainable Future*".

Pencapaian

Kehadiran peserta adalah seramai 447 orang yang terdiri dari wakil-wakil IPTS.

Secara keseluruhannya program ini telah dilaksanakan dengan baik dan menepati okjektifnya. Ini dapat dilihat menerusi tinjauan kepuasan pelanggan sepertimana yang ditunjukkan oleh graf dalam lampiran.

Bahagian Standard Swasta (BSS)

FUNGSI BAHAGIAN

Memastikan tadbir urus IPTS mengikut piawaian yang ditetapkan bagi memperkukuh industri pendidikan tinggi dan menghasilkan program pengajian yang berkualiti

PROGRAM / AKTIVITI

1. MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT RAYUAN AKREDITASI PENDIDIKAN TINGGI (JKPRAPT)

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Rayuan Akreditasi Pendidikan Tinggi (JKPRAPT) berfungsi untuk menilai, memberi pandangan, ulasan dan syor ke atas rayuan akreditasi dan akreditasi sementara Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), seterusnya mengesyorkan pandangan Jawatankuasa kepada Menteri Pendidikan Tinggi untuk keputusan rayuan.

Pencapaian

Tiga (3) mesyuarat telah diadakan yang melibatkan 30 rayuan akreditasi pendidikan tinggi

2. HARI KONSULTANSI PELANGGAN (HKP)

Program ini diadakan dengan tujuan supaya pihak IPTS dapat bertemu dengan pegawai proses semasa HKP secara berkala dan bukan secara runcit yang mungkin sukar ditetapkan. Melalui program ini juga, pihak IPTS dapat bertemu pegawai di KPT bagi mendapatkan khidmat nasihat atau membuat pertanyaan berkaitan pengurusan IPTS seperti semakan proses kerja, status permohonan, khidmat nasihat dan lain-lain lagi.

Terdapat beberapa kaunter yang dibuka bagi memudahkan pihak IPTS terus bersemuka dengan pegawai berkenaan bagi urusan mereka iaitu:

1. Kaunter Pendaftaran / Pertanyaan
2. Kaunter Pendaftaran IPTS dan Permit Mengajar
3. Kaunter e-IPTS
4. Kaunter Universiti Swasta
5. Kaunter Kolej Swasta
6. Kaunter Kawal Selia Pelajar Antarabangsa
7. Kaunter Governan Swasta

Pencapaian

Program Hari Konsultansi Pelanggan telah diadakan seperti berikut:
Bil 1 - 26 Januari 2021
Bil 2 - 26 Februari 2021
Bil 3 - 16 Mac 2021
Bil 5 - 25 Mei 2021
Bil 7 - 13 Julai 2021
Bil 8 - 17 Ogos 2021
Bil 10 - 12 Oktober 2021
Bil 11 - 44516
Bil 12 - 14 Disember 2021

3. BENGKEL PENGESAHAN DAN PENYELARASAN DATA IPTS TAHUN 2021

Bengkel ini dapat memberi ruang komunikasi dua hala antara penyelaras Sistem e-IPTS dengan pentadbir sistem di IPTS berkaitan masalah kemasukan data. Bengkel ini juga merupakan platform bagi penyelaras e-IPTS untuk mendapatkan maklum balas berkaitan data tidak lengkap atau data tidak tepat yang telah dimasukkan oleh IPTS ke dalam Sistem e-IPTS. Di samping itu juga, perbincangan bagi penambahbaikan sistem pada masa akan datang turut dilaksanakan

Pencapaian

Bengkel telah diadakan pada 12 November 2021

4. HARI KONSULTASI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) 2022

Program ini merupakan platform penerangan dan taklimat berkenaan prosedur pembaharuan kepada IPTS yang akan tamat perakuan pendaftaran pada tahun 2023. Program ini dirasmikan oleh Ketua Pendaftar IPS.

Taklimat yang diberikan adalah berkenaan :

1. Prosedur Permohonan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran IPTS
2. Taklimat e-IPTS Bagi Modul Pendaftaran
3. Taklimat Keselamatan Premis IPTS oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Pencapaian

Sembilan (9) kaunter konsultasi yang melibatkan penyertaan sebanyak 49 IPTS.

Pusat Sitasi dan Infometrik (PSI)

FUNGSI BAHAGIAN

Memperkasa keterlihatan penerbitan ilmiah Malaysia ke peringkat antarabangsa dan menyelaras pengurusan pengintegrasian data pintar JPT.

PROGRAM / AKTIVITI

1. PROGRAM PELAN DATA DAN PERANTI (FASA 2)

a. Berkolaborasi dengan syarikat telekomunikasi dan pembekal peranti bagi mendapatkan pakej pelan data dan peranti istimewa khusus untuk pelajar IPT

b. Fasa 1 : 7 rakan strategik. Dilancarkan pada 30 Oktober 2020 oleh YB Menteri KPT.

c. Fasa 2 : 11 rakan strategik dengan 21 produk. Hebahan inisiatif ke IPTA dan IPTS untuk dipanjangkan kepada pelajar telah dilaksanakan bermula 21 Mei 2021

Pencapaian

Ditawarkan kepada 1.2 juta pelajar IPT

2. PROGRAM *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY* (CSR) KPT

a. Inisiatif CSR dianjurkan dengan penglibatan syarikat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dengan memberikan sumbangan dalam pelbagai bentuk peranti , kemudahan ICT dan infrastruktur rangkaian kepada institusi dan pelajar IPT bagi memudahkan mereka mengikuti PdP dalam talian.

b. Penyediaan Infrastruktur WiFi di UiTM Machang dan UiTM Samarahan yang kini dalam proses pemasangan

c. 320 unit peranti telah dihantar ke UA terpilih

Bil.	Syarikat	Unit	Peranti
1.	Acer Sales & Services Sdn. Bhd.	30	Komputer riba
2.	PC-Soft (M) Sdn. Bhd.	180	Chromebook
3.	Huawei Technologies (M) Sdn. Bhd.	50	Tablet
4.	Lenovo Malaysia	50	Tablet
5.	Digi	10	Modem
JUMLAH		**320**	
NILAI SUMBANGAN		**RM 505,870**	

Bahagian Governan IPTS (BGS)

FUNGSI BAHAGIAN

Penggubalan Dasar, Polisi & Peraturan Yang Menyokong Pematuhan Akta 555, Kemampanan Tadbir Urus IPTS, Jaminan Kualiti IPTS

PROGRAM / AKTIVITI

1. PASUKAN PETUGAS KEBANGSAAN PEMUDAH IPTS SEBAGAI INDUSTRI (PEMUDAH IPTS).

PEMUDAH IPTS ditubuhkan bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh IPTS serta mengenal pasti peluang untuk memacu pertumbuhan IPTS sebagai sebuah industri dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Catatan

Dapat mengenal pasti cabaran dan peluang yang dihadapi oleh IPTS melibatkan pertindihan bidang kuasa antara pelbagai kementerian dan agensi serta menjadikan IPTS sebagai sektor ekonomi strategik dan progresif

2. PEMBANGUNAN KAPASITI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) (*MyLeader*)

Program ini merupakan program pembangunan kapasiti di bawah JPT khusus untuk IPT. Program ini juga merupakan salah satu daripada 37 inisiatif Jawatankuasa Pemandu PEMUDAH IPTS.

Program ini berkonsepkan *peer sharing experience* dengan IPT yang telah berjaya beroperasi sebagai sebuah industri dan penganjurannya diadakan secara berfasa mengikut zon dengan tiga (3) kategori kumpulan sasaran, iaitu Ketua Eksekutif IPTS, Pengurusan IPTS dan kakitangan Akademik IPTS.

Objektif penganjuran program ini adalah seperti berikut:

i. Memberikan nilai tambah kepada IPTS khususnya dalam memastikan pengurusan IPTS terus berdaya saing dan mampan.

ii. Menambah baik pengetahuan pengurusan IPTS dalam pelbagai aspek.

iii. Meningkatkan kualiti penyedia pendidikan tinggi dalam kalangan IPTS ke peringkat global seiring dengan revolusi pendidikan tinggi melalui tadbir urus yang dinamik

Pencapaian

- Penganjuran program MyLeader melibatkan peserta dari kumpulan pengurusan IPTS yang terdiri daripada Ketua Eksekutif / Naib Canselor / Dekan / Ketua Jabatan telah diadakan secara dalam talian seperti berikut:
- Siri 1 pada 2 & 3 November 2021 melibatkan 61 IPTS daripada Zon Tengah; dan
- Siri 2 pada 9 & 10 November 2021 melibatkan 101 IPTS daripada Zon Selatan, Utara, Timur, Sabah dan Sarawak.
- Melibatkan 452 orang peserta
- Enam (6) penceramah dan Enam (6) modul.

Catatan

Program ini seterusnya diadakan pada bulan Ogos dan September 2022.

3. MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PROGRAM PENJANA KPT-CAP IPTS

Majlis ini diadakan bagi tujuan menghargai usaha dan kerjasama yang diberikan oleh semua IPTS yang telah diluluskan permohonan bagi Program PENJANA KPT-CAP IPTS Fasa 1 dan Fasa 2 yang menyediakan kursus/latihan *Reskilling* dan *Upskilling* bagi graduan yang tamat pengajian pada tahun 2019 sehingga tahun 2022 yang terjejas dengan pandemik COVID-19.

Pencapaian

Fasa 1

RM9.1 Juta Peruntukan	1,739 Peserta
8 IPTS	44 Program

Fasa 2

RM4.2 juta Peruntukan	820 Peserta
10 IPTS	39 Program

Catatan

Program PENJANA KPT-CAP IPTS merupakan inisiatif kerajaan yang melibatkan MOF, KPT dan IPTS untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan ketika pandemik COVID-19.

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)

Program dan Aktiviti Utama

Mesyuarat Majlis TVET Negara (MTVET)

Mesyuarat Majlis TVET Negara (MTVET) buat julung kalinya diadakan dan dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Haji Mohd. Yassin. Mantan Perdana Menteri dengan disertai oleh menteri-menteri kabinet dan wakil industri secara dalam talian pada 11 Februari 2021.

Inisiatif penubuhan MTVET merupakan mandat baharu untuk memperkasakan TVET serta merupakan badan tertinggi pembuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara selain berperanan menambah baik penyelarasan ekosistem TVET dengan penglibatan semua pemegang taruh awam dan swasta.

Sesi Menandatangani Nota Kolaborasi di Antara JPPKK Bersama Mostwell Sdn. Bhd.

Pada 24 Februari 2021, telah diadakan Sesi Menandatangani Nota Kolaborasi antara JPPKK bersama Mostwell Sdn. Bhd. Turut diadakan sesi simbolik penyerahan 79 unit mesin jahit yang bernilai RM 237,000.00 yang disaksikan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.

Jelajah Program Malaysia Prihatin

a. Program Malaysia Prihatin telah diadakan pada 19 Mac 2021 bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn dan disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.

b. Program Malaysia Prihatin di Politeknik Seberang Perai telah disempurnakan oleh YB Dato' Mansor bin Haji Othman. Mantan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi pada 22 Mac 2021.

c. Program Malaysia Prihatin telah diadakan di Kolej Komuniti Tasek Gelugor yang disempurnakan oleh YB Dato' Mansor bin Haji Othman. Mantan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi pada 4 April 2021.

d. Program Jelajah Malaysia Prihatin Kolej Komuniti Kepala Batas Bersama YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi telah diadakan pada 5 April 2021 di Malaysia Productivity Corporation (MPC).

e. Program Malaysia Prihatin telah diadakan di Kolej Komuniti Seberang Jaya yang disempurnakan oleh YB Dato' Mansor bin Haji Othman, Mantan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi pada 10 April 2021.

Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi

1. **Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Kedah**
   14 Mac 2021.

2. **Kolej Komuniti Baling**
   20 Mac 2021.

3. **Kolej Komuniti Hulu Langat**
   25 Mac 2021
   Diiringi oleh YBrs. Ts. Zainab binti Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej

4. **Politeknik Nilai**
   26 Mac 2021

Lawatan Menteri Pengajian Tinggi ke Gudang Sekretariat *Food Bank*

Pada 15 Jun 2021 yang lalu, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi telah melawat ke gudang Sekretariat *Food Bank* bagi melihat proses pengagihan bantuan makanan kepada sukarelawan, *frontliner* dan para pelajar yang berada di IPT di Kajang.

KPT amat komited dalam memantapkan tadbir urus dan kecekapan penyaluran bantuan makanan kepada pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) selain mengadakan kerjasama dengan Sekretariat *Food Bank* bagi menjenama dan menstruktur semula Inisiatif *Food Bank* Siswa di IPT. Inisiatif baharu ini dijangka akan memanfaatkan pelajar kategori (B40), asnaf, fakir miskin dan berkeperluan sekaligus menangani isu peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh pelajar. Agihan melibatkan lima (5) buah universiti awam dan tiga (3) buah politeknik.

Inisiatif *Food Bank* Siswa baharu IPT ini bakal melibatkan sukarelawan pelajar yang dilantik sebagai Rakan KPT. Sukarelawan ini akan disusun melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). Pendekatan ini dilihat amat signifikan sebagai platform memperkasakan bakat kepimpinan pelajar terutamanya dalam isu kebajikan pelajar.

Turut hadir ialah YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi dan YBrs. Ts. Zainab binti Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis TVET Negara (MTVET) Bil. 1/2021

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis TVET Negara (MTVET) Bil. 1/2021 telah diadakan secara maya pada 29 Jun 2021 yang lalu. Ketika mesyuarat tersebut berlangsung, terdapat tiga kertas pertimbangan yang dibentangkan oleh wakil-wakil dari Kumpulan Fokus dan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK).

Kertas-kertas pertimbangan yang telah dibentangkan ialah:

1. *TVET Collaboration Hub* (TCH): Naratif Baharu Kolaborasi Bersinergi Bagi Agenda Pemerkasaan TVET.
2. Agenda Pemerkasaan TVET dipacu Industri melalui Penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri
3. Penarafan Tunggal Program TVET.

Jawatankuasa Eksekutif TVET ini dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Pengajian Tinggi dan YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia.

MTVET yang merupakan kolaborasi rentas kementerian yang ditubuh bagi menzahirkan manifestasi Kerajaan dalam menambah baik penyelarasan ekosistem TVET negara untuk membangunkan modal insan dan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan menepati keperluan industri.

Turut hadir ialah Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Setiausaha KPT, Dr. Mohd Zabri Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT dan Ts. Zainab Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Jom Masuk IPT 2021 Secara Maya Negara (MTVET) Bil. 1/2021

JPPKK telah turut serta dalam JMIPT 2021 yang baru-baru ini telah diadakan program Jom Masuk IPT 2021 (JMIPT 2021). Antara kelainan pada kali ini ialah pelaksanaannya diadakan secara maya bertepatan dengan amalan norma baharu yang disarankan oleh pihak Kerajaan. Program ini juga diadakan dengan kerjasama rakan strategik Universiti Malaya (UM) mulai 15 sehingga 21 Jun 2021 (Fasa 1) yang melibatkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021.

JMIPT Virtual 2021 melibatkan penyertaan semua universiti awam (UA), politeknik, kolej komuniti, Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), MQA, PTPTN dan Bahagian Biasiswa, KPT. Program ini menyediakan slot webinar, sesi live chat dan konsultasi secara berkelompok dan individu oleh pempamer secara maya.

Penyertaan pelajar lepasan SPM 2020 untuk melawati booth Politeknik dan Kolej Komuniti sangat menggalakkan dan pihak politeknik dan kolej komuniti juga amat komited dalam menyampaikan penerangan dan membantu mereka yang ingin membuat permohonan ke politeknik dan kolej komuniti.

Penyerahan Sumbangan dan Bantuan Bencana ke Politeknik Sultan Azlan Shah

Atas dasar tanggungjawab dan keprihatinan sosial, pada 12 Jun 2021 telah diadakan penyerahan sumbangan dan bantuan bencana oleh JPPKK ke Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) di Perak. Bantuan telah disampaikan oleh Ts. Haji Mohamad Amin bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Governan), JPPKK kepada Encik Arman bin Ahmad Sapawi, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, PSAS yang mewakili warga PSAS.

Majlis ringkas ini diadakan di Pintu Masuk Utama PSAS. Hadir sama pada majlis ini ialah Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd Ghani, Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK dan Encik M. Azmi bin Haji Ruzali, Timbalan Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK serta beberapa orang wakil PSAS yang dibenarkan bertugas pada waktu ini.

JPPKK mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjamin keselamatan, kesihatan serta kebajikan warga PSAS di sepanjang tempoh tersebut.

Perjanjian Minit Mesyuarat bersama Soqqle Pte Ltd, Singapura

Buat julung-julung kalinya JPPKK telah mengadakan Perjanjian Minit Mesyuarat Bersama Soqqle Pte Ltd, Singapura secara maya. Majlis ini telah berlangsung pada 21 Jun 2021. Majlis ini dijayakan oleh Bahagian Instruksional dan Digital (BIPD), Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK) dan Bahagian Penyelarasan TVET (BKTVET).

Kerjasama antarabangsa dari segi pertukaran pengalaman yang berkaitan dengan pelaksanaan program latihan serta kajian dan perundingan dengan Soqqle Private Limited, Singapura ini. KPT menunjukkan bahawa JPPKK, telah bersedia selaku peneraju TVET dalam norma baharu.

Lawatan Rasmi Timbalan Menteri Pengajian Tinggi ke JPPKK



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad telah mengadakan lawatan rasmi ke JPPKK pada 28 September 2021.

Kunjungan beliau disambut oleh Ketua Pengarah JPPKK, YBrs. Ts. Zainab Ahmad serta pihak pengurusan tertinggi jabatan. Dalam sesi ini, YB Timbalan Menteri diberi penerangan dan taklimat ringkas berkenaan JPPKK dan perkembangan kesiapsiagaan untuk menerima kemasukan pelajar pada Oktober 2021.

Hadir pada lawatan rasmi ini juga ialah YBhg. Datuk Dr. Rosli Yaakub, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Pendidikan TVET Mendapat Tempat di Hati Pelajar Orang Asli

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah mengadakan Program Penyerahan Surat Tawaran Kemasukan Pelajar ke Kolej Komuniti dan Penyerahan Biasiswa Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) kepada pelajar orang Asli.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKOA, YBrs. Puan Hajah Sapiah Dato' Mohd Nor. Turut hadir memeriahkan program ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBrs. Prof. Ir. Dr. Robiah Yunus dan Timbalan Ketua Pengarah (Governan) JPPKK, YBrs. Ts. Haji Mohamad Amin Hamat. Program yang dilaksanakan secara NBOS ini melibatkan penyertaan daripada JAKOA dan JPPKK. Program ini berlangsung di Dewan Orang Ramai, Pos Hendrop, Gua Musang, Kelantan.

Program adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 di bawah Inisiatif #57: Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi yang dilaksanakan bagi memastikan ekuiti iaitu kesamaratan akses pendidikan murid orang Asli dan Peribumi seiring dengan pendidikan arus perdana. Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan kemahiran baharu di samping peningkatkan nilai, etika dan rasa tanggungjawab sebagai seorang warganegara.

Seramai 45 pelajar yang terdiri daripada 13 Orang Asli ditawarkan tempat di Kolej Komuniti Raub, manakala 32 orang pelajar pula ditawarkan tempat di Kolej Komuniti Gerik dan akan memulakan pengajian dalam pelbagai bidang kemahiran selama dua tahun. Kolej Komuniti telah mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila menerima kemasukan pelajar orang Asli paling ramai pada kali ini.

Lawatan Kerja Menteri Pengajian Tinggi ke Kampus Satelit Kolej Komuniti @ Parit Sulong

Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke Kampus Satelit Kolej Komuniti@ Parit Sulong pada 22 Oktober 2021 bertempat di Taman Industri D'Cabin Medan Niaga Seri Sulong, Parit Sulong, Johor.

Antara aktiviti yang diadakan sempena lawatan ini ialah sesi taklimat ringkas oleh Caretaker Kampus Satelit Kolej Komuniti@ Parit Sulong, Encik Shahrulnizam Siran. Program Sukarelawan TVET PolyCC@ Community yang melibatkan pembaikan empat (4) buah rumah asnaf di kawasan Parit Sulong yang bermula pada 15 Februari 2021 dan siap sepenuhnya pada pada 20 Mac 2021.

Ketua Pengarah (Perancangan) JPPKK, YBrs. Dr. Zubaidah Aman, Pengarah Bahagian Perancangan Program dan Institusi JPPKK, Tuan Haji Muhammad Rumzi Mamat, pegawai-pegawai kanan KPT dan agensi persekutuan serta ketua-ketua jabatan daerah Batu Pahat.

Sebagai simbolik kepada lawatan kerja beliau, YB Menteri telah menandatangani plak perasmian Kampus Satelit Kolej Komuniti@ Parit Sulong dan menyerahkan kit promosi kepada wakil komuniti melalui sembilan (9) orang penghulu sekitar Parit Sulong.

Turut hadir pada lawatan kerja ini ialah Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), YBrs. Dr. Mohd Zabri Yusoff, Ketua Pengarah JPPKK, YBrs. Ts. Zainab Ahmad, Timbalan

Persidangan Meja Bulat Menteri Pengajian Tinggi dan Mesyuarat Majlis Penasihat Industri JPPKK

Persidangan Meja Bulat dan Mesyuarat Penasihat Industri JPPKK tahun 2021 telah dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi di Putrajaya.

Seramai 21 peneraju industri telah dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Industri JPPKK dari sembilan (9) bidang utama program-program yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti. YBhg. Tan Sri Dato' Sufri Hj. Md Zin telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Industri JPPKK menggantikan YBhg. Tan Sri Dato' Azman Dato' Haron Shah yang telah menyumbang khidmat bakti beliau sejak Majlis Penasihat Industri JPPKK ditubuhkan pada April 2008.

Pada sesi sama turut diadakan penyerahan Sijil Penghargaan Ahli Majlis Penasihat Industri JPPKK 2018-2020 dan penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Penasihat Industri JPPKK 2021-2023. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Datuk Seri. Dr. Mazlan Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, YBrs. Dr. Mohd. Zabri Yusoff, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Prof. Dr. Husaini Omar, Ketua Pengarah JPPKK, YBrs. Ts. Zainab Ahmad dan Kumpulan Fokus Industri MTVET.

Visi yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pelancongan Langkawi untuk menjadikan LTA@KKLK sebagai sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf dunia, yang bukan sahaja menawarkan program pengajian pelancongan yang berkualiti tinggi tetapi juga memiliki prasarana yang lengkap serta kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran.

Turut serta dalam lawatan kerja ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, YBrs. Dr. Mohd Zabri bin Yusoff dan Ketua Pengarah JPPKK, YBrs. Ts. Zainab Ahmad, Pengarah LTA@KKLK, Puan Haslinda binti Abd Hamid, Pegawai Daerah Langkawi, YBrs. Tuan Haji Saiful Anwar bin Azmi, AMK.,BCK., Jurutera JKR Daerah Langkawi, Tuan Haji Ahmad Lokman bin Saidin serta Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Utara.

Majlis *'Flag Off'* Team Petanque PolyCC @ KPT Malaysia ke *Petanque World Championship 2021*

Ketua Pengarah JPPKK, YBrs. Ts. Zainab Ahmad telah merasmikan Majlis '*Flag Off*' Team Petanque PolyCC @ KPT Malaysia pada 15 November 2021 yang lalu di Menara KPT.

Seramai empat orang atlet dari politeknik dan kolej komuniti mewakili pasukan Malaysia ke *Petanque World Championship* 2021 yang berlangsung pada 16 hingga 23 November 2021 di Santa Susanna, Barcelona, Spain. Kejohanan kali ini akan melibatkan sekurang-kurangnya 40 negara dari serata dunia. Kewujudan negara-negara gergasi petanque dari setiap benua seperti Perancis, Thailand, Madagascar, Sepanyol dan Itali pasti akan menjadikan kejohanan kali ini sangat kompetitif.

Walaupun misi kali ini amat mencabar, namun dengan adanya atlet-atlet yang terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti dan Politeknik Malaysia, diharapkan generasi- generasi TVET di Malaysia dapat memastikan slogan "*The Thinking Athlete*" sebagai satu realiti.

Peneraju bagi pertandingan ini ialah JPPKK, Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM) dan Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) dengan kerjasama Malaysia Boules Sport Federation (MBSF), Mesuma Sports, Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia serta Majlis Sukan Politeknik (MSP).

Turut hadir pada majlis ini ialah Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar KPT, YBrs. Dr. Pekan Ramli, Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK, Encik Roslee Yahya serta pegawai-pegawai dari KPT dan JPPKK.

AGENSI

1 **Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

2 **Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)**

3 **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

4 ***Education Malaysia Global Services (EMGS)***

5 **Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)**

AGENSI **KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**

Latar Belakang

Agensi Kelayakan Malaysia (***Malaysian Qualifications Agency***, MQA) telah ditubuhkan pada 1 November 2007 selaras dengan penguatkuasaan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679). Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (***Malaysian Qualifications Framework,*** MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan. Justeru, MQA berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.

VISI

Menjadi agensi berautoriti global dalam kelayakan dan jaminan kualiti pendidikan tinggi

MISI

Memperkasa sistem kelayakan kebangsaan dan jaminan kualiti yang diiktiraf serta menjadi rujukan utama di peringkat antarabangsa

FUNGSI MQA

- Melaksanakan MQF sebagai titik rujukan kelayakan Malaysia
- Membangunkan kriteria dan standard sebagai rujukan kebangsaan bagi penganugerahan kelayakan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan
- Menjamin kualiti institusi-institusi dan program-program pendidikan tinggi
- Memberikan perakuan akreditasi kepada program-program yang memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan
- Memudah cara pengiktirafan dan penyetaraan kelayakan
- Mengendalikan Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR)

DASAR-DASAR YANG DILAKSANAKAN

MQA telah mengeluarkan pekeliling, surat pekeliling dan surat makluman berkaitan isu dan dasar pendidikan tinggi sebagai rujukan kepada pihak berkepentingan. Kesemua dokumen tersebut boleh diakses melalui portal MQA. Senarai pekeliling dan surat pekeliling adalah seperti di **Jadual 1** manakala senarai surat makluman adalah seperti di **Jadual 2**:

Jadual 1: Senarai Pekeliling dan Surat Pekeliling MQA.

Bil.	Perkara	Sumber Rujukan
	PEKELILING	
1.	Penggunaan Edisi Terkini Standard Program: Pengajian Perniagaan	Pekeliling MQA Bil. 1/2021 bertarikh 27 Ogos 2021
2.	Penggunaan Standard Program: Teknologi Multimedia Kreatif (Edisi Terkini Bagi Standard Program: Multimedia Kreatif)	Pekeliling MQA Bil. 2/2021 bertarikh 27 Oktober 2021
3.	Penggunaan Edisi Terkini Standard Program: Perubatan Tradisional dan Komplementari	Pekeliling MQA Bil. 3/2021 bertarikh 29 Oktober 2021
	PEKELILING	
1.	Penggunaan Edisi Terkini Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran	Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2021 bertarikh 24 Mac 2021
2.	Penambahbaikan Syarat Kelayakan Masuk Ijazah Sarjana dalam Standard Program: Bahasa	Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2021 bertarikh 31 Mac 2021
3.	Pindaan Borang Permohonan Penyenaraian dan Pendaftaran Program yang melalui Akreditasi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Berstatus Swaakreditasi	Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2021 Bertarikh 14 Jun 2021
4.	Penambahbaikan Syarat Kelayakan Masuk ke Program Ijazah Sarjana Muda dalam Standard Program: Undang-Undang dan Perundangan Syariah	Pekeliling MQA Bil. 4/2021 bertarikh 27 Ogos 2021

Jadual 2: Senarai Surat Makluman MQA.

Bil.	Perkara	Sumber Rujukan
1.	Tempoh Transisi Pematuhan Standard TVET dalam Kod Amalan Akreditasi Program TVET	Surat Makluman MQA Bil. 1/2021 bertarikh 14 Januari 2021
2.	Pengemaskinian Istilah *Academic Residential Requirement*	Surat Makluman MQA Bil. 2/2021 bertarikh 21 Januari 2021
3.	Penjajaran Hasil Pembelajaran dalam Standard Program kepada Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua bagi: i. Standard Program: Pendidikan ii. Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-Kanak iii. Standard Program: Undang-Undang dan Perundangan Syariah	Surat Makluman MQA Bil. 3/2021 bertarikh 26 Februari 2021
4.	Penggunaan Istilah yang Merujuk kepada Tahap Kelayakan MQF pada Penamaan Program	Surat Makluman MQA Bil. 4/2021 bertarikh 14 April 2021
5.	Penilaian Program Mod Penawaran Industri (2u2i) dan Dokumen Penilaian Kendiri	Surat Makluman MQA Bil. 5/2021 bertarikh 18 Mei 2021
6.	Pemakaian Format Laporan Tambahan APP bagi Penilaian Program Mod Penawaran Industri (2u2i)	Surat Makluman MQA Bil. 6/2021 bertarikh 18 Mei 2021
7.	Penambahbaikan Pindah Kredit *Massive Open Online Courses (MOOC)* dengan Gred	Surat Makluman MQA Bil. 7/2021 bertarikh 18 Mei 2021
8.	Kriteria untuk Dipelawa sebagai Pusat Penilaian APEL.A	Surat Makluman MQA Bil. 8/2021 bertarikh 27 Mei 2021
9.	*APEL.A Learners' Handbook (Certificate, Diploma, Bachelor's Degree And Master's Degree) Second Edition*	Surat Makluman MQA Bil. 9/2021 bertarikh 14 Jun 2021
10.	Permohonan Nilai Taraf Kelayakan bagi Kesetaraan dengan MQF	Surat Makluman MQA Bil. 10/2021 bertarikh 30 Julai 2021
11.	Permohonan Penilaian Program Berasingan untuk Kaedah Pengajian Secara Sepenuh Masa dan Separuh Masa oleh *Board of Engineers Malaysia (BEM)* dan *Board of Quantity Surveyors Malaysia (BQSM)*	Surat Makluman MQA Bil. 11/2021 bertarikh 3 Ogos 2021
12.	Bilangan Sesi Pengambilan Pelajar dalam Satu Tahun Pengajian bagi Program Pascasiswazah dengan Struktur Modular	Surat Makluman MQA Bil. 12/2021 bertarikh 30 September 2021
13.	*Guidelines: Graduate Certificate in TVET Teaching Competency*	Surat Makluman MQA Bil. 13/2021 bertarikh 4 Oktober 2021
14.	Hala Tuju dan Keperluan Penawaran Program Sijil Tahap 3 MQF	Surat Makluman MQA Bil. 14/2021 bertarikh 11 Oktober 2021
15.	Permohonan Akreditasi Penuh Program oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Kepada Agensi Kelayakan Malaysia	Surat Makluman MQA Bil. 15/2021 bertarikh 28 Oktober 2021

16.	Penambahbaikan Dasar Jaminan Kualiti Program Pengajian Luar Negara yang Ditawarkan secara Kerjasama dengan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Tempatan	Surat Makluman MQA Bil. 16/2021 bertarikh 8 November 2021
17.	Penerangan Terma 'Pengalaman Industri' dan 'Latihan Sangkutan Industri' bagi Standard Tenaga Pengajar dalam *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* Edisi Kedua	Surat Makluman MQA Bil. 17/2021 bertarikh 3 Disember 2021
18.	Keperluan Menggunakan NEC 2020 bagi Semua Peringkat Permohonan oleh PPT Kepada MQA	Surat Makluman MQA Bil. 18/2021 bertarikh 20 Disember 2021

Berdasarkan situasi pandemik COVID-19 yang masih belum reda, MQA telah mengambil inisiatif membangunkan empat (4) panduan sebagai penambahbaikan kepada panduan pengendalian program semasa dan pasca PKP yang telah dikeluarkan pada tahun 2020. Panduan dalam bentuk *Advisory Note* yang telah dikeluarkan adalah seperti di **Jadual 3.**

Jadual 3: Senarai *Advisory Notes* MQA 2020.

Bil.	Perkara
1.	*Advisory Note* MQA Bil. 1/2021 bertarikh 13 Januari 2021: Panduan Pindah Kredit Program Secara Horizontal Bagi Pelajar Universiti Luar Negara ke Pemberi Pendidikan Tinggi di Malaysia
2.	*Advisory Note* MQA Bil. 2/2021 bertarikh 8 Februari 2021: Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Perintah Kawalan Pergerakan
3.	*Advisory Note* MQA Bil. 4/2021 bertarikh 7 April 2021: Panduan Kemasukan Pelajar Tempatan Akibat Penangguhan/Pembatalan Ujian Kompetensi Bahasa Inggeris Tempatan – ***Malaysia University English Test*** (MUET)
4.	*Advisory Note* MQA Bil. 5/2021 bertarikh 17 Ogos 2021: Fleksibiliti Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Perintah Kawalan Pergerakan

Program Utama dan Pencapaian Tahun 2021

MQA telah berjaya melaksanakan program yang menjadi keutamaan sepanjang tahun 2021 yang mana program-program tersebut adalah selaras dengan fungsi yang diperuntukkan di bawah Akta MQA 2007 (Akta 679) seperti berikut:

Pelaksanaan Penilaian Akreditasi Program

MQA berperanan melaksanakan penilaian jaminan kualiti program bagi memastikan kualiti penawaran program oleh PPT memenuhi MQF, standard dan kriteria jaminan kualiti yang ditetapkan. Peringkat penilaian program ini dibahagikan kepada Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Pematuhan Akreditasi Penuh.

Akreditasi Sementara

Akreditasi sementara merupakan penilaian bagi mengesahkan bahawa suatu program yang ingin ditawarkan oleh PPT telah menepati keperluan kualiti minimum sebelum kelulusan pengendalian program yang diberikan oleh pihak Kementerian. Fokus penilaian Akreditasi Sementara adalah pada reka bentuk kurikulum program, perancangan pengendalian dan kesediaan kemudahan serta staf akademik berdasarkan keperluan standard yang ditetapkan.

Akreditasi Penuh

Akreditasi penuh merupakan penilaian untuk memastikan bahawa pengajaran, pembelajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan sesuatu program yang ditawarkan oleh PPT telah menepati standard kualiti dan mematuhi MQF.

Proses Penilaian Akreditasi sembilan (9) minggu

MQA telah memperkenalkan proses penilaian akreditasi berdasarkan piagam sembilan (9) minggu untuk akreditasi sementara dan akreditasi penuh bermula 1 Julai 2019. Piagam sembilan (9) minggu bermula dari pengesahan dokumen lengkap sehingga siaran keputusan di Portal MQA. Walau bagaimanapun, proses kerja sembilan (9) minggu ini tidak terpakai bagi permohonan program profesional, permohonan program secara pukal, permohonan program bidang baharu/kritikal dan permohonan program dengan perhatian khusus kerana program sebegini mempunyai pelbagai elemen di luar kawalan MQA. Pelaksanaan proses penilaian akreditasi sembilan (9) minggu ini telah menunjukkan pencapaian yang positif pada tahun 2021. Dari aspek pengurusan MQA, ia telah meningkatkan lagi kecekapan dari segi pemprosesan dan membolehkan pemantauan yang lebih berkesan. Ini kerana setiap permohonan yang diterima daripada PPT diproses berdasarkan tempoh pemprosesan atau *cycle* yang ditetapkan.

Ahli Panel Penilai (APP) dan PPT dapat membuat perancangan awal dan persediaan yang lebih menyeluruh berdasarkan takwim yang telah dikeluarkan.

Secara keseluruhannya, MQA telah berjaya memproses sebanyak 479 program di peringkat Akreditasi Sementara dan 707 program di peringkat Akreditasi Penuh pada tahun 2021.

Berdasarkan penilaian di bawah piagam 9 minggu, MQA telah berjaya mencatatkan pencapaian sebanyak 97% untuk Akreditasi Sementara dan 100% untuk Akreditasi Penuh.

Pencapaian akreditasi sementara dan akreditasi penuh bagi tahun 2021 berdasarkan piagam 9 minggu adalah seperti di **Jadual 4** dan **Jadual 5**:

Jadual 4: Pencapaian Akreditasi Sementara.

AKREDITASI SEMENTARA		
Sasaran	**Jumlah Selesai Proses**	**Pencapaian**
460 *programmes*	479 *programmes*	97%

Jadual 5: Pencapaian Akreditasi Penuh.

AKREDITASI PENUH		
Sasaran	**Jumlah Selesai Proses**	**Pencapaian**
600 *programmes*	707 *programmes*	100%

MQA kini sedang melaksanakan satu kajian dalam kalangan pihak berkepentingan berkenaan pelaksanaan proses sembilan (9) minggu bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan proses.

Pada tahun 2021 juga, MQA telah berjaya menyelesaikan sebanyak 322 program bagi pemantauan syarat Akreditasi Sementara dan sebanyak 382 program bagi pemantauan syarat Akreditasi.

***Malaysian Qualifications Agency Virtual Audit* (MQAVA)**

Bagi memastikan operasi utama MQA tidak terjejas semasa pandemik COVID-19, pelaksanaan kaedah penilaian akreditasi secara dalam talian iaitu *Malaysian Qualifications Agency Virtual Audit* (MQAVA), yang diperkenalkan pada tahun 2020, diteruskan pada tahun 2021. Semasa pelaksanaan MQAVA, interaksi antara PPT, APP dan pegawai MQA berlaku secara dalam talian dari lokasi masing-masing tanpa keperluan pergerakan secara fizikal APP dan pegawai MQA ke premis/lokasi PPT.

Penilaian secara dalam talian ini sesuai dilaksanakan berikutan ketidaktentuan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa dalam fasa dan zon yang berbeza di seluruh negara.

MQAVA dibangunkan oleh MQA berdasarkan penandaarasan yang dilaksanakan dengan Badan Jaminan Kualiti Antarabangsa seperti Netherlands, Jepun, Hong Kong dan Indonesia dan diadaptasi mengikut kesesuaian keperluan MQA dan situasi ekosistem pendidikan tinggi dalam negara. Bagi memastikan pelaksanaan MQAVA berjalan dengan lancar, MQA telah mengeluarkan satu Garis Panduan Pelaksanaan MQAVA yang boleh diguna pakai oleh PPT, APP dan pegawai MQA yang terlibat dalam persediaan keperluan penilaian secara dalam talian. Panduan ini turut menjadi rujukan dan diadaptasi oleh beberapa badan profesional dalam negara bagi membangunkan manual pelaksanaan audit secara dalam talian.

Sepanjang tahun 2021, MQA telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dan juga badan profesional bagi memberikan pendedahan terhadap kaedah penilaian baharu ini di samping memudah cara pelaksanaan MQAVA. Di samping itu, satu seminar dalam talian yang bertemakan MQAVA: Keterujaan, Inspirasi dan Motivasi telah dianjurkan oleh MQA bagi mengutarakan perkongsian pengalaman pelaksanaan MQAVA dari perspektif PPT, APP dan juga pegawai MQA.

Pada tahun ini juga, MQA turut menjalankan kajian impak terhadap pelaksanaan MQAVA dalam kalangan PPT, APP dan pegawainya. Hasil kajian mendapati walaupun kaedah penilaian baharu ini memerlukan inisiatif tambahan dan menimbulkan pelbagai cabaran, namun kesemua pihak berkepentingan bersetuju bahawa MQAVA membolehkan penilaian akreditasi diteruskan demi kepentingan pelajar. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati pelaksanaan MQAVA telah memberikan satu impak yang positif kepada pihak berkepentingan. Beberapa cadangan penambahbaikan turut dikenal pasti dari kajian ini. Berdasarkan hasil kajian ini, MQA akan membuat penambahbaikan terhadap proses MQAVA yang sedia ada dan memperkenalkan kaedah penilaian secara hibrid pada masa hadapan.

Sepanjang tahun 2021, MQA telah berjaya menyelesaikan sejumlah 456 program di peringkat akreditasi sementara, akreditasi penuh, pematuhan akreditasi dan pemantauan syarat akreditasi melalui penilaian secara MQAVA; menjadikan jumlah keseluruhan program yang dinilai secara dalam talian sebanyak 522 program sehingga 31 Disember 2021.

Pematuhan Akreditasi Penuh

Program yang telah mendapat perakuan akreditasi penuh akan dikenakan proses penilaian pematuhan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun. Penilaian pematuhan ini dibuat terhadap program-program yang telah mendapat akreditasi penuh (*full accreditation*, FA) dilaksanakan mengikut fasa tertentu. Audit Pematuhan Akreditasi Penuh Program Fasa Pertama dan Kedua telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan 2015. Proses Audit Pematuhan Fasa Pertama telah selesai diproses pada tahun 2015 manakala sebahagian proses penilaian bagi fasa kedua yang melibatkan sebanyak 641 program masih berterusan sehingga tahun 2021.

Daripada jumlah keseluruhan fasa kedua, sebanyak 12% program telah dihentikan penawarannya, 87.5% program telah selesai diproses dan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) manakala baki program telah diberi penangguhan khas dan dijangka diselesaikan pada awal 2022.

Bagi meningkatkan pengurusan permohonan secara lebih berkesan, Audit Pematuhan Akreditasi Penuh Program Fasa Ketiga dilaksanakan dengan lebih terancang menerusi kaedah permohonan berjadual bermula pada 2018. Sebanyak 646 program yang terlibat telah dipecahkan kepada tiga (3) tahun penerimaan permohonan. Pecahan program dilaksanakan seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PROGRAM
2018	238
2019	244
2020	164
JUMLAH	**646**

Sebanyak 594 program telah diterima untuk diproses, 68.1% selesai dibentangkan di MJA sehingga tahun 2021, sementara baki selebihnya dijangka diselesaikan pada tahun 2022.

Audit Pematuhan Akreditasi Penuh Program Fasa Keempat pula telah melibatkan sebanyak 1,664 program dari 378 PPT. Dengan menggunakan pendekatan kaedah permohonan berjadual mengikut pecahan kumpulan, program tersebut telah dipecahkan kepada tiga tahun penerimaan, iaitu seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PROGRAM
2020	634
2021	624
2022	406
JUMLAH	**1,664**

PKP yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 telah mengekang beberapa aktiviti penilaian dan mengakibatkan banyak PPT memohon penjadualan semula untuk proses pematuhan kerana PPT mengalami kesukaran menyedia dan menghantar dokumen permohonan dalam tempoh yang ditetapkan. MQA dijangka akan menyelesaikan audit pematuhan bagi kumpulan 1 Fasa 4 pada tahun 2022 dan 2023.

Audit Surveillance ke atas PPT Berstatus Swaakreditasi

Pada tahun 2021, MQA telah melaksanakan audit *surveillance* ke atas kesemua 19 PPT berstatus Swaakreditasi. Tujuan utama audit ini diadakan adalah untuk memastikan ketekalan data dan maklumat program yang didaftarkan dalam MQR. Sehubungan itu, skop audit *surveillance* pada kali ini hanya tertumpu kepada prestasi PPT berkaitan pengurusan data program. Dalam melaksanakan Audit *Surveillance* ini, 19 PPT Swaakreditasi dibahagikan kepada dua kelompok iaitu:

Audit Surveillance Cycle 1

No.	PPT	Tarikh Audit
1.	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	23 Mac 2021
2.	International Medical University (IMU)	24 Mac 2021
3.	Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)	25 Mac 2021
4.	Universiti Multimedia (MMU)	1 April 2021
5.	Universiti Islam Antarabangsa (IIUM)	2 April 2021
6.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	31 Mac 2021 & 21 April 2021

Audit Surveillance Cycle 2

Bil.	PPT	Tarikh Audit
1.	Swinburne University of Technology Sarawak Campus	6 Ogos 2021
2.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	9 Ogos 2021
3.	Monash University Malaysia	12 Ogos 2021
4.	Curtin University Malaysia	17 Ogos 2021
5.	Universiti Nottingham Malaysia	20 Ogos 2021
6.	Universiti Sains Malaysia (USM)	25 Ogos 2021
7.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	27 Ogos 2021
8.	Universiti Malaya (UM)	30 Ogos 2021
9.	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	22 September 2021
10.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	27 September 2021
11.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysia France Institute (UniKL- MFI)	30 September 2021
12.	Universiti Kuala Lumpur - Kampus Kota (UniKL - Kampus Kota)	30 September 2021
13.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	6 Oktober 2021

Aktiviti audit seumpama ini dipercayai dapat memastikan data program di PPT swaakreditasi sentiasa tekal dan selari dengan data rasmi di MQA. Keselarasan data di PPT dengan data di portal Swaakreditasi dan MQR adalah penting bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pihak berkepentingan.

Penyenaraian dan Pendaftaran Program-program Kendalian PPT Swaakreditasi

Sungguhpun PPT berstatus swaakreditasi diberi tanggungjawab untuk melaksanakan penilaian akreditasi sementara dan akreditasi penuh secara kendiri, namun PPT berstatus swaakreditasi masih perlu melalui proses untuk mendaftarkan program masing-masing di portal swaakreditasi dan MQR.

Penting bagi PPT berstatus Swaakreditasi memastikan kesemua program yang ditawarkan tersenarai di platform yang menjadi rujukan pihak awam dalam dan luar negara kerana ia akan memudahkan proses berkaitan perlantikan jawatan, mobiliti pelajar serta pengiktirafan graduan. Sejumlah 70 program telah didaftarkan pada Portal Swaakreditasi bagi program PA dan 187 program yang telah didaftarkan dalam MQR sepanjang tahun 2021. Terdapat peningkatan sebanyak 7.5% peningkatan bilangan program yang diproses dalam aktiviti ini pada tahun 2020.

Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET

MQA memberikan sokongan yang berterusan terhadap agenda pemerkasaan TVET negara melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan di bawah inisiatif 'Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualti Tunggal TVET' secara bersama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Fasa Ke-3 *Townhall Sessions* yang diadakan pada April dan Mei 2021 memberikan pendedahan langsung kepada PPT berkaitan penyediaan dokumen permohonan program TVET dan pemilihan *Occupational/Industry Standards and Practices* (OISP) sebagai asas dalam pembangunan kurikulum program TVET. PPT juga diberi penjelasan tentang tempoh transisi selama lima (5) tahun sehingga 2025 yang diberikan ke atas pematuhan Standard TVET berkaitan Tenaga Pengajar dan Sumber Pendidikan setelah mengambil kira kekangan yang dihadapi oleh PPT dan Penyedia TVET dari aspek kewangan, masa dan tenaga pengajar.

Pada Oktober 2021, MQA telah menerbitkan *Guidelines: Graduate Certificate in Technical and Vocational Education and Training (TVET) Teaching Competency* sebagai panduan yang komprehensif kepada PPT dalam membangunkan dan menawarkan program kompetensi mengajar sebagai menyokong keperluan tenaga pengajar TVET yang telah ditetapkan dalam *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA) Edisi Kedua.

Pada Disember 2021, MQA dan JPK telah memperincikan penerangan bagi terma 'pengalaman industri' dan 'latihan sangkutan industri' yang dinyatakan dalam COPTPA Edisi Kedua supaya lebih fleksibel, praktikal dan mudah difahami oleh PPT dan Penyedia TVET.

Pelaksanaan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning* – APEL)

A APEL Bagi Tujuan Akses – APEL.A

MQA dengan kerjasama Pusat Penilaian APEL (PPA) dari semasa ke semasa telah mempergiatkan usaha dalam mempromosikan APEL bagi tujuan akses ke program peringkat Sijil (APEL T-3), Diploma (APEL T-4), Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6) dan Sarjana (APEL T-7).

Pada tahun 2021, MQA telah menerima 4,642 permohonan APEL.A bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2021 seperti ditunjukkan di Carta 1. Manakala Carta 2 pula menunjukkan bilangan permohonan APEL.A mengikut peringkat.



Carta 1: Jumlah permohonan APEL.A berdasarkan tahun.



Carta 2: Bilangan permohonan APEL.A Mengikut peringkat.

Daripada 4,642 permohonan APEL.A ini, seramai 1,427 calon telah lulus dan menerima Sijil APEL mengikut peringkat kemasukan seperti di Carta 3:



Carta 3: Bilangan calon lulus penilaian APEL.A.

Kunjungan YB Menteri Pengajian Tinggi dan Delegasi ke MQA

MQA telah menerima kunjungan YB Menteri Pengajian Tinggi dan delegasi ke MQA pada 5 Januari 2021. Pada kunjungan ini, Ketua Pegawai Eksekutif MQA telah membentangkan Pencapaian MQA 2020 dan Hala tuju MQA bagi tahun 2021. MQA turut mengadakan Pelancaran APEL.A Apps dan Sesi Pelantikan Ikon APEL.A.

YB Menteri Pengajian Tinggi Menandatangani Plak Pelancaran APEL.A Apps.

YB Menteri Pengajian Tinggi melancarkan gimik pelancaran APEL.A Apps.

Pelancaran APEL.A Apps

MQA amat berbesar hati apabila APEL.A Apps yang dibangunkan oleh MQA telah dilancarkan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi. APEL.A Apps ini merupakan akses mudah, pantas dan di hujung jari yang memudahkan pemohon untuk membuat permohonan serta semakan mengenai APEL.A.

Pelantikan Ikon APEL.A

MQA telah melantik tiga orang calon APEL yang telah lulus penilaian APEL bagi kemasukan program Ijazah Sarjana (APEL T-7) dan telah berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana sebagai Ikon APEL.A yang dilantik ialah Dr. Jamsari Atan, Encik Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof (Raja Gambus) dan Encik Eizaz Azhar.

Sesi bergambar bersama Ikon APEL.A.

Persembahan graduan APEL.A, Encik Eizaz Azhar.

Tujuan pelantikan ikon ini adalah untuk meningkatkan kebolehpercayaan orang awam terhadap peluang setiap individu dalam mendapatkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Kisah kejayaan ikon APEL ini tentunya akan mendorong individu itu untuk terus menimba ilmu.

B APEL Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit – APEL.C

APEL bagi tujuan penganugerahan kredit (APEL.C) telah diperkenalkan pada bulan September 2016. Pada tahun 2021, MQA telah menerima sembilan (9) permohonan daripada PPT yang ingin melaksanakan APEL.C, menjadikan keseluruhan sebanyak 17 permohonan yang masih dalam proses penilaian. Berdasarkan permohonan tersebut, sehingga Disember 2021, empat (4) PPT telah mendapat kelulusan daripada MQA untuk melaksanakan APEL.C seperti di Jadual 6, menjadikan keseluruhannya 35 PPT yang telah mendapatkan kelulusan APEL.C. Dengan kelulusan yang diperolehi, PPT tersebut boleh mengiktiraf pengalaman pembelajaran dan himpunan kursus pendek yang diambil oleh pelajar bagi tujuan penganugerahan kredit kursus dalam program akademik yang diikuti. Senarai penuh PPT yang telah mendapat kelulusan APEL.C boleh dirujuk di Portal APEL MQA.

Jadual 6:
PPT yang mendapat kelulusan menjalankan APEL.C tahun 2021.

Bil.	NAMA PPT
1.	Kolej DOMA
2.	Kolej Universiti New Era
3.	Majlis Optik Malaysia (MOM)
4.	Universiti Teknologi Malaysia

C *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) bagi tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik (APEL.Q)

Sebagai kesinambungan pelaksanaan APEL.A dan APEL.C di Malaysia dan bagi mengiktiraf pengalaman pembelajaran seseorang, maka APEL bagi tujuan penganugerahan kelayakan akademik (APEL.Q) telah diperkenalkan pada tahun 2020. Fokus APEL.Q adalah kepada penganugerahan kelayakan akademik tanpa memerlukan calon untuk mengikuti keseluruhan tempoh pengajian.

Pelaksanaan APEL.Q dimulakan dengan pembangunan dasar APEL.Q, diikuti dengan pembangunan panduan pelaksanaan APEL.Q dan seterusnya instrumen penilaian APEL.Q. Ketiga-tiga elemen ini telah dirangkumkan dalam satu dokumen, iaitu Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik *(Guideline to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Award of Academic Qualifications, GGP: APEL.Q)*. GGP: APEL.Q telah diterbitkan melalui pekeliling MQA Bil. 5/2020 bertarikh 24 Disember dan penguatkuasaanya bermula 1 Julai 2022.

Bagi memastikan APEL.Q ini dapat difahami, dihayati dan dilaksanakan dengan baik, sesi pengkongsian dan penerangan secara dalam talian telah dijalankan oleh MQA. MQA juga telah menjalankan kajian rintis pelaksanaan APEL.Q. Pada tahun 2021, PPT rintis telah diberikan kelulusan untuk menjalankan APEL.Q seperti Jadual 7:

Jadual 7: Senarai PPT Rintis dan program di bawah Akreditasi APEL.Q bagi tahun 2021.

NAMA PPT	NAMA PROGRAM
HELP University university of achievers	• Doktor Pentadbiran Perniagaan (A8927) • Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (A5957) • Ijazah Sarjana Keusahawanan (A6246) • *Master of Science in Economic Crime Management* (A8877)
OUM OPEN UNIVERSITY MALAYSIA	• Sarjana Teknologi Maklumat (A9815) • Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian (A6009) • Sarjana Muda Pengurusan Pembuatan dengan Kepujiaan (A9206) • Sarjana Muda Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian (A9362)
SEGi University	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (MQA/FA4282)
Universiti Kebangsaan Malaysia National University of Malaysia	• Sarjana Pengurusan Keselamatan Industri (MQA/SWA0713) • Sarjana Keselamatan Siber (MQA/SWA12938)
Universiti Pendidikan Sultan Idris SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY	Diploma Keusahawanan (MQA/FA0322)

Melalui usaha-usaha yang telah dijalankan ini, dijangka APEL dapat menjayakan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat, seperti mana yang dihasratkan oleh pihak KPT.

Micro-credentials

Bagi meraikan inovasi dalam pendidikan tinggi yang fleksibel, MQA telah menerbitkan Garis Panduan Amalan Baik: *Micro-credentials* (GGP: *Micro-credentials*) pada 10 Ogos 2020 yang mengandungi dasar berkaitan *Micro-credentials*. GGP: *Micro-credentials* juga menjelaskan pelaksanaan dua (2) jenis *Micro-credentials,* iaitu *Micro-credentials* yang dilaksanakan melalui kursus yang dipecah kecil daripada program akreditasi yang membawa kepada penganugerahan kelayakan formal dan *Stand-alone Micro-credentials* yang tidak membawa kepada kelayakan formal.

Pelaksanaan *Micro-credentials* ini dijangka memberikan impak positif ke atas sistem pendidikan tinggi negara di mana ianya dapat memberikan peluang kepada individu terutamanya mereka yang bekerja untuk meningkatkan kemahiran spesifik yang disyaratkan oleh industri dalam tempoh yang singkat serta mampu menutup jurang kemahiran (*skills gap*) yang disebabkan oleh perkembangan teknologi dan pengetahuan masa kini yang sangat pantas.

Kesinambungan daripada penerbitan GGP: *Micro-credentials* ini, Garis Panduan Amalan Baik: *Stand-alone Micro-credentials* (GGP:SAMC) sedang dibangunkan bagi memperincikan dasar dan pelaksanaan kursus *Stand-alone Micro-credentials*.

Justeru, antara cadangan dasar SAMC ialah pembangunan mekanisme verifikasi bagi setiap kursus *Stand-alone Micro-credentials* dan pengesahan hubung kait dengan tahap MQF.

Permohonan kursus *Stand-alone Micro-credentials* bagi tujuan verifikasi akan dibuka kepada semua entiti yang merangkumi badan yang diberi kuasa, agensi kerajaan, pemberi pendidikan tinggi, pusat latihan dan mereka yang berdaftar secara sah dengan pihak berkuasa yang berkaitan.

Sehingga 31 Disember 2021, berdasarkan rekod, MQA telah menerima sebanyak 10,941 pemakluman penawaran kursus *Micro-credentials* daripada program yang telah diakreditasi oleh 55 PPT.

Pembangunan, Penjajaran dan Semakan Semula Dokumen Jaminan Kualiti

A *Guidelines: Graduate Certificate in Technical and Vocational Education and Training (TVET) Teaching Competency*



Selaras dengan penguatkuasaan COPTPA Edisi Kedua, semua tenaga pengajar yang mengajar program TVET perlu mempunyai kelayakan *TVET Teaching Competency* di samping kelayakan formal dan pengalaman kerja berkaitan. Sehubungan itu, MQA telah membangunkan *Guidelines: Graduate Certificate in Technical and Vocational Education and Training (TVET) Teaching Competency* pada tahun 2021 dan mendapat kelulusan Majlis MQA pada 7 September 2021.

Garis panduan ini dibangunkan berdasarkan Standard Pendidik TVET Malaysia (*Malaysia TVET Educator standard*) 2018, KPT yang menjadi asas meningkatkan kualiti tenaga pengajar TVET. Selain dari itu, MQA juga telah merujuk kepada dokumen '*TVET Implementation and Development Level 5*' (P853 - 001-5:2017) dari JPK serta '*The Regional IVET Teacher standard for ASEAN*'.

Pembangunan garis panduan ini telah mengambil kira penjajaran terhadap dokumen MQF Edisi Kedua, COPPA Edisi Kedua dan COPTPA Edisi Kedua yang masing-masing telah diterbitkan pada 2017 dan 2020.

Tujuan utama pembangunan garis panduan ini adalah sebagai alternatif kepada pensijilan kompetensi pengajaran TVET sedia ada yang dilaksanakan oleh JPK, khususnya untuk dilaksanakan oleh PPT agar program TVET yang melalui akreditasi MQA memenuhi keperluan tenaga pengajar TVET.

Guidelines: Graduate Certificate in Technical and Vocational Education and Training (TVET) Teaching Competency ini diperkenalkan melalui Surat Makluman MQA Bil. 13/2021 bertarikh 4 Oktober 2021.

B Standard



Dokumen standard menetapkan garis panduan umum berkenaan sesuatu tahap kelayakan berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Dokumen Standard wajib dipatuhi oleh Pemberi Pendidikan Tinggi dalam menjalankan program pengajian tinggi.

Pada April 2013, MQA telah menerbitkan dokumen Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran sebagai rujukan utama PPT dalam penawaran dan jaminan kualiti program Sarjana dan Kedoktoran di Malaysia. Pada tahun 2020, selaras dengan permintaan pihak berkepentingan dan keperluan penjajaran dengan dokumen MQF Edisi Kedua, COPPA Edisi Kedua, COPTPA dan COPPA-ODL, proses kajian semula bagi Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (*Standards: Master's and Doctoral Degree, SMDD*) telah selesai dengan penguatkuasaan pemakaiannya bermula pada 1 April 2021 melalui Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2021 bertarikh 24 Mac 2021.

Objektif kajian semula SMDD adalah bertujuan:

(i) menetapkan satu standard yang berkualiti dan selaras dengan keperluan MQF

(ii) Menilai semula dan menambah baik standard agar selaras dengan keperluan semasa program pascasiswazah dalam sektor akademik dan TVET.

(iii) Menyediakan satu panduan yang komprehensif kepada PPT dalam membangunkan dan mengendalikan program pada tahap berkaitan.

(iv) Memberikan panduan kepada PPT untuk mengekal dan meningkatkan kualiti secara berterusan dalam memastikan hasil pembelajaran dan kehendak pasaran tercapai melalui kaedah pengajaran yang disarankan

(v) Memberikan panduan kepada panel penilai dan pegawai MQA dalam proses penilaian akreditasi sementara dan akreditasi penuh.

C *Standard Program*

Standard program merupakan dokumen kualiti yang mengandungi kriteria minimum yang perlu dicapai oleh PPT untuk memastikan program akademik sesuatu bidang boleh disampaikan secara berkesan. Standard program merangkumi tahap kelayakan MQF dari sijil hingga kedoktoran.

i. Pembangunan Standard Program Baharu

Bagi memastikan standard program memenuhi amalan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, satu standard program baharu iaitu Standard Program: Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Safety and Health*, OSH) telah dibangunkan bermula Mac 2021. Inisiatif pembangunan standard program ini dilaksanakan dengan mengambil kira maklum balas pihak berkepentingan memandangkan sebelum ini disiplin OSH merupakan disiplin yang terkandung dalam Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan Edisi Kedua. Proses pembangunan standard ini melibatkan panel yang terdiri daripada institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), wakil daripada pihak industri dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Matlamat standard program adalah untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan seperti yang ditetapkan dalam MQF Edisi Kedua untuk membolehkan mereka mengejar peluang kerjaya dalam pelbagai pekerjaan yang berkaitan dengan OSH.

Mesyuarat pertama panel pembangun *Standard Program* OSH secara dalam talian adalah pada 6 April 2021

MQA telah mengadakan beberapa siri mesyuarat secara dalam talian bersama panel pembangun dan pada 22 Oktober 2021 satu bengkel bersama pihak berkepentingan turut diadakan secara dalam talian. Ini bertujuan bagi mendapatkan maklum balas terhadap draf yang dibangunkan daripada pihak berkepentingan yang hadir, terdiri daripada wakil IPTA, IPTS, agensi kerajaan dan industri yang berkaitan. Satu bengkel bersama panel pembangun telah diadakan secara bersemuka di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur pada 29 hingga 31 Oktober 2021 bagi memastikan pembangunan dokumen dapat dicapai. Pembangunan *standard program* ini dijangka siap pada suku tahun kedua 2022.

ii. Kajian Semula *Standard Program*

Pada tahun 2021 juga, tiga (3) kajian semula *standard program*, iaitu *Standard Program*: Pengajian Perniagaan telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis bertarikh 24 Jun 2021 dan pemakaiannya akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Mac 2022.

Dua *standard program* iaitu *Standard Program*: Perubatan Tradisional dan Komplementari dan *Standard Program*: Multimedia Kreatif telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis pada 7 September 2021 dan pemakaiannya akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Mei 2022.

Pada tahun yang sama, MQA juga dalam proses kajian semula dua (2) lagi *standard program*. Dalam proses kajian semula ini, penjajaran dengan MQF Edisi Kedua dan COPPA Edisi Kedua akan dilakukan di samping memastikan ia memenuhi keperluan industri semasa. Beberapa panel pakar bidang telah dilantik termasuk wakil industri untuk setiap *standard program*. Maklumat *standard program* yang sedang dalam proses kajian semula adalah seperti di Jadual 8:

Jadual 8: *Standard Program* yang sedang dalam proses kajian semula.

Bil.	Standard Program	Prestasi Proses Kajian Semula Standard Program
1.	Kajian Semula *Standard Program*: Psikologi	Telah mencapai 60% pembangunan dan dijangka selesai pada suku tahun kedua 2022
2.	Kajian Semula *Standard Program*: Komputeran	Telah mencapai 48% pembangunan dan dijangka selesai pada suku tahun ketiga 2022

AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)

Latar Belakang

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi atau lebih dikenali dengan singkatannya iaitu AKEPT ialah akademi yang bertanggungjawab bagi melahirkan kepimpinan universiti dalam memastikan kelestarian dan kecemerlangan universiti.

Ekosistem kepimpinan pendidikan tinggi merupakan satu agenda yang besar di peringkat KPT.

Oleh itu, aspirasi AKEPT adalah menginstitusikan pengurusan kelompok kepimpinan secara holistik bukan hanya dalam kalangan ahli akademik sahaja tetapi juga memenuhi profesionalisme pentadbir bagi memastikan pemimpin dan pentadbir yang kompeten dapat dilahirkan.

Misi dan Visi

VISI

Menjadi akademi rujukan utama dalam kepimpinan pendidikan tinggi.

MISI

Membangunkan pemimpin melalui inisiatif kepimpinan yang holistik ke arah kecemerlangan pendidikan tinggi.

Peranan/ Fungsi

- Menginstitusikan pengurusan bakat kepimpinan berasaskan kompetensi yang komprehensif.
- Merancang dan melaksanakan program pembangunan berdasarkan AKEPT *Leadership Framework*.
- Mewujudkan platform perkongsian pengetahuan dan menjadi landasan bagi pemikir dalam kepimpinan pendidikan tinggi.

Program Utama

Sepanjang tahun 2021, AKEPT telah berjaya menganjurkan sebanyak 62 program dengan jumlah penyertaan yang dicatatkan seramai 5540 orang peserta. Kesemua peserta ini meliputi kumpulan sasar AKEPT, iaitu Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Dekan, Timbalan Dekan, Ketua-ketua Jabatan, Politeknik dan Kolej Komuniti, Pendaftar, Bendahari, pensyarah-pensyarah dan pemegang taruh AKEPT.

Berikut merupakan program utama yang dijalankan oleh pihak AKEPT pada tahun 2021.

Siri Kecemerlangan Pengurusan Bakat

Siri Kecemerlangan Pengurusan Bakat atau lebih dikenali sebagai *Talent Management for Excellence Series* (TaME) adalah sebuah program bitara AKEPT di bawah inisiatif Pusat Pemprofilan Kepimpinan dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) & UMP Advanced dan telah dilaksanakan sejak tahun 2018. Program ini khusus diwujudkan bagi membantu pengurusan bakat dan latihan Universiti Awam berdasarkan set kompetensi tertentu dalam mendokong usaha Kementerian memperkasakan kepimpinan dan bakat Universiti Awam.

Inisiatif seperti ini adalah sangat bertepatan dalam membantu Kementerian merealisasikan perancangan untuk Kecemerlangan Bakat di bawah Lonjakan 2, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Program ini merupakan suatu inisiatif *upskilling* dan *reskilling* pegawai universiti dalam mendepani cabaran baharu pengurusan bakat.

Menjadi satu keperluan kepada semua rakan kolaborasi AKEPT untuk mempelajari konsep dan metadologi pengurusan bakat berasaskan kompetensi yang menyokong kepada pembangunan kakitangan dan pegawai secara berstruktur seterusnya membentuk budaya kerja yang lebih berdaya saing di organisasi masing-masing. Sebagai nilai tambah kepada penyertaan program TaME ini, peserta yang telah menepati syarat-syarat dan jam kredit/jam pertemuan yang ditetapkan akan menerima pentauliahan oleh UMP Advanced di bawah inisiatif pembelajaran sepanjang hayat dengan *Professional Diploma in Competency Based Talent Management*.

Siri Kecemerlangan Pengurusan Bakat dilaksanakan secara dalam talian sepanjang tahun 2021 dan sebahagiannya pada tahun 2022 dengan jumlah penglibatan seramai 40 peserta dari Pegawai Bahagian Pengurusan Bakat dari semua 20 Universiti Awam di seluruh Malaysia. Butiran tarikh pelaksanaan adalah seperti berikut :

Modul	Tarikh
Modul 1	26 - 27 Julai 2021
Modul 2	2 - 3 Ogos 2021
Modul 3	23 - 24 Ogos 2021
Modul 4	13 - 14 September 2021
Modul 5	4 – 5 Oktober 2021
Modul 6	25 – 26 Oktober 2021
Modul 7	25 – 26 November 2021
Modul 8	13 – 14 Disember 2021
Modul 9	7 – 8 Februari 2022
Modul 10	21 – 22 Mac 2022
Modul 11	17 – 18 Mei 2022

Siri AKEPT Global: Webinar Kepimpinan Berasaskan Nilai dan Prestasi Berasaskan Nilai

Program Siri AKEPT Global merupakan salah satu kategori pelaksanaan di bawah inisiatif Penyebaran Pengetahuan (*Knowledge Dissemination*) sebagai fungsi teras Pusat Kelestarian Kepimpinan AKEPT. Program-program di bawah kategori ini berobjektif untuk menyebarkan ilmu berkenaan kepimpinan secara berskala besar seperti dalam bentuk seminar, persidangan dan webinar.

Program ini juga merupakan sebuah platform perkongsian dan terbuka kepada umum dari dalam dan luar negara, khasnya bagi para ahli akademik dari institusi, kolej dan politeknik sektor awam dan swasta.

Idea utama pelaksanaannya adalah untuk menyediakan platform membina jaringan tempatan atau global bagi para peserta selain mendalami isu-isu yang bertema kepimpinan. Tema yang dibincangkan dalam program ini ialah;

1. Pemimpin Perubahan: Kekuatan Nilai dalam Kepimpinan 15–16 Februari 2021 (Siri 1)
2. Kebangkitan Pemimpin Berasaskan Nilai dalam Tindakan (Siri 2), 3–4 Jun 2021

Susulan penularan wabak COVID-19, program ini telah diadakan secara dalam talian. Jumlah keseluruhan peserta berdaftar bagi kedua-dua siri yang telah direkodkan melalui platform Zoom dan platform media sosial lain, iaitu Facebook dan YouTube adalah seramai 4,884 orang (3,671 bagi Siri 1 dan 1,213 bagi Siri 2).

AKEPT di ASEAN: Pengurusan Pengantarabangsaan untuk Para Pemimpin Universiti (MIUL)

MIUL merupakan salah satu program di bawah kategori AKEPT di ASEAN yang menyediakan platform kepada para pemimpin IPT untuk menimba ilmu mengenai kepimpinan akademik, pengurusan akademik dan kepimpinan institusi daripada ahli pelatih pakar terkenal seluruh ASEAN.

Dalam program ini, AKEPT telah bekerjasama dengan SEAMEO-RIHED untuk mendapatkan para peserta serta penceramah, di samping mempromosikan program tersebut.

Program yang berbentuk kursus ini bertujuan memberikan latihan dan pendedahan kepada pemimpin pejabat antarabangsa khususnya kepada mereka yang baru dilantik dalam menguruskan pengantarabangsaan di institusi berkenaan. Empat topik utama telah dibincangkan dalam kursus ini iaitu; Kepimpinan dalam Mengurus Pengantarabangsaan di IPT (*Leadership in Managing Internationalisation in HLI*), Perhubungan Strategik dan Strategi untuk Pengantarabangsaan (*Strategic Relation and Strategy for Internationalisation*), Pemasaran, Pengambilan dan Kemasukan (*Marketing, Recruitment and Admission*) dan Pertukaran Pelajar dan Akademik: Ke Hadapan (*Student's and Academic Exchanges: Way Forward*).

Program-program ini telah diadakan melalui platform dalam talian melalui tiga (3) Siri dengan 20 peserta bagi setiap siri. Siri 1 melibatkan 20 peserta tempatan, Siri 2 melibatkan 10 peserta dari Malaysia, tiga (3) dari Filipina, empat (4) dari Indonesia dan (1) peserta dari Brunei, Thailand dan Vietnam manakala Siri tiga (3) melibatkan 10 peserta dari Filipina, tiga (3) dari Indonesia, dua (2) dari Brunei, dan satu (1) peserta masing-masing dari Thailand, Vietnam, Lao PDR, India dan China.



AKEPT Mewujudkan Nilai Bersama: Bicara Kenegaraan

Program dalam kategori ini melibatkan perkongsian nilai kepimpinan yang berkaitan dengan sambutan rasmi nasional tertentu seperti Bulan Merdeka, Bulan Bahasa, Hari Wanita dan lain-lain. Dalam memartabatkan peranan AKEPT sebagai sebuah akademi kepimpinan, program ini menyediakan platform perkongsian ilmu dan pendedahan serta penglibatan tidak terhad kepada kelompok akademik dan pemimpin IPT sahaja, tetapi turut melibatkan kakitangan Kementerian serta masyarakat umum bagi memperkukuh semangat patriotisme dalam kalangan peserta.

Program ini telah diadakan secara dalam talian menggunakan platform Zoom dan juga bersiaran langsung di Youtube dan Facebook. Dua (2) siri program ini telah dilaksanakan dengan tema “Berfikiran Global, Bertindak Lokal” dengan topik yang berbeza bagi setiap siri;

i. Topik Siri 1 – Pendidikan Tinggi Negara: Merdekakah Kita?

ii. Topik Siri 2 – Berfikiran Global, Bertindak Lokal: Di Mana dan Ke Manakah Kita?

Jumlah keseluruhan peserta berdaftar untuk kedua-dua siri ialah 374 (167 untuk Siri 1 dan 207 untuk Siri 2) telah direkodkan melalui platform Zoom dan platform media sosial lain.

***Professional Finance For Non-Finance Report* (ProFiNOF)**

Rumusan Program

Tadbir urus yang baik dalam pengurusan kewangan ialah kunci kepada mana-mana peranan kepimpinan dalam sesebuah organisasi. Ia adalah salah satu kecekapan yang paling penting yang perlu diperkukuh dan dilatih dalam kalangan komuniti pengajian tinggi.

Semua eksekutif dan mereka yang berpindah ke jawatan pengurusan perlu memahami dan menggunakan pengetahuan kewangan dalam kerja harian mereka dan pengetahuan bagaimana aktiviti operasi organisasi di dalam data atau laporan kewangan dan dapat membantu mereka untuk meningkatkan pengurusan kewangan.

Mempunyai kebijaksanaan dalam urusan kewangan sebahagian daripada kemahiran pengurusan teras yang juga sangat penting bagi sesiapa yang ingin meningkatkan laluan kerjaya dalam mana-mana organisasi, tanpa mengira peranan semasa mereka di tempat kerja. Modul ini direka bentuk untuk menyediakan pengenalan kepada pengetahuan serta kemahiran asas perakaunan dan kewangan yang boleh membantu pengurus yang tidak berlatarbelakangkan kewangan selangkah ke hadapan apabila memikul lebih banyak tanggungjawab pada masa hadapan, termasuk pengurusan kewangan untuk bahagian atau jabatan tertentu.

Program ini merangkumi pelbagai topik pengurusan kewangan utama yang penting terutamanya peranan kepimpinan komuniti pendidikan tinggi.

Objektif Program

- Untuk memberikan pemahaman dan penjelasan asas peraturan kewangan dan pengawalan kewangan kepada pihak berkuasa universiti; dan
- Untuk memberikan peningkatan pemahaman kepada peserta berkenaan dengan konsep kepintaran kewangan, data kewangan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan

Domian Utama

- Kekemasan Tadbir Urus Kewangan
- Perakaunan
- Audit
- Pengurusan

Program ProFiNoF merupakan kolaborasi strategik antara AKEPT dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Modul ini direka bentuk untuk memperkenalkan pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan dan kewangan yang dapat membantu pengurus bukan kewangan terkehadapan ketika perlu memikul tanggungjawab yang lebih kompleks pada masa depan, termasuk pengurusan kewangan untuk bahagian atau jabatan tertentu. Program ini merangkumi pelbagai topik pengurusan kewangan utama yang penting untuk peranan kepemimpinan komuniti pendidikan tinggi.

Dua (2) sesi program rintis telah diadakan untuk mendapatkan input dan maklum balas bagi penambahbaikan modul yang telah dibangunkan, iaitu pada 28-29 Jun 2021 untuk Pengurus Bukan Kewangan dan pada 1-2 Julai 2021 untuk Pengurus Kewangan.

Laporan Aktiviti Pusat Pembangunan Kepimpinan (CLD)

1. Majlis Apresiasi Program *University Leaders Entrepreneurial Educators' Bootcamp* (UniLEEB)

Semua peserta UniLEEB Kohort 1 telah diraikan dengan meriah dalam majlis apresiasi yang diadakan secara maya melalui FB AKEPT dan UMK pada petang ini. 32 orang peserta telah dianugerahkan *Certificate of Accomplishment* dan ditauliahkan sebagai *Certified Entrepreneurial Leader* manakala 10 peserta dianugerahkan *Certificate of Completion.*

Anugerah Peserta Terbaik:

- Prof. Madya Dr. Mazura@ Mastura Muhammad (UPSI)
- Prof. Madya Ir. Dr. Juliana Johari (UiTM)
- Puan Zaifilla Farrina Zainuddin (UniKL)

Kertas Cadangan Keusahawanan Terbaik:

- VALUE@UNIVERSITY
- *Malaysian University Youth Entrepreneurship Program* (MyUniYEP)
- UniLEEBpreneur@MOHE: *Entrepreneurial Ecosystem and Development Project*

2. Bengkel bersama penceramah Program Kepimpinan Akademik

Satu bengkel secara dalam talian bersama para penceramah program Kepimpinan Akademik telah dianjurkan bagi membincangkan dua (2) perkara utama, iaitu kandungan program dan pelaksanaan program. Ini bagi memastikan kualiti kandungan dan penyampaian seiring dengan aspirasi pemerkasaan kepimpinan universiti. Program Kepimpinan Akademik ini merangkumi sebelas (11) modul yang memberikan pengkhususan kepada tiga (3) aspek utama iaitu, individu sebagai pemimpin akademik, kepimpinan berpasukan dan kepimpinan organisasi. Terjemahan kepada tiga (3) aspek ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada peranan sebenar ahli akademik dan perjalanan kerjaya untuk melahirkan ahli intelektual yang dihormati dan disegani umum. Usaha yang berterusan daripada AKEPT dan para akademik ini akan membantu kesejahteraan komuniti akademik agar dapat melahirkan pemimpin yang mempunyai nilai dan etika sebenar.

3. Sesi Meja Bulat LPU *Onboarding Programme*

Sesi meja bulat di antara AKEPT, UiTM dan KSU MOSTI dan KSU KASA telah berlangsung secara dalam talian bagi membincangkan perkara-perkara utama dalam pembangunan modul dan program LPU *Onboarding Programme*. Lembaga Pengarah Universiti merupakan entiti yang penting dalam memacu hala tuju dan kecemerlangan universiti. Dengan cabaran dan suasana semasa universiti pada hari ini, pelbagai usaha perlu dilaksanakan secara bersama agar universiti dapat menempuhi cabaran baharu dalam memastikan kecemerlangan universiti ditingkatkan.

Menyedari perubahan yang dinamik ini, AKEPT bersama rakan kolaborasi strategik iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) menggerakkan amanah dalam membangunkan program yang khusus kepada Lembaga Pengarah Universiti Awam untuk dilaksanakan secara berkala. Bagi memastikan kandungan program menepati konteks pendidikan tinggi pada hari ini, dua (2) sesi meja bulat telah diadakan secara dalam talian bagi membincangkan secara terperinci kandungan dan fokus yang perlu ditekankan dalam program LPU *Onboarding Programme* tersebut.

Terima kasih tidak terhingga kepada KSU Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir dan juga KSU Kementerian Alam Sekitar dan Air, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang kerana telah menyumbang masa dan kepakaran dalam meneliti konteks dan evolusi pendidikan tinggi negara dan peranan LPU yang begitu signifikan dalam menggerakkan agenda kelestarian kecemerlangan Kementerian Pengajian Tinggi.

4. *Programme Teaser*@Inisiatif Pendigitalan AKEPT

Norma baharu pada hari ini memberikan ruang yang besar kepada penggunaan teknologi dalam penyampaian maklumat dan kandungan program pembangunan kepimpinan. Pandemik COVID-19 telah membawa impak yang besar kepada perancangan dan pelaksanaan program AKEPT. Kreativiti, teknologi dan sumber manusia digabungkan bagi memastikan peranan AKEPT diteruskan dalam corak penyampaian yang baharu. Oleh itu, AKEPT bersama rakan kolaborasi strategik iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merangka satu kaedah baharu dalam menghasilkan *Programme Teaser* di bawah Pusat Pembangunan Kepimpinan, AKEPT dalam memperkenalkan program-program yang ditawarkan dan juga memberikan gambaran yang ringkas dan padat berkaitan kandungan program.

Penceramah-penceramah program diundang untuk sesi rakaman dan pasukan produksi UIAM bergerak bersama pasukan AKEPT untuk menghasilkan video-video berkualiti untuk paparan umum sebelum program dilaksanakan secara sepenuhnya.

5. Program Kecemerlangan Kepimpinan Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan Institusi Pengajian Tinggi (Excelib)

Program ExceLib merupakan kolaborasi strategik antara AKEPT, UTHM dan Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKKPUA). Program pertama ini diadakan secara perbincangan meja bulat (RTD) antara ahli panel dan AJK Induk yang terdiri daripada Ketua Pustakawan UA, mantan Ketua Pustakawan UA dan pemegang taruh yang dikenal pasti berdasarkan kepakaran dan pengalaman.

Sesi RTD ini tertumpu kepada pengenalpastian kompetensi teras pustakawan universiti awam agar kandungan modul menjurus kepada pemantapan kompetensi pustakawan bagi mendepani cabaran masa kini.

Sumber: Facebook Perpustakaan Tunku Aminah, UTHM.

6. *Strategic Onboarding for Board of Directors*

"Leadership is the Essence towards Organisational Excellence"

Kepimpinan merupakan tonggak dalam memacu kecemerlangan organisasi. Lembaga Pengarah Universiti Awam (LPUA) berperanan penting dalam menggerakkan kanvas strategik universiti dan memperkukuh kedudukan universiti dengan memberikan sumbangan kepakaran mereka yang mempunyai pengalaman dari pelbagai latar belakang. Ini amat penting bagi menyelaras peranan LPUA yang berkait autonomi universiti awam.

Dengan perspektif sedia ada, AKEPT berkolaborasi secara strategik dengan UiTM dan panel pakar membincangkan input penting dalam merancang program *Strategic Onboarding for Board of Directors* yang holistik untuk memperkukuh sistem kepimpinan yang kolegial antara LPUA dan Pengurusan Universiti. Struktur governan, dasar pendidikan tinggi, kelestarian kewangan adalah antara bidang penting yang perlu direncanakan dalam program ini.

Perbincangan meja bulat dan temu ramah dengan Pengerusi LPUA, mantan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Naib Canselor dan mantan Naib Canselor, Pendaftar dan mantan Pendaftar yang berpengalaman telah terlibat dalam memberikan pandangan dan hala tuju progam ini. Program ini akan dilaksanakan dalam masa terdekat oleh AKEPT melalui Pusat Pembangunan Kepimpinan sebagai salah satu usaha libat urus kepemimpinan yang lebih dinamik.

7. *DVC Leadership Onboarding*

"Leading with Clarity of Purpose"

Kepemimpinan institusi dalam kalangan akademik ialah aspek yang perlu diberi perhatian dalam pendidikan tinggi. Jawatan bertempoh penyandang jawatan penting seperti Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Dekan, Pengarah dan banyak jawatan lain mempunyai jalan cerita dan pengalaman untuk dikongsi bersama dan kompleksiti universiti ialah dimensi yang juga perlu dipertimbangkan.

Dalam situasi semasa, perubahan dinamik pendidikan tinggi meletakkan harapan dan peranan pemimpin universiti yang amat berbeza, maka tepat pada masanya untuk membangunkan satu program yang khusus dalam membina landasan perkongsian pengalaman antara mantan penyandang jawatan bersama mereka yang sedang menyandang jawatan tersebut. Pertukaran perspektif mengenai sifat kepemimpinan, gaya, asas kepemimpinan, isu tadbir urus, kepelbagaian peranan dan bagaimana ini akan memberi kesan yang signifikan kepada universiti adalah pendekatan dalam memperkukuhkan kestabilan pemimpin institusi dalam memikul peranan mereka.

AKEPT dengan kerjasama strategik bersama UiTM dan mantan Timbalan Naib Canselor (TNC) dan TNC sedia ada melalui beberapa Perbincangan Meja Bulat telah mengenalpasti pelbagai topik penting untuk digabungkan di dalam program DVC Leadership Onboarding. Aspirasi program ini adalah untuk membina pemimpin yang jelas dengan peranannya di universiti untuk membina generasi masa depan yang akhirnya akan menjadi agenda penting dalam pembangunan negara. Program khusus untuk TNC ini akan dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kepimpinan, AKEPT bersama UiTM.

8. TOP EXECUTIVE PROGRAMME (TEP): kohort 1/2019-2020

"Reviving Spirit"

"Perjalanan beribu batu bermula dengan satu langkah". Kumpulan pertama pentadbir kanan yang berjaya melalui program modular untuk melengkapkan mereka dengan kompetensi dan nilai dalam menguruskan dan seterusnya memimpin universiti. Khusus kepada objektif program, pemilihan peserta adalah daripada senarai bakat kepimpinan yang dicapai melalui pangkalan data Kelompok Bakat Terbaik untuk Pentadbir dan memberikan tumpuan kepada dua (2) jawatan utama, iaitu Pendaftar dan Bendahari. Dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua peserta ketika menghadiri program ini bukan sahaja untuk belajar dari pakar dan satu sama lain, tetapi juga untuk menyelesaikan tugasan, kertas projek, pembentangan dan kerja lapangan di Nottingham University Malaysia Campus (NUMC).

Fokus untuk memperkukuh pengurusan projek, kemahiran komunikasi, kepemimpinan pasukan dan membina hubungan serta jaringan ialah objektif utama program ini. Justeru, ini akan memberikan pemahaman kepada para peserta tentang peranan mereka sebagai pentadbir kanan universiti masing-masing. Dalam kalangan peserta juga ada yang telah dinaikkan pangkat sebagai Pendaftar dan Bendahari. Walaupun wabak telah melanda negara pada tahun lalu, para peserta telah berjaya menyelesaikan program modular dengan jayanya.

Dengan ini, AKEPT bersama rakan kolaborasi strategik Universiti Malaya dan Nottingham University Malaysia Campus mengadakan sesi bertemu semula melalui platform dalam talian untuk meraikan kejayaan peserta kerana telah melengkapkan program ini. Pertemuan ini melibatkan taklimat persiapan terakhir untuk sesi pembelajaran reflektif dan perkongsian amalan terbaik yang akan diadakan pada bulan Jun 2021 dan juga janji kami kepada mereka untuk diraikan.

9. Majlis Perasmian dan Pengenalan Program *SDG Leadership: University for Society*

Kerjasama strategik antara AKEPT dan UMS dalam mempromosikan nilai-nilai *Sustainable Development Goal* (SDG) dalam kalangan pemimpin pendidikan tinggi masa depan. *SDG Leadership: University for Society via SHARE Model* merupakan pendekatan yang berstruktur dan holistik dalam SDG bagi memperkasakan universiti dan masyarakat agar pemahaman mengenai pemindahan pengetahuan yang signifikan dan memberi sumbangan besar kepada kesejahteraan masyarakat dilaksanakan. AKEPT memegang teguh kepada pembelajaran melalui turun padang, iaitu *experential learning* sebagai salah satu usaha merapatkan pemimpin universiti dengan masyarakat. Majlis perasmian dan sesi pengenalan program kepada semua peserta telah diadakan bagi membina sinergi sebelum program bersemuka dapat dilaksanakan. Beberapa siri dalam talian dan bersemuka telah dijadualkan dan akan dianjurkan tidak lama lagi.

10. *Changemaker Leadership Programme for Senior Administrators* (CLaPSA)

Program CLaPSA merupakan kolaborasi strategik antara AKEPT dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Dua sesi Perbincangan Meja Bulat (RTD) telah diadakan antara Pendaftar dan mantan Pendaftar Universiti Awam (UA) pada 12 Jun 2021 dan dalam kalangan Bendahari UA pada 22 Jun 2021. Ahli panel adalah terdiri daripada mereka yang dikenal pasti berdasarkan kepakaran dan pengalaman masing-masing sebagai penyandang jawatan utama di UA.

Sesi RTD ini tertumpu kepada pengenalpastian tajuk dan isu utama agar kandungan modul menjurus kepada pemantapan kompetensi Pendaftar dan Bendahari bagi mendepani cabaran masa kini.

11. *International Deans' Course: Malaysian Chapter* (MyIDC)

Program MyIDC merupakan kolaborasi strategik antara AKEPT dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama beberapa universiti awam dan swasta yang lain. Peserta MyIDC pada tahun ini merupakan Kohort 2 yang akan dilatih dan dibangunkan kompetensi mereka yang terdiri daripada Dekan, Pengarah, Timbalan Dekan dan Timbalan Pengarah yang baru dilantik. MyIDC ialah program yang dibahagikan kepada tiga (3) bahagian bagi tempoh sembilan (9) bulan meliputi modul kepemimpinan, pengurusan fakulti dan kemahiran mengurus konflik dan membuat keputusan yang tepat. Sesi *Online Onboarding* telah diadakan pada 22 dan 23 Jun 2021 melibatkan peserta yang terpilih bersama penceramah dan jurulatih bagi program ini.



12. *Professional Finance for Non-Finance* (ProFiNoF)

Program ProFiNoF merupakan kolaborasi strategik antara AKEPT dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Modul ini direka bentuk untuk memperkenalkan pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan dan kewangan yang dapat membantu pengurus bukan kewangan terkehadapan ketika perlu memikul tanggungjawab yang lebih kompleks pada masa depan, termasuk pengurusan kewangan untuk bahagian atau jabatan tertentu.

Program ini merangkumi pelbagai topik pengurusan kewangan utama yang penting untuk peranan kepemimpinan komuniti pendidikan tinggi. Dua sesi program rintis telah diadakan untuk mendapatkan input dan maklum balas bagi penambahbaikan modul yang telah dibangunkan, iaitu pada 28-29 Jun 2021 untuk Pengurus Bukan Kewangan dan pada 1-2 Julai 2021 untuk Pengurus Kewangan.

13. International Deans' Course: Malaysian Chapter (MyIDC)

Program MyIDC Kohort 2 (Bahagian 1) telah diadakan pada 26 hingga 29 Julai 2021 secara dalam talian. Bahagian ini melibatkan tiga (3) modul utama, iaitu *Leadership, Governance and Ethics* dan *Strategic Faculty Management*.

Antara panelis hebat yang terlibat untuk sesi perkongsian semasa bahagian ini adalah seperti Prof. Datuk Dr Asma Ismail (Presiden, Akademi Sains Malaysia), Datin Paduka Setia Dato' Prof. Dr. Aini Ideris (mantan Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia), Datuk Wira Prof. Dr. Raha Abdul Rahim (Naib Canselor, Universiti Teknikal Melaka Malaysia) dan Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar (mantan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi).

14. *Leadership In Academic-Society Experiential Relationship* (LASER)

Program LASER merupakan kolaborasi strategik antara AKEPT dan Universiti Sains Malaysia (USM). Program ini direka bentuk untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan komuniti mengenai usaha yang dilakukan ke arah mempromosikan kelestarian untuk pembangunan dan transformasi masyarakat. Ahli akademik, pentadbir dan juga pelajar secara konsisten didorong untuk terlibat secara aktif dengan komuniti setempat dan bekerjasama untuk berkongsi pengetahuan, kecekapan dan kepakaran untuk menyedari keperluan masyarakat dan mentransformasi kesejahteraan sosial-ekonomi mereka. Satu program rintis telah diadakan pada 26 dan 27 Julai 2021 untuk mendapatkan input dan maklum balas bagi penambahbaikan program ini sebelum program sebenar diadakan pada September dan Oktober 2021.

15. *University Leaders Entrepreneurial Educators' Bootcamp* (UniLEEB)

Program UniLEEB Kohort 2 untuk Modul 1 yang memfokus *E-Mind: Developing Entrepreneurial Mindset* telah diadakan mulai 16 hingga 19 Ogos 2021 secara dalam talian oleh AKEPT dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Modul ini melibatkan empat (4) bab utama, iaitu *Entrepreneurship for The Soul, The Art of Entrepreneurship, Entrepreneurial Mind* dan *Additional Learning Material and References*.

Antara penceramah dan jurulatih hebat yang terlibat untuk modul ini adalah seperti Datuk Dr. Hafsah Hashim (Penasihat SME Bank Islam), Dr. Nik Marzuki Nik Muhammad (Jurulatih Keusahawanan) dan Prof Dr. Nik Maheran Nik Muhammad (Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMK.

16. Program Kecemerlangan Kepimpinan Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan Institusi Pengajian Tinggi (ExceLib)

Majlis perasmian Program ExceLib telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada hari ini. Sesi diteruskan dengan penyampaian Modul *Organisational Leadership* yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Mohamed Shazalli bin Ramly, Pengarah Urusan Kumpulan Boustead Holdings Berhad yang berkongsi pengalaman dan kepakaran beliau dengan ceramah bertajuk *Balanced Leadership for Library Leaders*.

17.Sesi Libat Urus AKEPT bersama Unit Bakat Universiti Awam

AKEPT melalui Pusat Pemprofilan Kepimpinan telah melaksanakan inisiatif yang dinamakan Sesi Libat Urus (SLU) bersama barisan pengurusan bakat Universiti Awam (UA) yang berlangsung pada 22 Oktober 2021. Sesi ini adalah untuk memperkenalkan Pengarah AKEPT secara rasmi kepada rakan Unit Bakat UA dan seterusnya memberikan pencerahan kepada Unit Bakat UA berkaitan pengurusan dan perancangan terhadap pemerkasaan bakat kepimpinan di UA melalui inisiatif sedia ada dan beberapa cadangan penambahbaikan inisiatif yang berkaitan.

AKEPT komited membantu dan memberikan panduan kepada pengurusan bakat dan latihan universiti awam dalam usaha memperkasakan pembangunan bakat kepimpinan pendidikan tinggi negara. Turut hadir pada yang diadakan secara sesi dalam talian ini ialah 28 orang Pegawai dan Unit Bakat dan wakil dari Universiti Awam seluruh negara.

Semoga platform seperti ini dapat mendayaupayakan, memasak dan membudayakan pengurusan bakat berasaskan kompetensi selain dapat memberikan pencerahan dan nilai tambah kepada proses kerja melibatkan pengurusan dan pemerkasaan bakat kepimpinan institusi pendidikan tinggi negara.

18.*My International Deans Course* (MyIDC)

Di sekitar program *My International Deans Course* (MyIDC) di UPSI yang menampilkankan penyertaan Dekan, Pengarah, Profesor, Profesor Madya dan jawatan-jawatan kanan lain (Cohort 2) melalui modul2 berkaitan kepemimpinan, pengurusan strategik, kemapanan, kewangan, pengurusan konflik, dan etika daripada pelbagai universiti awam dan swasta melalui kolaborasi dengan Akept-KPT. Terima kasih Naib Canselor, Dato Prof Md Amin Md Taff serta barisan pengurusan tertinggi UPSI. Tahniah kepada semua peserta dan universiti terlibat.

AGENSI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Latar Belakang

PTPTN merupakan salah sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. PTPTN telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 1997 dan memulakan operasinya pada 1 November 1997.

Fungsi dan Peranan

Sebagai tabung pendidikan, PTPTN memainkan peranan penting dalam mendukung hasrat Kerajaan untuk memastikan kelestarian pendidikan tinggi. Fungsi dan peranan PTPTN ialah:

i. Menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan seterusnya memungut bayaran balik pinjaman.

ii. Menyediakan skim simpanan dan mengurus deposit untuk tujuan pendidikan tinggi.

iii. Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

VISI

Menjadi peneraju tabung pendidikan tinggi negara

MISI

Menguruskan dana simpanan dan pinjaman secara efektif berlandaskan tadbir urus yang cemerlang, berintegriti dan strategik

MOTO

Peluang Kejayaan Anda

OBJEKTIF

Membuka peluang masa depan yang lebih cemerlang menerusi manfaat dan nilai tambah yang diperoleh daripada pendidikan tinggi

Program / Aktiviti

1. Skim Pinjaman Pendidikan PTPTN

Bagi tahun 2021, sebanyak 140,977 pinjaman telah diluluskan melibatkan peruntukan keseluruhan sehingga tamat pengajian sebanyak RM3.51 bilion.

2. Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan

Sepanjang tahun 2021, PTPTN telah berjaya mengutip bayaran balik pinjaman pendidikan sebanyak RM2,360.94 juta, iaitu peningkatan sebanyak 74.53% berbanding dengan jumlah bayaran balik yang dikutip pada 2020 iaitu sebanyak RM1,352.72 juta. Secara keseluruhan sejak penubuhan sehingga akhir tahun 2021, PTPTN telah berjaya mengutip bayaran balik sebanyak RM16,239.85 juta daripada 1,937,047 orang peminjam.

TAHUN	BAYARAN BALIK AMAUN (RM' JUTA)	PERATUS PENINGKATAN
2021	2,360.94	74.53 %
2020	1,352.72	

3. SIMPAN SSPN (Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus)

Bagi tahun 2021, Simpan SSPN telah berjaya menarik seramai 421,281 pendeposit baharu manakala jumlah deposit keseluruhan adalah sebanyak RM3,007.41 juta. Pencapaian ini jelas membuktikan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap keistimewaan produk Simpan SSPN setanding dengan produk simpanan yang lain di pasaran. Antara keistimewaan Simpan SSPN Prime ialah:

- Dividen yang kompetetif
- Simpanan dijamin oleh Kerajaan
- Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak
- Pelepasan tafsiran cukai sehingga RM8,000
- Layak memohon pinjaman PTPTN
- Perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas

Manakala keistimewaan lain bagi Simpan SSPN Plus ialah:

- Khairat kematian (pasangan dan anak)
- Pelepasan taksiran cukai sehingga RM15,000
- Manfaat takaful bagi penyakit kritikal
- Tiada pemeriksaan kesihatan
- Elaun kemasukan hospital
- Manfaat perlindungan sehingga RM1,000,000

PTPTN sedang giat menjalankan pelbagai program untuk membudayakan penabungan dalam Simpan SSPN. Antara programnya ialah:

i. Pelancaran Produk Baharu Simpan SSPN
ii. Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus,
iii. Kempen *Stay Safe and Win* SSPN-i,
iv. Kempen Jom Beraya Jom Menyimpan SSPN 2021
v. Kempen Gong Xi Ang Pow SSPN 2021
vi. Ganjaran Kesetiaan SSPN-i 2021
vii. Bulan Menabung Simpan SSPN 2021
viii. Kempen *Click, Pay & Earn* 2021

Penyampaian sumbangan program PTPTN Prihatin: Jelajah Simpan SSPN 2021 di Negeri Kelantan.

4. Tanggungjawab Sosial Korporat PTPTN

Sebagai agensi pembiayaan pendidikan utama negara dan salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), PTPTN terus menunaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk menyantuni masyarakat dengan mengadakan pelbagai program berbentuk kemasyarakatan seperti:

i. Jelajah Simpan SSPN 2021

Jelajah Simpan SSPN diadakan bagi membantu golongan asnaf dari aspek pendidikan serta sebagai galakan awal untuk memulakan penabungan dengan menghulurkan bantuan bagi meringankan beban kewangan serta menyokong usaha kerajaan dalam membantu pelajar-pelajar asnaf menerusi CSR dan zakat korporat.

Program ini melibatkan sumbangan zakat PTPTN berjumlah lebih RM500,000 dengan kerjasama Pusat Zakat Negeri dan agensi kerajaan di negeri-negeri terpilih. Seramai lebih 5,000 penerima daripada golongan asnaf menerima sumbangan tunai dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime.

ii. Program PTPTN Prihatin: Sumbangan Bantuan Kepada Asnaf Dengan Kerjasama NGO Dana Kita

PTPTN turut merasai kesusahan yang dialami masyarakat. Oleh itu, PTPTN telah bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan Dana Kita (DANA KITA) dalam mengurus dan menyelaras agihan sumbangan bantuan ini. Melalui program ini, PTPTN memperuntukkan RM1,000,000 melibatkan penerima sumbangan seramai 5,000 keluarga asnaf di Kuala Lumpur.

Misi Bantuan banjir Skuad PTPTN Prihatin.

Daripada jumlah itu, RM500,000 telah disalurkan kepada DANA KITA bagi pemberian barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak, tepung dan sebagainya. Manakala RM500,000 telah diberikan dalam bentuk akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN Prime).

iii. Program PTPTN Prihatin: Sumbangan Kepada Asnaf Yang Terjejas Ekoran Penularan COVID-19

PTPTN memperuntukkan sebanyak RM300,000 untuk membantu golongan asnaf. Dianggarkan sebanyak 3,750 keluarga asnaf yang terjejas ekoran penularan COVID-19 dibantu melalui peruntukan ini yang dianjurkan dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Dana Kita (DANA KITA). Setiap keluarga telah menerima sumbangan bakul makanan yang mengandungi barangan keperluan harian.

Skuad PTPTN Prihatin telah mengagihkan sumbangan tersebut kepada penerima-penerima di negeri-negeri terpilih.

iv. Program PTPTN Prihatin: Misi Bantuan Banjir Skuad PTPTN Prihatin

Skuad PTPTN Prihatin telah bergerak untuk menghulurkan sumbangan kit bantuan banjir kepada mangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor melibatkan dua buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Penyampaian sumbangan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah diadakan di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Saraswathy, Jalan Klang dan Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat. Skuad PTPTN Prihatin turut membantu mangsa-mangsa banjir di lokasi-lokasi lain dan negeri termasuk di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

v. Program Imarah Ramadan PTPTN (IMRAN)

Sempena bulan Ramadan, PTPTN menyantuni para pelajar di IPT menerusi Program Imarah Ramadan PTPTN (IMRAN) Bersama Pelajar IPT. PTPTN melalui Skuad PTPTN Prihatin turun padang untuk berkongsi rezeki dan membantu para pelajar terutama dalam suasana pandemik COVID-19. Program ini telah diadakan mulai 23 April 2021 dan berakhir pada 5 Mei 2021 melibatkan lokasi di 15 buah IPT di seluruh Negara. Secara purata sebanyak 650 hingga 1,000 bekas bubur lambuk disediakan di setiap lokasi dengan jumlah keseluruhan sebanyak 12,650 bekas bubur lambuk telah diagihkan kepada pelajar, warga IPT dan masyarakat setempat.

vi. Program Ziarah Prihatin PTPTN

PTPTN melalui Program Ziarah PTPTN Prihatin telah mengunjungi waris pendeposit Simpan SSPN-i untuk menyerahkan manfaat perlindungan takaful. Penyerahan kepada waris pendeposit disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Noraini Ahmad dan diiringi Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid. Kunjungan telah diadakan di kediaman masing-masing bertempat di empat (4) buah negeri, iaitu di Selangor, Johor, Perak dan Negeri Sembilan.

EDUCATION MALAYSIA GLOBAL SERVICES (EMGS)

Latar Belakang

"***Education Malaysia Global Services***" (EMGS), ialah sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ - "***Company Limited by Guarantee***") di bawah kawal selia KPT untuk menjalankan fungsi pemasaran, promosi pendidikan Malaysia serta sebagai pusat sehenti bagi urusan kemasukan pelajar antarabangsa.

Education MALAYSIA

VISI

Ke arah menjadikan Malaysia sebagai hab utama Pendidikan di peringkat global

MISI

Mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa dan menguruskan pengalaman pelajar antarabangsa

OBJEKTIF

- Mempromosi *Education Malaysia* secara agresif dalam pasaran berpotensi yang dikenal pasti.
- Menyediakan perkhidmatan melalui pusat sehenti yang efektif melalui system yang diintegrasikan.
- Memastikan pelajar antarabangsa yang berkualiti menyambung pengajian di Malaysia.
- Meluaskan pengalaman pengajian pelajar antarabangsa di Malaysia.
- Mempromosi "*Study in Malaysia*" di peringkat global.

Program / Aktiviti

1. **Penerbitan buku fizikal – '*Study in Malaysia Student Guidebook*'**

   - Buku '*Study in Malaysia Student Guidebook*' ini berfungsi sebagai panduan pelajar antarabangsa baharu ke Malaysia. Buku ini mengandungi informasi sebagai panduan sebelum, setibanya dan selepas ketibaan ke Malaysia, maklumat mengenai pas pelajar, insurans, tips-tips ringkas untuk pelajar ketika mereka berada di Malaysia, informasi ringkas tentang negara Malaysia seperti tempat-tempat menarik, kos sara hidup, Bahasa Melayu, budaya, senarai semak dan juga maklumat Kedutaan Antarabangsa di Malaysia.

   - '*Study in Malaysia International Student Guidebook*' ini telah diedarkan secara meluas di semua acara fizikal antarabangsa seperti di *World Expo 2020 Dubai*, *Education Fair in Turkey & Sharjah*, Majlis Perasmian Portal *Discover Education* Malaysia di Kuala Lumpur dan juga sewaktu *engagement* bersama institusi-institusi di Malaysia, wakil-wakil antarabangsa dan juga para pelajar antarabangsa.

2. **Majlis Pelancaran Portal '*Discover Education Malaysia*'**

   - EMGS telah menganjurkan Majlis Pelancaran rasmi portal terbaru, '*Discover Education Malaysia*' di Hotel EQ, Kuala Lumpur pada 18 November 2021.

   - Pelancaran Portal *Discover Education Malaysia* ini telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Gambar di sekitar Majlis Pelancaran Portal *'Discover Education Malaysia'*.

- Objektif portal ini adalah untuk memudahkan pencarian informasi bagi semua pelajar Malaysia dan juga pelajar antarabangsa termasuk ibu bapa tentang IPT (yang diakreditasikan di bawah MQA) dan kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPT di bawah di Malaysia. Potal ini juga berfungsi sebagai platform dari EMGS untuk memberikan sokongan kepada IPT dan sekali gus membantu mempromosikan IPT di Malaysia. Melalui portal ini, para pelajar dan ibu bapa juga dapat menghubungi dengan pihak EMGS bagi sebarang pertanyaan atau terus ke Portal Rasmi IPT.
- Sehingga kini, portal ini telah dikunjungi oleh 161,000 pelawat dari 131 negara dari seluruh dunia.

3. **Temu bual Eksklusif Bernama TV bersama Ketua Pegawai Eksekutif EMGS '*Promoting Malaysia as International Education Hub in the New Norm*' pada 15 Mac 2021.**

   - Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin telah ditemu bual secara eksklusif oleh pihak Bernama TV bagi membincangkan topik '*Promoting Malaysia as International Education Hub in the New Norm*'. Temu bual ini telah disiarkan secara langsung pada 15 Mac 2021 di Bernama TV *Live Stream*.

4. **Temu bual bersama Ketua Pegawai Eksekutif EMGS dalam program televisyen Selamat Pagi Malaysia dengan topik 'Pendidikan Tinggi Malaysia Masih Utuh Pada Pandangan Dunia Semasa Pandemik' pada 19 Julai 2021**

   - Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin telah ditemu bual secara eksklusif dalam program 'Selamat Pagi Malaysia' bagi membincangkan mengenai topik 'Pendidikan Tinggi Malaysia Masih Utuh Pada Pandangan Dunia Semasa Pandemik'. Program ini telah disiarkan pada 19 Julai 2021.

5. **Temu bual Program AWANI PAGI Bersama Ketua Pegawai Eksekutif EMGS pada 24 Julai 2021**

   - Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin telah ditemu bual secara eksklusif dalam program AWANI PAGI bagi membincangkan mengenai topik 'Pikat Pelajar Antarabangsa di Musim Pandemik'. Program ini telah disiarkan pada 24 Julai 2021.

6. **Temu bual Ketua Pegawai Eksekutif Bersama Malaysia Gazette yang disiarkan pada 12 Disember 2021**

   - Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin telah ditemu bual secara eksklusif oleh produksi Malaysia Gazette bersama 3 panel daripada *Malaysian Qualification Agency (MQA), Taylor's University* dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan topik 'Mengangkat Malaysia Sebagai Hab Pendidikan Tinggi di Ekspo 2020 Dubai'.

- Sesi ini telah memberikan peluang untuk EMGS berkongsi mengenai persiapan untuk program Expo 2020 Dubai dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sepanjang Expo 2020 Dubai untuk menarik pelajar-pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian di Malaysia.

7. **Temu bual Media Antarabangsa Bersama Ketua Pegawai Eksekutif EMGS oleh radio Gen FM dari Indonesia**

   - Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin telah ditemu bual secara eksklusif oleh radio Gen FM dari Indonesia mengenai '*Study in Malaysia*' secara keseluruhan dan '*Study in Malaysia Premier Edufair Showcase 2021*'.

DAWN

SPONSORED CONTENT

In conversation: CEO Education Malaysia Global Services (EMGS) shares opportunities and benefits of studying in Malaysia

EMGS is responsible for promoting and assisting international students to pursue higher education in Malaysia.

ADVERTISEMENT | Published January 9, 2022

Studying abroad is a dream many students and parents envision. However, finding reliable sources of information and credible universities often becomes a daunting task.

Organisations like Education Malaysia Global Services (EMGS) are hence providing credible and useful information on higher education options available to Pakistani students in Malaysia.

Mohd Radzlan bin Jalaludin, CEO of Education Malaysia Global Services (EMGS), speaks about the opportunities, possibilities and benefits of seeking higher education in Malaysia.

What are the advantages of higher education in Malaysia for international students?

Mohd Radzlan bin Jalaludin: The presence of international students in Malaysia is seen to provide great benefits, especially in economic terms.

Mohd Radzlan bin Jalaludin, CEO of Education Malaysia Global Services (EMGS)

8. **Temu bual Media Antarabangsa Bersama Ketua Pegawai Eksekutif EMGS oleh Khaleej Times bertajuk *'Message from CEO of Education Malaysia Global Services (EMGS) Study in Malaysia – An Education Journey Unlike Any Other'*.**

   - Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin telah ditemu bual secara eksklusif oleh DAWN, akhbar versi digital berbahasa Inggeris di Pakistan dengan artikel bertajuk '*In conversation: CEO Education Malaysia Global Services (EMGS) shares opportunities and benefits of studying in Malaysia*'. DAWN ialah sebuah akhbar Bahasa inggeris yang terkemuka di Pakistan.

9. **Liputan Media Tempatan dan Antarabangsa mengenai EMGS dan '*Study in Malaysia*'.**

   EMGS dan '*Study in Malaysia*' telah mendapat liputan media tempatan dan antarabangsa seperti berikut:

   - 'Malaysia Tetap Pilihan Destinasi Pendidikan Tinggi Global' oleh Media Indonesia pada 11 Ogos 2021.
   - Majlis Pelancaran Portal '*Discover Education Malaysia*'.
   - Kerjasama antara Education Malaysia Global Services (EMGS) dan Malaysia Airlines Berhad, terbangkan pelajar dari Jepun oleh Sinar Harian & Bernama pada 12 Julai 2021 dan MTown weekly, akhbar media Korea pada 13 Julai 2021.

MEDIA INDONESIA

e-Paper

Date: 11 August 2021

Malaysia Tetap Pilihan Destinasi Pendidikan Tinggi Global

Mediaindonesia.com | Internasional

STUDY IN MALAYSIA University of Diversity

10.Program CSR - EMGSCares

Melalui inisiatif CSR 'EMGSCares', warga EMGS turut serta membantu memberikan sumbangan berbentuk bekalan makanan dan keperluan asas diri untuk meringankan beban mangsa-mangsa banjir di sekitar Lembah Klang dan Pahang.

11.Mesyuarat bersama Persatuan Pelajar Antarabangsa & Alumni

Pihak EMGS telah mengadakan mesyuarat bersama persatuan-persatuan pelajar antarabangsa dan alumni '*Study in Malaysia*', bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara EMGS dengan pelajar antarabangsa dan alumni dan membincangkan potensi kolaborasi untuk mempromosikan '*Study in Malaysia*'.

12. Mesyuarat bersama Jawatankuasa Penasihat EMGS

Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan cabaran industri pendidikan tinggi Malaysia semasa pandemik dan menyediakan mekanisme di semua peringkat pengajian tinggi untuk membantu meningkatkan komunikasi dan interaksi dengan orang ramai, terutamanya industri pendidikan tinggi global.

13. Mesyuarat bersama Kedutaan Asing di Malaysia

Mesyuarat ini membincangkan pelbagai isu kepentingan bersama bagi meningkatkan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak, khususnya dalam sektor pendidikan antarabangsa.

14. Mesyuarat bersama Institusi Pengajian Tinggi

Lawatan ini membincangkan pelbagai isu kepentingan bersama bagi meningkatkan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak, khususnya dalam sektor pendidikan antarabangsa.

15. EMGS #*Coursetalk Series*

Siri EMGS #*CourseTalk* telah diadakan bersama wakil-wakil dari institusi pengajian tinggi di Malaysia. Program ini juga telah memberikan peluang kepada wakil IPT untuk memperkenalkan program dan kursus mereka secara LIVE di platform media sosial EMGS. Sehingga kini, lebih daripada 50 siaran langsung telah dibuat dan meraih sejumlah 10.4 juta tontonan video, menjangkau lebih 7 juta pelajar dan ibu bapa dari 34 negara.

16.Iftar EMGS Bersama Pelajar Antarabangsa

EMGS telah menganjurkan Iftar 2021 buat pertama kalinya bersama Pelajar Antarabangsa pada 26 April 2021 di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur. Sesi iftar ini dihadiri oleh pelajar dari 22 universiti di seluruh Malaysia melibatkan 20 negara berbeza. Sesi iftar ini diadakan sebagai tanda penghargaan serta ucapan terima kasih kepada pelajar antarabangsa yang telah memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian mereka.

17.Aktiviti Pemasaran

PAMERAN ANTARABANGSA			
Bil.	**Tarikh**	**Program**	**Kategori Program**
1.	19 - 21 Januari 2021	*Virtual Career Day* Majlis Guru Bimbingan Kaunseling, MGBK DKI Jakarta 2021	Pameran *Solo Study* in Malaysia secara maya
2.	29 – 30 Januari 2021	*South Korea Virtual Study Abroad Information Session*	Pameran *Solo Study* in Malaysia secara maya
3.	2 – 25 Februari 2021	*Japan Study in Malaysia Virtual Seminar & Student Poster Competition*	Pameran *Solo Study* in Malaysia secara maya
4.	24 Februari 2021	*Study in Malaysia Agent Workshop – Turkey*	Bengkel Ejen Perekrutan
5.	16 Mac 2021	*Signing Ceremony of Memorandum of Understanding (MOU) between EMGS and Malaysia-China Business Council (MCBC)*	Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2021 bertarikh 31 Mac 2021
6.	9 – 22 Mac 2021 & 24 Jun – 5 Julai 2021	*Study in Malaysia Webinar Week Afghanistan 1.0 and 2.0*	MOU
7.	26 Februari – 7 Mac 2021	Penambahbaikan Syarat Kelayakan Masuk ke Program Ijazah Sarjana Muda dalam Standard Program: Undang-Undang dan Perundangan Syariah	Pameran *Solo Study* in Malaysia secara maya
8.	27 Februari 2021	*Study in Malaysia Pakistan Education & Career Fair (School Tour)*	Pameran *Solo Study* in Malaysia separa maya
9.	30 Mac 2021	*EMGS Welcoming & Briefing Session 67 postgraduate students from Indonesia*	Perjumpaan dengan pelajar
10.	21 April 2021	*BEGIN Virtual Central Asia Fair*	Pameran *Solo Study* in Malaysia
11.	8 May 2021	*Are you ready to Study in Malaysia Mongolia*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
12.	4 Jun 2021 & 2 Julai 2021	*Study in Malaysia Q&A Session with Chinese Students and Scholars Association, Universiti Malaya 1 & 2*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
13.	24 – 25 Jun 2021	*North Africa Virtual Education Expo 2021*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
14.	24 – 25 Jun 2021	*International Higher Education Virtual Expo & Seminar in Philippines*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
15.	11 Julai 2021	*Arrival of Japanese Students with Collaboration between MAS & EMGS*	Kerjasama Pemasaran Bersama Antara Industri
16.	15 Julai 2021	*Study in Malaysia Webinar Week with Palestine Progressive Association*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
17.	16 Julai 2021	*Edufair Roadshow by Persatuan Pelajar Indonesia (PPI)*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
18.	23 Julai 2021	*Visa Talk with Bruneian Students Association*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
19.	30 Julai – 14 Ogos 2021	*Study in Malaysia Premier Edufair Showcase 2021*	Pameran *Solo Study in Malaysia*

Bil.	Tarikh	Program	Kategori Program
20.	Julai – December 2021	*Malaysia Thematic Edufair – Indonesia*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
21.	6 Ogos – 24 September 2021	*Study in Malaysia Open Campus Campaign Japan*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
22.	12 September 2021	*Study in Malaysia Virtual Event in Japan*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
23.	20-24 September 2021	*Study in Malaysia Pakistan South Punjab Tour*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
24.	30 September 2021	*Study in Malaysia Agent Workshop - Central Asia*	Bengkel Ejen Perekrutan
25.	13 Oktober 2021	*FPP Virtual Fairs – Turkey Russia and Central Asia*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
26.	13 Oktober 2021	*Study in Malaysia Namal University Postgraduate Workshop*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
27.	13 Oktober 2021	*FPP Virtual Fairs Turkey, Russia, Iran & Central Asia*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
28.	13 – 15 Oktober 2021	*ICEF Virtual China*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
29.	19-21 Oktober 2021	*International Education Show 2021 Sharjah, UAE*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
30.	22 Oktober 2021	*Info Session with China Students (SeGI University)*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
31.	23 – 24 Oktober 2021	*IEFT International Education Fair Turkey*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
32.	25 – 27 Oktober 2021	*EduTraC Oman*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
33.	27 Oktober 2021	*Malaysia as Tourism and Study Destination Webinar*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
34.	28 Oktober 2021	*BEGIN Virtual Fair Tropical Africa*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
35.	26 – 28 November 2021	*Study in Malaysia South Korea Hybrid Fair*	Pameran *Solo Study in Malaysia*
36.	13 – 18 Disember 2021	*Expo 2020 Dubai*	Pameran *Solo Study in Malaysia*

18. Memorandum Persefahaman (MoU) di antara EMGS dan *Malaysia-China Business Council* (MCBC)

Tarikh: 16 Mac 2021

Dalam usaha untuk mempromosikan pendidikan di Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui *Education Malaysia Global Services (EMGS) telah mengadakan kerjasama strategik dengan Malaysia-China Business Council (MCBC*).

Satu memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani pada 16 Mac 2021 oleh CEO EMGS, Mohd. Radzlan Jalaludin dan Ketua Pegawai Eksekutif MCBC, Lee Thai Hung yang disaksikan oleh YB Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Sri Tiong King Sing, Duta Khas Perdana Menteri Ke China merangkap Pengerusi MCBC dan YB Dato' Mansor Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi.

Memorandum ini ditandatangani bagi membuka ruang yang lebih luas dalam menjalinkan kerjasama kedua-dua pihak bagi mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa yang menawarkan sistem pendidikan tinggi yang berkualiti.

19.*Study in Malaysia Pakistan Education & Career Fair (School Tour)*

Tarikh: 27 Februari - 6 Mac 2021

Negara Pakistan terus memainkan peranan penting untuk institusi pengajian tinggi di Malaysia. Malaysia berada di kedudukan ketiga sebagai destinasi pilihan pelajar Pakistan melanjutkan pendidikan tinggi mereka untuk tiga (3) tahun berturut-turut. EMGS juga telah melancarkan program promosi separa maya di Pakistan. Program ini telah disertai oleh wakil atau agen pendidikan dari Pakistan dan sesi taklimat mengenai pengajian yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi di Malaysia juga telah diadakan.

Program ini turut dihadiri oleh pelajar-pelajar sekolah akhir tahun di Pakistan.

Huraian mengenai program:

- 8 penyertaan IPT tempatan
- 24,800 tontonan iklan, 1456 penjunjung pameran
- 3032 pertanyaan (*inquiries*)

***20.'EMGS Welcoming & Briefing Session'* bersama 67 pelajar pascasiswazah dari Indonesia**

Tarikh: 30 Mac 2021

EMGS telah mengalu-alukan kehadiran pelajar antarabangsa pascasiswazah baharu dari Indonesia semasa Sesi Sambutan dan Taklimat untuk Penerima Biasiswa Nusa Tenggara Barat (NTB) di Crystal Crown Hotel, Kuala Lumpur. Inisiatif biasiswa NTB ini adalah salah satu usaha untuk mengeratkan hubungan kedua-dua belah pihak antara Malaysia dan Indonesia terutama dalam sektor pendidikan. Seramai 67 pelajar pascasiswazah dari Indonesia telah dipilih sebagai penerima Biasiswa NTB.

Ini ialah jumlah pelajar antarabangsa tajaan biasiswa NTB terbesar diterima semenjak pandemik melanda negara. Pelajar antarabangsa ini telah menjalani tempoh kuarantin selama tujuh (7) hari melalui proses SOP yang ketat di stesen kuarantin mereka di Crystal Crown Hotel, Kuala Lumpur. Prosedur daftar keluar kuarantin telah dilakukan oleh pihak Angkatan Pertahanan Awam (APM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM).

Pelajar-pelajar ini juga telah mengikuti sesi taklimat Visa NTB secara maya yang telah dianjurkan oleh pihak EMGS pada bulan Februari 2021. Setelah sesi taklimat berakhir, pelajar-pelajar ini berangkat ke universiti masing-masing bersama wakil dari pihak universiti.

21. Ketibaan Pelajar Antarabangsa dari Jepun dengan kerjasama Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan EMGS

Tarikh: 11 Julai 2021

14 pelajar antarabangsa dari Jepun yang telah tiba di Malaysia di bawah kolaborasi antara EMGS dan Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah selesai menjalani kuarantin wajib pada 24 Julai 2021. Pelajar Ijazah Sarjana Muda ini telah menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di pusat kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

Berdasarkan kepada SOP yang digariskan oleh Kerajaan Malaysia, penilaian risiko tambahan telah dijalankan terhadap para pelajar ini.

Pelajar-pelajar tersebut akan mengikuti pengajian di Monash University, Taylor's University, Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), HELP University dan Kolej Sunway. Pengurusan pengangkutan pelajar ke kampus telah diuruskan oleh wakil dari institusi masing-masing.

EMGS juga telah mengadakan sesi *Meet and Greet* secara maya dengan para pelajar pada 23 Julai 2021 yang lalu yang turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin diiringi oleh wakil dari pihak EMGS yang lain.

22. *Study in Malaysia Premier Edufair Showcase 2021*

Tarikh: 30 Julai - 14 Ogos 2021

EMGS telah mengadakan sesi '*Study in Malaysia Premier Edufair Showcase*'. Dilancarkan di Timur Tengah, Timur Asia, ASEAN dan Asia Selatan, pameran ini disertai oleh 26 institusi pengajian tinggi dari seluruh Malaysia.

23. International Education Show 2021 Sharjah, UAE

Tarikh: 19 - 21 Oktober 2021

Penyertaan EMGS dalam program antarabangsa ini bertujuan mempromosikan pendidikan tinggi di Malaysia khusus untuk pelajar Timur Tengah. Program ini berjaya mendapatkan 100 pelajar dan ibu bapa mereka untuk melawat pameran EMGS.

24. IEFT International Education Fair Turkey

Tarikh: 23 – 24 Oktober 2021

Penyertaan EMGS dalam program *IEFT International Education Fair Turkey* mempromosikan *Study in Malaysia*. 41 pelajar melawat pameran EMGS. Turut serta melawat ialah Konsular Malaysia di Turki, *TUGVA Youth Foundation, Malaysian Alumni in Turkey, Onder Foundation and Malaysian Students in Turkey*. Juga berjumpa dengan Pengerusi YEDAB, Encik Osman Yilmaz, Eduvision dan Global Vizyon.

25. Expo 2020 Dubai

Tarikh: 13 - 18 Disember 2021

EMGS bersama KPT bekerjasama mengendalikan Pavilion Malaysia bersempena dengan Minggu Pendidikan di Ekspo 2020 Dubai bermula pada 13 hingga 18 Disember 2021 dengan tema '*Education for Sustainable Development*'. EMGS merupakan agensi di bawah KPT yang telah dilantik untuk menerajui Minggu Pendidikan dalam mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan global kepada seluruh dunia.

Sepanjang Minggu Pendidikan, Pavilion Malaysia disertai oleh sembilan (9) agensi kerajaan, 21 institusi pengajian tinggi dan enam (6) syarikat korporat pendidikan dari Malaysia. Program-program yang dianjurkan sepanjang tempoh ekspo termasuklah siri seminar, sesi '*pocket talk*', bengkel ejen, pelancaran produk dan sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU). Kesemua program ini diadakan bagi menarik lebih ramai pengunjung untuk mengenali Malaysia dengan lebih dekat serta membuka peluang dan potensi kerjasama daripada pelbagai pihak. EMGS berharap dengan adanya ekspo ini ianya dapat memberikan ruang dalam meningkatkan hubungan dengan pelbagai pihak dari cetusan idea-idea dan inisiatif transformasi pendidikan ke arah kelestarian sejagat.

Laporan Prestasi Bahagian ISMS

PENGENALAN

International Student Management Services (ISMS) yang ditubuhkan pada tahun 2013 merupakan salah satu bahagian di bawah EMGS yang menjadi tunggak utama EMGS dalam urusan berkaitan pas pelajar antarabangsa. Skop perkhidmatan yang ditawarkan adalah bermula dengan perkhidmatan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pada Februari 2013. Skop ini kemudian diperluaskan kepada Pusat Bertauliah pada Julai 2014, Pusat Bahasa dan Pusat Kemahiran pada Mac 2015 serta Universiti Awam pada April 2015.

1. Fungsi Bahagian ISMS

1.1 Mengurus dan memproses permohonan pelajar antarabangsa bagi permohonan pas pelajar untuk belajar di Universiti Awam (UA) dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti, Pusat bahasa dan Pusat Kemahiran serta Pusat Bertauliah (JPK) di Malaysia;

1.2 Mengurus dan memproses Permohonan Baharu, Pembaharuan tahunan pas pelajar dan i-kad, *Progression*, *Variation*, Mobiliti, Pas Tanggungan Baru dan Pembaharuan serta Pas Khas untuk pelajar antarabangsa;

1.3 Mempertingkatkan sistem pengurusan pelajar antarabangsa semasa keberadaan mereka di Malaysia;

1.4 Membantu merealisasikan aspirasi KPT untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Pendidikan Antarabangsa yang telus dan adil;

1.5 Memberikan konsultasi kepada Institusi, wakil kedutaan luar negara di Malaysia, ejen serta semua pemegang taruh berkaitan permohonan pas pelajar;

1.6 Menyediakan akses kepada kemudahan perlindungan insurans dan kesihatan bagi memastikan pelajar mendapat perlindungan semasa berada di Malaysia. EMGS telah menawarkan beberapa pilihan perlindungan insurans kepada pelajar;

1.7 Membangunkan dan mengurus tadbir sistem perkhidmatan dalam talian kepada beberapa buah klinik luar dan dalam negara yang berdaftar dengan EMGS. Klinik ini menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan kepada pelajar yang mendapat tawaran belajar di Malaysia dan dilengkapi dengan sistem pautan dalam talian dengan EMGS di mana penyerahan laporan kesihatan pelajar dilakukan secara dalam talian; dan

1.8 ISMS terdiri daripada beberapa unit dalam urusan proses saringan permohonan pas pelajar iaitu;

a) *Front Desk & Scanning Team*
b) *Level 2*
c) *Level 3 (ISMS)*
d) *EMGS Team (Cyber)*
e) *Follow Up Team (FUT)*
f) *Quality Check Team (QC)*
g) *Supporting Letter Team*
h) *Passport Bank Office (PBO)*
i) *I-Kad Team*
j) *International Student Arrival Centre (ISAC)*
k) *Call Centre*
l) *Enquiry Team/Email Team*

2. Piagam Pelanggan

2.1 Memastikan permohonan pas pelajar baru (IM14)yang lengkap dan sempurna siap diproses dalam masa 14 hari bekerja;

2.2 Mengurus dan memproses permohonan pembaharuan pas pelajar Antarabangsa (IM55) dalam masa 14 hari bekerja; dan

2.3 Memproses i-kad bagi permohonan baharu dan pembaharuan dalam masa 10 hari bekerja;

3. Pencapaian Tahun Semasa Mengikut kepada KPI dan Penambahbaikan Proses bagi Tahun 2021

3.1 Pelaksanaan sistem kuota pengambilan pelajar ke (IPS) melalui STARS EMGS dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah melaksanakan sistem kuota dalam mempertingkatkan kawalan kualiti pelajar antarabangsa yang menjalani pengajian di Pusat Bahasa dan Pusat Kemahiran;

3.2 Perkhidmatan pembukaan akaun bank bagi pelajar antarabangsa EMGS telah membangunkan sebuah sistem dalam talian bagi pihak bank membuat pengesahan status pelajar yang memohon pembukaan akaun di bank-bank tempatan;

3.3 Perekodan mod pengajian pelajar antarabangsa EMGS telah melaksanakan satu inisiatif bagi mengumpul data mod pengajian pelajar antarabangsa yang telah mendapat kelulusan VAL dan pelanjutan pas pelajar.

Maklumat data tersebut akan membantu proses pemberian pas pelajar sekiranya pelajar tersebut perlu masuk ke Malaysia bagi meneruskan pengajian.

3.4 Kemudahan pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*)

EMGS telah menyediakan kemudahan pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*) bagi membantu pelajar antarabangsa membuat pembayaran *Visa on Arrival* (VOA) di pintu masuk KLIA dan KLIA 2.

3.5 *Travel Authorization Form (TAAF) for International Student System*

EMGS telah membangunkan sistem bagi memproses dan menguruskan permohonan kemasukan Pelajar Antarabangsa baharu ke Malaysia bermula pada awal tahun 2021. Pemprosesan ini adalah mengikut garis panduan kemasukan pelajar yang ditetapkan oleh agensi kawalselia dimana pelajar-pelajar yang berkelayakan dan telah memenuhi syarat-syarat sahaja dibawa ke pertimbangan Jabatan Imigresen Malaysia. Kelulusan TAAF akan dikeluarkan bersekali dengan kelulusan VAL oleh pihak Imigresen yang mempunyai tempoh sahlaku selama 6 bulan.

4. Penutup

Pada keseluruhannya, kemudahan dan inisiatif baharu yang diperkenalkan sepanjang tahun 2021 telah meningkatkan kualiti perkhidmatan dan ketelusan sistem penyampaian EMGS kepada semua pemain industri serta pemegang taruh. Sesuai dengan peranan EMGS semua inisiatif yang diperkenalkan mengambil kira fungsi utama EMGS iaitu mempromosikan pendidikan Malaysia dan memelihara kualiti ketulenan kemasukan pelajar antarabangsa. faedah daripada inisiatif tersebut juga menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara amnya.

YAYASAN **SUKARELAWAN SISWA (YSS)**

Latar Belakang

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dilancarkan pada tahun 2012 sebagai sebuah entiti milik penuh Kerajaan Malaysia melalui KPT. YSS komited untuk membudayakan kesukarelawanan dalam kalangan 1.3 juta pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia dan rantau ASEAN.

YSS meletakkan kesukarelawanan dalam kalangan belia sebagai satu elemen utama dalam membentuk pemimpin sukarelawan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2013 - 2025 yang menekankan keseimbangan antara pengetahuan dan kemahiran serta etika dan moraliti.

Sejak penubuhan pada 2012, YSS telah menjayakan 48 misi kesukarelawanan berimpak tinggi sebagai program teras yang dijalankan di negeri Sabah dan Sarawak terutamanya serta negara-negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Lao PDR dan Vietnam. YSS juga menjalankan projek-projek yang melibatkan komuniti bersama-sama rakan kerjasama strategik YSS dengan menyasarkan penerima manfaat dalam kalangan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan golongan-golongan lain yang kurang bernasib baik.

1,481 Sukarelawan Siswa telah dilatih sejak 2012 melalui persekitaran yang inklusif dan imersif apabila sukarelawan “eat, live and breathe” melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman ketika menjalani misi. Sebagai alumni, mereka mendapat akses kepada peluang yang berterusan untuk membentuk diri menjadi individu serba boleh seterusnya memimpin komuniti sekeliling.

VISI

Ke arah menjadikan Malaysia sebagai hab utama Pendidikan di peringkat global

MISI

Menggalakkan, mendidik dan membimbing pelajar Institusi Pendidikan Tinggi mengenai kesukarelawanan untuk mempromosi keamanan dunia dan memupuk semangat setiakawan.

OBJEKTIF

Dalam usaha untuk melahirkan Pemimpin Sukarelawan Global, YSS juga bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut;

- **Pemimpin Sukarelawan Yang Berimpak**

  Untuk melahirkan pemimpin sukarelawan siswa melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman yang berimpak.

- **Penjanaan Dana Berterusan**

  Untuk mempelbagai sumber penjanaan dana bagi menjamin keberlangsungan inisiatif dalam memenuhi mandat penubuhan.

- **Kerjasama Strategik**

  Untuk menggiatkan usaha kerjasama strategik dengan organisasi yang mempunyai matlamat serupa.

- **Penjenamaan**

  Untuk mengukuhkan visibiliti sebagai sebuah organisasi di dalam sektor kesukarelawanan untuk pembangunan.

NILAI

I *Inclusiveness* (Keterangkuman)

M *Mutual* (Kebersamaan)

M *Meaningful* (Bermakna)

E *Empowerment* (Pemerkasaan)

R *Right Volunteer for the Right Job* (Sukarelawan yang Tepat untuk Tugas yang Tepat)

S *Sustainability* (Keberlangsungan)

E *Exemplary* (Teladan)

TERAS YAYASAN

Kesemua projek YSS adalah berdasarkan enam (6) teras yang sekaligus menyokong *UN Sustainable Development Goals* (UN SDG). Semua projek dan aktiviti dilaksanakan bersama-sama komuniti tempatan yang tinggal di kawasan tersebut, pihak berkuasa tempatan serta melalui sokongan rakan kerjasama strategik YSS di Malaysia dan juga luar negara.

PEMERKASAAN KOMUNITI

Teras ini memfokuskan pelbagai projek yang meliputi penambahbaikan taraf hidup komuniti, bukan sahaja kerja penambahbaikan infrastruktur komuniti tetapi juga menambah baik kualiti hidup komuniti tempatan dari segi emosi dan juga ekonomi.

Contoh-contoh projek:

- Pembinaan jalan raya
- Penambahbaikan dewan komuniti
- Program penghayatan budaya

PENAMBAHBAIKAN PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN KAPASITI

Teras ini memfokuskan program pendidikan untuk murid sekolah dan pelajar institusi pendidikan tinggi. Program yang dijalankan juga termasuk program pembangunan kapasiti yang berfokus untuk melatih belia dengan kemahiran yang relevan dan kesedaran mengenai isu global.

Contoh-contoh projek:

- Kelas tuisyen
- Kaunseling kerjaya
- Kempen kesedaran

KETAHANAN TERHADAP IMPAK PERUBAHAN IKLIM & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Teras ini memfokuskan program pendidikan mengenai iklim termasuk program kesedaran dan pembangunan kapasiti untuk menghadapi kesan perubahan iklim dan usaha ke arah kelestarian alam sekitar melalui gerakan setempat.

Contoh- contoh projek:

- Program kesedaran
- Program peningkatan kemahiran petani dan jaminan makanan
- Projek penyelesaian menghadapi perubahan iklim

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN

Teras ini memfokuskan penambahbaikan tahap kesihatan serta mengekalkan kesejahteraan komuniti. Program di bawah teras ini dijalankan bergandingan dengan Kementerian Kesihatan serta NGO kesihatan untuk melaksanakan program kesedaran penyakit berjangkit serta program-program penggalakan gaya hidup sihat termasuk kesejahteraan mental.

Contoh-contoh projek:

- Saringan kesihatan
- Kelas aerobik komuniti
- Program kebersihan asas

TRANSFORMASI DIGITAL

Teras ini memfokuskan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (S.T.E.A.M) untuk komuniti termasuk projek yang bertujuan untuk menaik taraf amalan tradisional kepada digital serta membentuk komuniti celik IT yang bersedia untuk masa depan.

Contoh-contoh projek:

- Projek literasi digital untuk orang dewasa
- Kelas pengaturcaraan untuk kanak-kanak
- Program kesedaran keselamatan siber

MOBILISASI IMPAK SOSIAL

Mobilisasi impak sosial merupakan teras YSS yang berfokuskan untuk menggalakkan komuniti yang mampu untuk menyara kehidupan sendiri melalui latihan pemerkasaan komuniti tempatan dengan aktiviti keusahawanan. Projek termasuk penjenamaan atau memperbaiki status perniagaan tempatan untuk menjana lebih pendapatan dan pembangunan kapasiti komuniti untuk kelestarian lokaliti tersebut.

Penubuhan YSS memerlukan perancangan yang teliti dengan melibatkan agensi kerajaan, swasta dan negara-negara luar supaya program dapat dijalankan secara berterusan dengan membawa nilai murni masyarakat Malaysia untuk dikongsi bersama masyarakat dunia, di samping menitikberatkan modal insan dan modal sosial para pelajar Malaysia.

Selain itu, YSS juga merealisasikan hasrat mengantarabangsakan pelajar Malaysia ke luar negara melalui pelaksanaan pelbagai program kemanusiaan sejagat. Penglibatan pelajar dalam program-program YSS diharapkan dapat melahirkan golongan pelajar yang progresif dan dinamik, menjadi idola kepada pelajar lain dan masyarakat, berkebolehan dan berkeupayaan tinggi dalam mengurus kepelbagaian serta berani mengambil risiko.

Bertepatan dengan matlamat tersebut, YSS menubuhkan gerakan “Sukarelawan Siswa” yang dianggotai oleh para pelajar yang terdiri daripada sukarelawan IPT di Malaysia. Penyertaan dan keanggotaan gerakan ini dikendalikan sepenuhnya oleh YSS tanpa menubuhkan kelab-kelab atau persatuan di IPT.

PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

i. *Member of International Association for Volunteer Efforts (IAVE).*

ii. *Associate Member of International Forum for Volunteering in Development (Forum).*

iii. *Associate Member of Asia Pacific University Community Engagement Network.*

iv. *Recognition of YSS as the apart of ASEAN work plan on Youth 2016-2020 & 2021-2025 by ASEAN Secretariat.*

v. *Member of ASEAN Circle.*

vi. YSS dalam usaha mendapatkan pengiktirafan sebagai *ASEAN Entity under Annexe E of ASEAN.*

vii. YSS menyokong ke arah *United Nations Sustainable Development Goal* (SDG).

International Association for Volunteer Effort

forum

APUCEN Asia-Pacific University-Community Engagement Network

asean

Program dan Aktiviti Utama

YSS *Going Global*

Forum Antarabangsa :
Volunteering In Development

19-21 Oktober 2021

Wakil Acara

Encik Wan Hazman Wan Daud
Timbalan Pengerusi II

Puan Fazirah Naser
Eksekutif Kanan

Misi Bantuan Banjir

Jumlah Sumbangan
RM 200, 000

Penerima manfaat
2000 orang

Lokasi sumbangan diagihkan

- Jerantut, Pahang
- Yan, Kedah
- Kota Marudu, Sabah
- Politeknik Sultan Ibrahim, Johor

YSS *Tuition Mission* Percuma

1) Projek YSS *Tuition Mission* Percuma Golongan B40 PPR Selangor 2020/2021

a. Seramai 180 pelajar Tingkatan 4 dari tiga sekolah, iaitu
   i. SMK Lembah Subang: 60 orang
   ii. SMK Taman Dato Harun: 60 orang
   iii. SMK Taman Medan: 60 orang
b. Bermula pada Jun hingga Oktober 2021.
c. Kelas dijalankan pada setiap hari Selasa, Rabu & Khamis pada jam 2pm - 5pm melalui kelas secara dalam talian *(online)*.
d. Mata pelajaran: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah.
e. Pelajar berlatar belakang golongan B40.
f. Penglibatan Alumni YSS dalam memberikan perkongsian selama 10 minit di awal setiap kelas.

2) Projek untuk Golongan Asnaf Asrama Darul Akhyar, Kuala Nerus, Terengganu 2020 – 2021

a. Seramai 125 orang pelajar dari Asrama Darul Akhyar
   i. Tingkatan 1: 38 orang
   ii. Tingkatan 2: 33 orang
   iii. Tingkatan 3: 18 orang
   iv. Tingkatan 4: 21 orang
   v. Tingkatan 5: 15 orang
b. Lokasi pelaksanaan: Asrama Darul Akhyar.
c. Bermula pada September sehingga Disember 2021.
d. Kelas dijalankan pada setiap hari Ahad, Selasa & Khamis pada jam 8 malam - 9.30 malam secara bersemuka

e. Mata pelajaran: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris,
f. Pelajar berlatar belakang daripada golonga10 asnaf, fakir miskin dan anak yatim.
g. Melibatkan seramai 50 orang Fasilitator/ Sukarelawan Siswa dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
h. Guru-guru mengajar dari tiga (3) sekolah di Kuala Nerus, iaitu SMK Batu Rakit, SMK Padang Kemunting dan SMK Kompleks Mengabang Telipot. *YSS Tuition Mission* Percuma di PPR, Selangor dan Asrama Darul Akyar, Kuala Nerus, Terengganu. *YSS Free Tuition Mission at PPR*, Selangor dan Asrama Darul Akyar, Kuala Nerus, Terengganu.

3) *Digital Learning & Dakwah*

a. Program Perumahan Rakyat (PPR) Intan Baiduri, Kuala Lumpur
b. Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Fardhu Ain
c. 60 Pelajar
d. Oktober 2021-Februari 2022

4) Inisiatif *Tuition Mission*

1) Ziarah Cakna Tuition Mission Selangor PPR, Lembah Subang 19 Mac 2021
2) Program Perkampungan Ilmu Golongan Asnaf Asrama Darul Akhyar 08-10 April 2021
3) Program Pemantapan Jiwa Santunan Budi dan Ihya Ramadhan Golongan Asnaf Asrama Darul Akhyar 22-24 April 2021
4) Ziarah Cakna *Tuition Mission* Selangor Taman Medan 28 April 2021



B.U.L.B. Projek Fasa 1 AEON Sayap Bagimu

Jumlah Pelajar Terlibat

2,500 pelajar

Lokasi

Kedah- 200 pelajar

Perak- 200 pelajar

Perak- 200 pelajar

Selangor- 500 pelajar

Negeri Sembilan- 200 pelajar

Johor- 200 pelajar

Sarawak- 500 pelajar

Kelantan- 200 pelajar

Kuala Lumpur- 300pelajar

Penyelarasan Sukarelawan bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

1) **Pusat Pemberian Vaksin Mega Stadium Bukit Jalil**

   20 Sukarelawan bagi penugasan 7 hari seminggu

   Julai-September 2021

2) **Program Imunisasi Kerjasama - Swasta Wisma Huazhong**

   10 Sukarelawan bagi penugasan 7 hari seminggu

   Jun-Oktober 2021

Projek Khas

1) JOM sahur #KPT Prihatin
   Kuala Lumpur
   350 penerima
2) OPS IPT pulang
   1000 Mahasiswa
3) Projek Khas Sekolah Perlembagaan
   100 Peserta

MASKUM Volunteer Empowerment eTraining

- 23-28 Ogos
- 8 *speaker* & 8 *module*
- 20 Institusi Pengajian Tinggi
- 250 peserta

UTP Volunteers Development Programme

- 23-28 Ogos
- 7 speaker & 7 module
- 250 peserta

Volunteer Leadership Development Programme 2021

" Ideate Your Impact"

- 1-3 Disember
- UTM KL
- 19 Institusi Pengajian Tinggi
- 95 Peserta

CATATAN

CATATAN

CATATAN

www.mohe.gov.my